SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN

# LAPORAN TAHUNAN 2019
# ANNUAL REPORT

**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN**

*ENFORCEMENT AGENCY INTEGRITY COMMISSION*

# LAPORAN TAHUNAN
# ANNUAL REPORT 2019

**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN**

*ENFORCEMENT AGENCY INTEGRITY COMMISSION*

**© Hak cipta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan**
Hak Cipta ini adalah milik Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan. Kesemua atau mana-mana bahagian laporan ini boleh disalin dengan syarat pengakuan sumber dibuat atau kebenaran diperolehi daripada Suruhanjaya. Suruhanjaya menyangkal sebarang tanggungjawab, waranti dan liabiliti sama ada secara nyata atau tidak ke atas sebarang salinan penerbitan yang dibuat tanpa kebenaran Suruhanjaya. Anda perlu memaklumkan penggunaan.
Hak Cipta terpelihara.

***© Copyright Enforcement Agency Integrity Commission***
*The copyright of this report belongs to the Enforcement Agency Integrity Commission. All or any part of this report may be reproduced provided acknowledgement of source is made or with the Commission's permission. The Commission assumes no responsibility, warranty and liability, expressed or implied by the reproduction of this publication done without the Commission's permission. Notification of such use is required.*
*All rights reserved.*

# ISI KANDUNGAN
## CONTENTS


**PERUTUSAN PENGERUSI** 5
*THE CHAIRMAN'S MESSAGE*

**PESURUHJAYA** 11
*THE COMMISSIONERS*

**MAKLUMAT KORPORAT** 17
*CORPORATE INFORMATION*

**ADUAN DAN SIASATAN** 23
*COMPLAINTS AND INVESTIGATIONS*

**LAWATAN KEBAJIKAN PDRM** 39
*WELFARE VISITS TO THE ROYAL MALAYSIAN POLICE*

**PROMOSI DAN PUBLISITI** 53
*PROMOTION AND PUBLICITY*

**PEMERKASAAN EAIC KEPADA IPCMC** 67
*THE EMPOWERMENT OF THE EAIC AS THE IPCMC*

**TADBIR URUS KORPORAT** 75
*CORPORATE GOVERNANCE*

**KELAB KEBAJIKAN DAN REKREASI EAIC** 87
*EAIC WELFARE AND RECREATION CLUB*

**PENGURUSAN KEWANGAN** 95
*FINANCIAL MANAGEMENT*

**LAMPIRAN** 105
*APPENDIXES*



# PERUTUSAN PENGERUSI

THE CHAIRMAN'S MESSAGE



# PERUTUSAN PENGERUSI
## THE CHAIRMAN'S MESSAGE

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh Dan Salam Sejahtera.**

Saya memanjatkan rasa syukur ke hadrat Ilahi atas kurnianNya dapat saya sekali lagi melakarkan secara ringkas kata-kata aluan bagi Laporan Tahunan 2019. Dengan limpah rahmat dan izinNya, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) terus berjaya mengharungi tahun 2019 dengan cemerlang. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga saya sampaikan kepada seluruh warga EAIC yang sama-sama berganding bahu menyumbang khidmat bakti dan tenaga dalam pelaksanaan tanggungjawab kepada masyarakat dan negara.

Sesungguhnya tahun 2019 merupakan tahun yang cukup sibuk dan penuh cabaran buat EAIC. Seperti yang umum sedia maklum, selepas pilihanraya umun ke-14 Kerajaan telah menubuhkan *Governance, Integrity and Anti-Corruption Center* (GIACC) iaitu pusat pentadbiran di bawah Jabatan Perdana Menteri untuk menyelaras dasar dan tindakan mengukuh ketelusan pentadbiran kerajaaan dan mempertingkatkan integriti di kalangan penjawat awam di semua peringkat serta membasmi rasuah; dan EAIC secara pentadbiran telah diletakkan di bawah GIACC. Susulan daripada itu pada 21 September

***Assalamu'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh and salutations.***

*First and foremost, I would like to express my most heartfelt gratitude to Allah, Most High, for His grace so that I may once again briefly outline the opening remarks for the 2019 Annual Report. By His mercy and permission, we of the Enforcement Agency Integrity Commission (EAIC) have successfully traversed through 2019. I would also like to extend my thanks and appreciation to all EAIC staff who have worked together to contribute their services and energy in the implementation of our responsibilities to the community and the country.*

*Indeed, 2019 was a very busy and challenging year for the EAIC. It is common knowledge that after the 14$^{th}$ General Election, the Government established the Governance, Integrity and Anti-Corruption Centre (GIACC), which is an administrative centre under the Prime Minister's Department to coordinate policies and actions in order to consolidate the transparency of government administration, while also enhancing integrity among civil servants at all levels, and eradicating corruption. Moreover, the EAIC administratively has been placed under the GIACC. Following this, on the 21st of September*

2018 Perdana Menteri telah mengumumkan untuk memperkasakan EAIC menjadi Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis / *Independent Police Complaints and Misconduct Commission* (IPCMC) yang mana IPCMC akan bertindak sebagai sebuah badan pemantau Polis DiRaja Malaysia (PDRM) yang lebih holistik. EAIC menyambut baik keputusan ini sebagai satu langkah untuk membanteras perbuatan salah laku dan rasuah dalam kalangan pegawai dan anggota PDRM.

*2018 the Prime Minister announced that the EAIC would now function as the Independent Police Complaints and Misconduct Commission (IPCMC), to act as a more holistic monitoring body for the Royal Malaysia Police (PDRM). The EAIC welcomes this decision as a measure to eradicate misconduct and corruption among PDRM officers and constables.*

Bagi tujuan di atas EAIC telah ditugaskan membantu GIACC untuk melakukan transformasi EAIC menjadi IPCMC dan menggubal satu Rang Undang-Undang (RUU) IPCMC yang baru dan mengemukakannya kepada pihak Pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah (GIACC). Dalam proses penggubalan RUU IPCMC tersebut, EAIC telah mengadakan perbincangan bersama pihak-pihak berkepentingan seperti Kementerian Dalam Negeri (KDN), PDRM, Jabatan Peguam Negara (AGC), GIACC serta Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam memastikan satu RUU IPCMC yang komprehensif dapat dibentuk. RUU IPCMC tersebut telah dibentangkan di Dewan Rakyat buat bacaan kali pertama pada 18 Julai 2019.

*In line with the above mentioned, EAIC has been tasked with assisting the GIACC to transform EAIC into the IPCMC and enact a new IPCMC Bill (RUU) to be submitted to the Centre for Governance, Integrity and Anti-Corruption (GIACC). In the process of drafting the IPCMC Bill, EAIC have held discussions with stakeholders such as the Ministry of Home Affairs (KDN), PDRM, the Attorney General's Chambers (AGC), the GIACC and the Public Service Department (JPA) in ensuring the formation of a comprehensive IPCMC Bill. The IPCMC Bill was tabled in the Dewan Rakyat for a first reading on 18 of July 2019.*

Bagi memastikan hasrat Kerajaan ini berjaya direalisasikan, EAIC telah menyusun dan merancang strategi pada tahun 2019 dengan mengambil kira transformasi EAIC yang akan diperkasakan menjadi IPCMC sebagai agensi yang memantau anggota dan pegawai polis. Justeru, fokus EAIC pada tahun 2019 adalah lebih tertumpu kepada agensi penguatkuasaan utama ini.

*To ensure that the Government's aspirations will be successfully realised, EAIC formulated and planned a strategy in 2019 that took into account the transformation of EAIC, which would be empowered to become the IPCMC as an agency that monitors police personnel and officers. Thus, the EAIC's focus in 2019 was more directed toward this major enforcement agency.*

Antara inisiatif baru yang dijalankan oleh EAIC dalam proses transformasi ini adalah dengan mengadakan lawatan kebajikan bagi melihat kemudahan fasiliti, logistik dan hal-hal berkaitan kebajikan dan kesejahteraan PDRM selaras dengan fungsi dan kuasa yang diperuntukkan oleh RUU IPCMC. Berdasarkan pemerhatian melalui lawatan yang dilaksanakan ke hampir seluruh lokap dan kuarters PDRM di Malaysia, kebanyakan lokap dan kuartes PDRM telah berusia lebih daripada 30 tahun. Oleh yang demikian, penyelenggaraan yang berkala adalah perlu bagi memastikan kerosakan yang berlaku pada lokap dan kuarters tidak bertambah teruk dan akhirnya menyebabkan kos pembaikan yang semakin besar. EAIC memandang serius aspek kebajikan warga PDRM dan telah memanjangkan hasil lawatan kebajikan oleh EAIC kepada GIACC bagi memastikan tindakan penambahbaikan dapat diambil oleh pihak Kerajaan.

*Among the new initiatives undertaken by EAIC in the transformation process was to conduct welfare visits to observe the facilities, logistics and matters related to the welfare and wellbeing of PDRM in line with the functions and power provided by the IPCMC Bill. Based on observations through these visits to almost all PDRM lockups in Malaysia, the majority are over 30 years old. Therefore, regular maintenance is necessary to ensure that the wear and tear of these lockups and quarters does not deteriorate even further and ultimately lead to increased repair costs. The EAIC views the welfare of PDRM personnel seriously and has passed the observations of the welfare visits by EAIC on to the GIACC to ensure that measures of improvement would be taken by the Government.*

Walaupun proses transformasi EAIC kepada IPCMC mendominasi aktiviti pada tahun 2019, akan tetapi *"core business"* EAIC tetap diteruskan dan pada tahun 2019,

*Although the process of transforming EAIC into IPCMC were predominant in our activities in 2019, EAIC's core business continued and in 2019 EAIC recorded 970 complaints, an*

EAIC mencatatkan penerimaan jumlah aduan salah laku sebanyak 970 aduan iaitu peningkatan sebanyak 40% berbanding dari tahun sebelumnya. Peningkatan ini dilihat kerana usaha berterusan EAIC meningkatkan proses penerimaan aduan yang menjurus ke arah proses pendigitalan dengan menggunakan platform e-aduan dan e-mel. Berdasarkan statistik yang diterima, kira-kira 55% sumber aduan dibuat oleh orang ramai pada tahun 2019 adalah melalui e-aduan dan e-mel Aduan EAIC. Peningkatan penerimaan aduan melalui dua medium ini dipercayai kerana ianya lebih menjimatkan masa dan kos serta lebih pantas kerana pengadu tidak perlu lagi hadir ke pejabat EAIC bagi membuat aduan.

*increase of 40% from the previous year. This increase is seen as part of EAIC's ongoing efforts to improve the process of receiving complaints, in line with the digitisation process by way of thee-complaint and e-mail platforms. Based on statistics received, approximately 55% of the source of complaints made by the public in 2019 were through e-complaint and e-mails to EAIC Complaints. The increase in the number of complaints via these two mediums are understood to be due to the ease of saving time and money, as well as being faster because the filer of the complaint is no longer required to come to EAIC office in person to make a complaint.*

EAIC juga menyambut baik proses pendigitalan ini dan sentiasa membuat penambahbaikan ke atas borang e-aduan bagi memastikan ianya lebih mesra pengguna dan dapat diakses dengan mudah oleh orang ramai melalui laman sesawang EAIC. Semoga dengan penambahbaikan yang dilakukan ini, orang ramai akan dapat tampil lebih kerap dan membuat pengaduan terhadap sebarang salah laku yang dibuat oleh pegawai penguat kuasa atau agensi penguatkuasaan itu sendiri kerana membuat aduan kini hanyalah dihujung jari dan mudah diakses di mana-mana sahaja.

*EAIC also welcomes this digitisation process and is constantly making improvements to the e-complaint form to ensure it is more user-friendly and easily accessible to the public through the EAIC website. It is hoped these improvements will enable the public to come forward more often and make complaints about any malfeasant actions by enforcement officers or enforcement agencies themselves, as the complaint process is at the tip of their fingers and may be accessed anywhere.*

Selain itu, peningkatan bilangan aduan ini juga menunjukkan kesedaran masyarakat tentang peranan yang dimainkan oleh EAIC dalam menangani salahlaku dikalangan pegawai penguat kuasa agensi penguatkuasaan seliaan. Peningkatan kesedaran ini tidak akan terhasil tanpa kempen kesedaran dan publisiti meluas yang dijalankan oleh EAIC dari semasa ke semasa.

*Moreover, the increase in the number of complaints also indicates the public's awareness of the role played by EAIC in dealing with misconduct amongst enforcement officers of regulatory agencies. This increase in awareness may not have been fruitful without extensive awareness and publicity campaigns conducted by EAIC from time to time.*

Selain menerima aduan daripada orang ramai, EAIC juga memulakan inisiatif penyiasatan berkenaan dengan sesuatu salah laku sekiranya perkara salah laku tersebut mempunyai kepentingan terhadap orang ramai seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 28 Akta 700. Pada tahun 2019, satu siasatan di bawah Seksyen 28 telah dijalankan oleh EAIC berhubung dengan kes kematian Mohd Izham Bin Abd Rahman (si mati) yang telah ditemui mati sewaktu masih berada dalam tahanan PDRM. Walau bagaimanapun, setelah siasatan dibuat oleh pihak EAIC, di dapati si mati telah meninggal dunia di hospital sewaktu dalam keadaan koma dan kematian adalah disebabkan serangan jantung secara mengejut. Hasil bedah siasat mendapati bahawa tiada kekerasan oleh pihak polis dapat disangkutkan dengan kematian si mati dan secara tidak langsung siasatan EAIC telah membersihkan nama pihak PDRM.

*In addition to receiving complaints from the public, EAIC also initiates investigations in connection with malfeasance if a matter of misconduct is of public interest as stated under Section 28 of Act 700. In 2019, an investigation under Section 28 was conducted by the EAIC in connection with the death of Mohd Izham Bin Abd Rahman (the deceased) who was found dead in PDRM custody. However, after the investigation by EAIC, it was discovered that the deceased had died in hospital whilst comatose and that the cause of death was a sudden heart attack. The autopsy results found that no violence on the part of the police was connected to his death and the EAIC investigation had indirectly cleared the name of the PDRM.*

Pada tahun 2018, EAIC telah memperkenalkan satu kempen kesedaran iaitu *Laporkan! Salah Laku Penguat Kuasa* yang telah dilancarkan di Terminal Bersepadu Tasik Selatan. Objektif utama kempen ini adalah untuk menggalakkan orang ramai membuat aduan kepada EAIC berbanding menularkan salah laku penguat kuasa di media sosial. Bagi tahun 2019, promosi kempen ini diteruskan dengan pengedaran brosur dan poster *Laporkan! Salah Laku Penguat Kuasa* di beberapa negeri antaranya Kuala Lumpur, Selangor, Melaka, Kelantan dan Kedah seiring dengan matlamat EAIC melindungi kepentingan orang ramai melalui pencegahan dan penanganan salah laku anggota penguat kuasa atau agensi penguatkuasaan. EAIC juga pada masa yang sama bekerjasama dengan Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Parlimen) serta GIACC bagi menjayakan pelan komunikasi khusus untuk menerangkan RUU IPCMC selaras dengan proses transformasi EAIC ke IPCMC.

*In 2018, EAIC introduced an awareness campaign "Report! Misconduct of Enforcement" (Laporkan! Salah Laku Penguat Kuasa), which was launched at the Tasik Selatan Integrated Terminal. The main objective of the campaign was to encourage the public to direct their complaints to EAIC instead of spreading news of malfeasant actions of enforcement bodies on social media. In 2019, the promotion of this campaign was continued through the distribution of brochures and posters of "Report! Misconduct of Enforcement" to several states including Kuala Lumpur, Selangor, Melaka, Kelantan and Kedah in line with the aims of EAIC to protect the interests of the public by the prevention of and dealing with misconduct by enforcement personnel or enforcement agencies. At the same time, EAIC cooperated with the Office of the Minister in the Prime Minister's Department (Law and Parliament) and the GIACC to achieve a specific communication plan in order to clarify the IPCMC Bill in line with the process of EAIC's transformation into the IPCMC.*

EAIC turut menjalinkan kerjasama menghasilkan beberapa video pesanan khidmat masyarakat yang diberi tajuk Pesanan Integriti dan ia merupakan medium penyampaian mesej-mesej pemerkasaan dan pemurnian integriti yang disampaikan oleh pemimpin masyarakat. Menerusi inisiatif yang dijalankan oleh EAIC, telah meningkatkan nilai keberkesanan perhubungan awam EAIC dan pada tahun 2019, sebanyak 1400 bilangan liputan berita mengenai EAIC telah direkodkan dan merekodkan pulangan *PR Value* sebanyak RM17,484,539.94.

*EAIC also collaborated to produce several community service message videos entitled Integrity Messages as a medium for the conveying of empowerment and integrity messages delivered by community leaders. By way of the initiatives undertaken by the EAIC, EAIC's public relations have improved substantially and in 2019, a total of 1400 items of news covering the EAIC were recorded with a return PR Value of RM17,484,539.94.*

Selain daripada menjalankan fungsi dan tugasan utama, EAIC melalui Kelab Kebajikan dan Rekreasi (KKR) EAIC tidak melupakan kepentingan dan kebajikan pegawai dan kakitangan EAIC. Pada tahun 2019, KKR EAIC telah mempertingkatkan penganjuran program yang menarik dan mengeratkan hubungan silaturahim antara pegawai dan kakitangan di EAIC yang merangkumi aktiviti sukan, kebajikan dan kerohanian. Antara aktiviti yang dijalankan oleh KKR EAIC adalah Hari Sukan EAIC, Hari Sukan Keluarga EAIC, Bacaan Yasin dan Potluck Bersempena Bulan Ramadhan, Program Santai EAIC @ Ulu Yam dan juga menyalurkan sumbangan kewangan untuk dana Pembinaan Surau SRA Putra Perdana, Puchong dan juga Program *Back To School* bersama Pusat Jagaan Anak-Anak Insan Al-Rahmat Hikmah.

*In addition to carrying out its key functions and duties, EAIC through the Welfare and Recreation Club (KKR) does not neglect the interests and welfare of EAIC officers and staff alike. In 2019, KKR EAIC augmented the organisation through interesting programmes and enhancing ties between officials and staff of EAIC through sports, welfare and spiritual activities. Among the activities held by the KKR EAIC are the EAIC Sports Day, EAIC Family Sports Day, Yasin Reading and Potluck in conjunction with Ramadan, EAIC Leisure Programme @ Ulu Yam, in addition to distributing financial donations for the SRA Putra Perdana Surau Construction Fund, Puchong, and Back to School Programme with Insan Al-Rahmat Hikmah Childcare Centre.*

Saya ingin menegaskan bahawa EAIC dengan sedaya upaya akan mempertahankan dan meneruskan usaha-usaha untuk meningkatkan integriti pegawai penguat kuasa melalui siasatan kes salah laku dan pengesyoran kepada agensi selaras dengan fungsinya. EAIC akan berusaha meningkatkan integriti pegawai penguat kuasa

*I would like to stress that EAIC will do its utmost to maintain and continue efforts toward the integrity of enforcement officers through the investigation of misconduct cases and recommendations to agencies in line with its functions. EAIC will endeavour to enhance the integrity of enforcement officers and help change the negative perception of the*

serta mengubah persepsi negatif orang awam terhadap pegawai penguat kuasa melalui punca kuasa Akta 700.

Akhir kata, saya ingin meluahkan rasa syukur kerana diberi peluang dan kepercayaan untuk menerajui organisasi yang bermatlamat untuk meningkatkan integriti dan mencegah salah laku pegawai penguat kuasa. Ini semua tidak akan tercapai tanpa sokongan dedikasi dan sifat keadilan yang ditunjukkan oleh barisan Pesuruhjaya serta anggota kerja yang rajin, bersemangat dan sentiasa berusaha untuk mencapai matlamat organisasi. Saya berharap, pelantikan barisan Pesuruhjaya yang akan menggantikan barisan Pesuruhjaya sedia ada yang mana terdiri daripada pelbagai latar belakang disiplin ilmu akan dapat memperkukuhkan lagi hala tuju EAIC dalam menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan yang cekap, telus dan adil sekaligus memartabatkan integriti pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan di negara ini.  Bagi pihak EAIC, saya mengharapkan kerjasama yang berterusan ini akan terus diberikan oleh agensi-agensi penguatkuasaan, badan-badan bukan Kerajaan khususnya orang ramai dalam membantu EAIC melaksanakan fungsinya dengan lebih efektif dan efisien. Semoga EAIC akan terus maju jaya.

***"INTEGRITI DIJULANG NEGARA BERMARUAH"***

Terima Kasih,
**DATO' A. AZIZ BIN A. RAHIM**

*public towards them by virtue of Act 700.*

*Finally, I would like to express my gratitude for being given the opportunity and trust to lead an organisation whose aim is to enhance integrity and prevent malfeasance among enforcement officers. All of this cannot be achieved without the dedicated support and equity demonstrated by the board of Commissioners as well as the hardworking, and enthusiastic staff, always exerting themselves to achieve the goals of the organisation. I hope the appointment of the new board of Commissioners to replace the existing Commissioners and from various disciplines of knowledge will further consolidate the direction of EAIC in improving the efficiency, transparency and fairness of its service delivery systems, as well as elevate the integrity of enforcement officers and enforcement agencies in this country. On behalf of EAIC, I hope unfailing cooperation will continue to be offered by enforcement agencies, non-governmental organisations, and especially the public in helping the EAIC perform its functions more effectively and efficiently. May EAIC continue to greater heights.*

***"INTEGRITY HELD HIGH, AN HONOURABLE COUNTRY"***

*With best wishes,*
***DATO 'A. AZIZ BIN A. RAHIM***

# PESURUHJAYA
# MANTAN PENGERUSI & PESURUHJAYA

COMMISSIONER
FORMER CHAIRMAN & COMMISSIONER

# PESURUHJAYA LANTIKAN TAHUN 2018-2019
## COMMISSIONERS APPOINTMENTS FOR THE YEAR 2018-2019



1. **YBHG. DATUK A. AZIZ A. RAHIM**
   Pengerusi / *Chairman*
2. **YBRS. PUAN LEONG MAY CHAN**
   Pesuruhjaya / *The Commissioners*
3. **YBRS. ENCIK LEE SOW SIONG**
   Pesuruhjaya / *The Commissioners*
4. **YBHG. DATO' SABARIAH HASSAN**
   Pesuruhjaya / *The Commissioners*
5. **YBRS. ENCIK JAMES NAYAGAM**
   Pesuruhjaya / *The Commissioners*
6. **YBRS. PROF. MADYA DR. ABANG EKHSAN ABANG OTHMAN**
   Pesuruhjaya / *The Commissioners*



# PESURUHJAYA LANTIKAN TAHUN 2017-2018
## COMMISSIONERS APPOINTMENTS FOR THE YEAR 2017-2018



1. **YBHG. DATUK A. AZIZ A. RAHIM**
   Pengerusi / *Chairman*
2. **YBHG. DATUK DR. ANIS YUSAL YUSOFF**
   Timbalan Pengerusi / *Deputy Chairman*
3. **YBRS. PUAN LEONG MAY CHAN**
   Pesuruhjaya / *The Commissioners*
4. **YBRS. ENCIK LEE SOW SIONG**
   Pesuruhjaya / *The Commissioners*
5. **YBRS. ENCIK JAMES NAYAGAM**
   Pesuruhjaya / *The Commissioners*
6. **YBHG. DATO' SABARIAH HASSAN**
   Pesuruhjaya / *The Commissioners*
7. **YBRS. PROF. MADYA DR. ABANG EKHSAN ABANG OTHMAN**
   Pesuruhjaya / *The Commissioners*



# PESURUHJAYA LANTIKAN TAHUN 2014-2017
## COMMISSIONERS APPOINTMENTS FOR THE YEAR 2014-2017



1. **YA DATUK YAACOB BIN HJ. MD. SAM**
   Pengerusi / *Chairman*

2. **YBHG. TAN SRI DATUK DR. ZULKEFLI BIN A. HASSAN**
   Timbalan Pengerusi / *Deputy Chairman*

3. **YBHG. DATO' SRI ROBERT JACOB RIDU**
   Pesuruhjaya / *The Commissioners*

4. **YBRS. ENCIK VINAYAK PRABHAKAR PRADHAN**
   Pesuruhjaya / *The Commissioners*

5. **YBRS. PUAN LEONG MAY CHAN**
   Pesuruhjaya / *The Commissioners*

6. **YBRS. ENCIK LEE SOW SIONG**
   Pesuruhjaya / *The Commissioners*

7. **YBHG. DATUK DR. ANIS BIN YUSAL YUSOFF**
   Pesuruhjaya / *The Commissioners*



# PESURUHJAYA LANTIKAN TAHUN 2013-2014
## COMMISSIONERS APPOINTMENTS FOR THE YEAR 2013-2014



1. **YBHG. DATUK HELILIAH MOHD YUSOF**
   Pengerusi / *Chairman*

2. **YBHG. TAN SRI DATUK DR. ZULKEFLI A.HASSAN**
   Pesuruhjaya / *The Commissioners*

3. **YBHG. DATO' SRI ROBERT JACOBRIDU**
   Pesuruhjaya / *The Commissioners*

4. **YBHG. PROFESSOR TAN SRI DATO' SERI DR. SHARIFAH HAPSAH SYED HASAN SHAHABUDIN**
   Pesuruhjaya / *The Commissioners*

5. **YBRS. ENCIK VINAYAK PRABHAKARPRADHAN**
   Pesuruhjaya / *The Commissioners*

6. **YBHG. DATO' SALEHUDDINSAIDIN**
   Pesuruhjaya / *The Commissioners*



# PESURUHJAYA LANTIKAN TAHUN 2011-2012
## COMMISSIONERS APPOINTMENTS FOR THE YEAR 2011-2012



1. **YBHG. DATUK HELILIAH MOHD. YUSOF**
   Pengerusi / *Chairman*
2. **YBHG. DATUK PAUL LOW SENG KUAN**
   Timbalan Pengerusi / *Deputy Chairman*
3. **YBHG. TAN SRI DATUK DR. ZULKEFLI BIN A. HASSAN**
   Pesuruhjaya / *The Commissioners*
4. **YBHG. DATO' SRI ROBERT JACOB RIDU**
   Pesuruhjaya / *The Commissioners*
5. **YBHG. PROFESSOR TAN SRI DATO' SERI DR. SHARIFAH HAPSAH SYED HASAN SHAHABUDIN**
   Pesuruhjaya / *The Commissioners*
6. **YBRS. ENCIK VINAYAK PRABHAKAR PRADHAN**
   Pesuruhjaya / *The Commissioners*
7. **YBHG. DATO' SALEHUDDIN SAIDIN**
   Pesuruhjaya / *The Commissioners*



# MAKLUMAT KORPORAT

CORPORATE INFORMATION

# **PENERANGAN LOGO** DESCRIPTION OF THE LOGO

Tiga bentuk yang diolah dari kuku harimau yang menunjukkan keberanian melindungi kepentingan orang awam. Tiga bentuk yang bertindih tersebut menunjukkan semangat dalam memupuk integriti dan saling membantu antara EAIC, orang ramai, dan agensi-agensi penguatkuasaan;

*Three shapes are designed like a tiger's claws to depict fearlessness in protecting the interests of the public. The overlapping of the three claws depict the spirit in fostering integrity and cooperation between the EAIC, the public and enforcement agencies;*

Tiga warna iaitu merah, emas dan hitam adalah simbolik kepada EAIC:

*The three colours of red, gold and black are symbolic of the EAIC:*

Warna merah melambangkan ketegasan EAIC dalam memperkasakan integriti di kalangan agensi penguatkuasaan;

*The colour red represents the EAIC's determination in empowering integrity within the enforcement agencies;*

Warna emas melambangkan EAIC memandang berat dan menganggap penting setiap fungsi yang diamanahkan kepada EAIC melibatkan integriti; dan

*The colour gold represents the EAIC's focus and prioritisation of each function entrusted to the EAIC concerning integrity; and*

Warna hitam melambangkan keberanian EAIC dalam bertindak tanpa rasa takut dan bimbang (*without fear or favour*);

*The colour black represents the EAIC's fearlessness in taking action without fear or favour.*

Tiga bucu tepat bertembung menunjukkan EAIC yang mengamalkan ketegasan, ketelusan dan efisien dalam melaksanakan tugas.



*The meeting of the three points indicates that the EAIC is determined, transparent and efficient in the performance of its duties.*



## MOTO Motto

Telus, Tegas, Efisien dan Berkesan

*Transparent, Firm, Efficient and Effective*

## MISI Mission

Memperkasakan sistem penyampaian perkhidmatan yang berintegriti di kalangan agensi penguatkuasaan melalui pengendalian aduan secara telus, berani, bertanggungjawab dan professional. berteraskan profesionalisme dan amalan terbaik.

*Empowering on integrity-based service delivery system among enforcement agencies through the handling of complaints in a transparent, fearlessness, responsible and professional manner.*

## VISI Vision

Peneraju dalam penguatkuasaan, transformasi dan pembudayaan integriti di kalangan agensi penguatkuasaan Malaysia berteraskan profesionalisme dan amalan terbaik.

*Pioneer in enforcement, transformation and enculturation of integrity among enforcement agencies in Malaysia established on professionalism and best practices.*

## PIAGAM PELANGGAN Clients' Charter

(a) Menerima, menyiasat dan memutuskan semua aduan yang diterima secara adil, saksama dan telus berdasarkan kuasa yang diberikan oleh undang-undang dalam tempoh masa 6 hingga 12 bulan dari tarikh aduan diterima.

*(a) To receive, investigate and resolve all complaints received in a fair, just and transparent manner based on powers given by the law, within a period of 6 to 12 months from the date a complaint is received.*

(b) Menyemak, mengaudit dan melengkapkan cadangan penambahbaikan terhadap sistem atau tatacara kerja dalam 90 hari bekerja dari tarikh dokumen dan maklumat diterima.

*(b) To revise, audit and complete proposals for improvement of the system or work procedures within 90 working days from the date documents and information are received.*

(c) Memaklumkan kepada pengadu keputusan muktamad Suruhanjaya ke atas aduan yang diputuskan dalam masa 3 hari dari tarikh keputusan Mesyuarat Suruhanjaya.

*(c) To notify the filer of a complaint regarding the commission's final decision within 3 days of the date of the Commission's Sitting.*

# OBJEKTIF
# *OBJECTIVES*

(a) Menerima, mengurus dan menyiasat setiap aduan berhubung salah laku pegawai penguatkuasa dan agensi penguatkuasaan dengan cekap, adil, telus dan berkesan;

(b) Mencapai kecemerlangan operasi penyampaian perkhidmatan melalui inovasi, teknologi dan saluran yang efisien;

(c) Menyasarkan pengurangan bilangan kes-kes salah laku pegawai penguatkuasa dan agensi penguatkuasaan dari semasa ke semasa;

(d) Menggalakkan kesedaran dan melaksanakan penambahbaikan melalui program-program pendidikan dan tindakan-tindakan pencegahan;

(e) Membantu Kerajaan dalam merumuskan perundangan dan mengesyorkan langkah- langkah pentadbiran kepada Kerajaan atau sesuatu agensi penguatkuasaan;

(f) Menyemai amalan tadbir urus yang baik di dalam agensi penguatkuasaan melalui pendidikan berterusan; dan

(g) Membangun dan memelihara imej yang cemerlang.

*(a) To receive, manage and investigate each complaint of misconduct by an enforcement officer and enforcement agency in an efficient, fair, transparent and effective manner;*

*(b) To achieve operational excellence in service delivery through innovation, technology and efficient channels;*

*(c) To target reduction in the number of cases of misconduct by enforcement officers and enforcement agencies from time to time;*

*(d) To promote awareness and implement improvements through educational programmes and preventive actions;*

*(e) To assist the Government in formulating legislation and recommending administrative measures to the Government or an enforcement agency;*

*(f) To cultivate the practice of good governance in an enforcement agency through continuous education; and*

*(g) To develop and maintain an image of excellence.*

# FUNGSI
# FUNCTIONS

Fungsi statutori EAIC yang diperuntukkan di bawah seksyen 4(1) Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700] adalah :

(a) Menerima aduan salah laku daripada orang ramai terhadap seseorang pegawai penguatkuasa atau terhadap sesuatu agensi penguatkuasaan secara amnya dan menyiasat serta mengadakan pendengaran mengenai aduan sedemikian;

(b) Merumuskan dan mengadakan mekanisme bagi mengesan, menyiasat dan mencegah salah laku oleh seseorang pegawai penguatkuasa;

(c) Melindungi kepentingan orang ramai dengan mencegah dan menangani salah laku seseorang pegawai penguatkuasa;

(d) Mengadakan pengauditan dan pemantauan mengenai aspek tertentu operasi dan tatacara sesuatu agensi penguatkuasaan;

(e) Menggalakkan kesedaran tentang, penambahbaikan mengenai, dan pendidikan berhubung dengan, integriti dalam sesuatu agensi penguatkuasaan dan mengurangkan salah laku di kalangan pegawai penguatkuasa;

(f) Membantu Kerajaan dalam merumuskan perundangan, atau mengesyorkan langkah pentadbiran kepada Kerajaan atau sesuatu agensi penguatkuasaan, demi menggalakkan integriti dan menghapuskan salah laku di kalangan pegawai penguatkuasa;

(g) Mengkaji dan menentusahkan apa-apa pelanggaran tatacara penguatkuasaan dan membuat apa-apa syor yang perlu berhubung dengannya; dan

(h) Membuat lawatan ke premis sesuatu agensi penguatkuasaan, termasuk melawat balai polis dan lokap mengikut tatacara di bawah mana-mana undang-undang bertulis, dan membuat apa-apa syor yang perlu yang berhubungan dengannya.

*The statutory functions of the EAIC as provided under section 4(1) of the Enforcement Agency Integrity Commission Act 2009 [Act 700] are:*

*(a) To receive complaints of misconduct from the public against an enforcement officer or enforcement agency in general and to investigate into and conduct hearings on such complaints;*

*(b) To formulate and put in place mechanisms for the detection, investigation and prevention of misconduct by an enforcement officer;*

*(c) To protect the interests of the public by preventing and dealing with misconduct of an enforcement officer;*

*(d) To provide the auditing and monitoring of particular aspects of operations and procedures of an enforcement agency;*

*(e) To promote awareness and enhancement of, and educate in relation to, integrity with an enforcement agency and decrease misconduct amongst enforcement officers;*

*(f) To assist the Government in formulating legislation, or to recommend administrative measures to the Government or an enforcement agency, in the promotion of integrity and the obolishment of misconduct amongst enforcement officers;*

*(g) To study and verify any infringements of enforcement procedures and to make any necessary recommendations relating thereto; and*

*(h) To make site visits to premises of an enforcement agency, including visits to police stations and lockups in accordance with the procedures under any written law, and make any necessary recommendations relating thereto.*


NILAI-NILAI BERSAMA
SHARED VALUE
01
Espirit De Corps
Espirit De Corps
02
Inovasi
Innovation
03
Integriti
Integrity
04
Profesionalisme
Professionalism
05
Dedikasi
Dedication
06
Pembelajaran dan Pengetahuan
Learning And Knowledge

# ADUAN DAN SIASATAN

COMPLAINTS AND INVESTIGATIONS

# ADUAN
# COMPLAINTS

EAIC merupakan badan bebas yang menerima aduan salah laku daripada orang ramai terhadap pegawai penguat kuasa atau terhadap sesuatu agensi penguatkuasaan sepertimana fungsi EAIC yang diperuntukkan oleh seksyen 4 Akta 700.

*The EAIC is an independent body that receives complaints of misconduct from the public concerning enforcement officers or an enforcement agency, as provided for under section 4 of Act 700.*




**Carta Pai 1: Pecahan Aduan Yang Didaftarkan Mengikut Sumber Aduan (2011-2019)**
***Pie Chart 1: Breakdown Of Registered Complaints According To Source Of Complaint (2011-2019)***

## Statistik
## *Statistics*

| SUMBER ADUAN *SOURCE OF COMPLAINT* | TAHUN *YEAR* | | |
|---|---|---|---|
| | 2019 | 2018 | 2017 |
| E-ADUAN *E-COMPLAINT* | 347 | 123 | 74 |
| E-MEL *EMAIL* | 193 | 106 | 114 |
| PENGADU HADIR *FILER OF COMPLAINT IN PERSON* | 192 | 154 | 178 |
| SURAT RASMI *OFFICIAL LETTER* | 140 | 125 | 168 |
| MEDIA MASSA *MASS MEDIA* | 44 | 2 | 7 |
| SURAT LAYANG *ANONYMOUS LETTER* | 41 | 34 | 0 |
| RUJUKAN AGENSI KERAJAAN *GOVERNMENT AGENCY REFERRAL* | 8 | 7 | 5 |
| LAIN-LAIN *OTHERS* | 5 | 0 | 0 |
| **JUMLAH *TOTAL*** | **970** | 551 | 546 |

Sumber aduan terbanyak diterima pada tahun 2019 adalah melalui e-aduan dan e-mel. Hal ini mungkin disebabkan dua medium tersebut lebih menjimatkan masa dan kos serta pantas. EAIC juga sentiasa membuat penambahbaikan ke atas borang aduan yang lebih mesra pengguna supaya dapat diakses dengan mudah oleh orang ramai melalui laman sesawang EAIC. Ini diikuti pula dengan sumber aduan daripada pengadu yang hadir ke pejabat EAIC, surat rasmi, media massa, surat layang, panggilan telefon serta aduan yang dirujuk oleh agensi kerajaan lain seperti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan Biro Pengaduan Awam.

*The sources of the majority of complaints received in 2019 were e-complaint and e-mails. This may have been due to both mediums are being time and cost efficient. EAIC constantly carries out improvements to the complaint's form in order to make it more user-friendly and easily accessible to the public through its website. This is followed by complaints from filers of complaints who come in person to EAIC office, complaints through official letters, the mass media, anonymous letters, telephone calls and complaints referred by other government agencies such as the Malaysian Anti-Corruption Commission and the Public Complaints Bureau.*

**Jadual 1: Jumlah Aduan Yang Didaftarkan dan Dibuka Fail Aduan Mengikut Negeri Bagi Tahun 2017 Sehingga Tahun 2019**
***Table 1: Number of Complaints Registered and Complaint Files Opened According to State from 2017 to 2019***

| NEGERI *STATE* | TAHUN *YEAR* | | |
|---|---|---|---|
| | 2019 | 2018 | 2017 |
| Johor | 54 | 43 | 37 |
| Kedah | 36 | 21 | 46 |
| Kelantan | 19 | 13 | 14 |
| Melaka | 23 | 16 | 21 |
| Negeri Sembilan | 38 | 31 | 30 |
| Pahang | 26 | 17 | 25 |
| Perak | 48 | 47 | 44 |
| Perlis | 5 | 6 | 2 |
| Pulau Pinang | 49 | 39 | 19 |
| Sabah | 38 | 28 | 16 |
| Sarawak | 9 | 7 | 8 |
| Selangor | 218 | 159 | 163 |
| Terengganu | 12 | 10 | 7 |
| WP Kuala Lumpur | 136 | 111 | 82 |
| WP Labuan | 0 | 1 | 1 |
| WP Putrajaya | 21 | 30 | 31 |
| **JUMLAH KESELURUHAN OVERALL TOTAL** | ****732** | **579** | **546** |

* *Jumlah keseluruhan berbeza dengan jumlah aduan yang didaftarkan kerana terdapat aduan melibatkan aduan lebih daripada satu negeri yang diadukan.*

** *EAIC menerima satu aduan melibatkan agensi Jabatan Imigresen yang beroperasi di London (High Commision Of Malaysia-Immigration Department London). Ini menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak **733**.*

* *Overall total differs from the number of complaints registered due to cases involving complaints from more than one state.*

** *EAIC had received a complaint involving the agency of the Immigration Department operating in London (High Commission of Malaysia-Immigration Department London), which brought the overall total to 733.*

**Jadual 2: Jumlah Aduan Yang Didaftarkan dan Dibuka Fail Aduan Mengikut Agensi Penguatkuasaan Bagi Tahun 2017 Sehingga Tahun 2019**

***Table 2: Number of Complaints Registered and Complaint Files Opened According to Enforcement Agency from 2017 to 2019***

| AGENSI *AGENCY* | TAHUN *YEAR* | | |
|---|---|---|---|
| | 2019 | 2018 | 2017 |
| Polis DiRaja Malaysia (PDRM)<br>*Royal Malaysia Police* | 607 | 477 | 440 |
| Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)<br>*Immigration Department of Malaysia* | 36 | 38 | 20 |
| Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ)<br>*Road Transport Department* | 20 | 9 | 13 |
| Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP)<br>*Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs* | 14 | 9 | 17 |
| Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)<br>*Royal Malaysian Customs Department* | 14 | 11 | 8 |
| Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK)<br>*National Anti-Drugs Agency* | 10 | 5 | 6 |
| Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT)<br>*Ministry of Housing and Local Government* | 8 | 3 | 3 |
| Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)<br>*National Registration Department* | 7 | 11 | 7 |
| Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya Malaysia (MOTAC)<br>*Ministry of Tourism, Arts and Culture Malaysia (MOTAC)* | 4 | 0 | 0 |
| Jabatan Tenaga Kerja (JTK)<br>*Department of Labour* | 4 | 6 | 7 |
| Jabatan Alam Sekitar (JAS)<br>*Department of Environment* | 3 | 2 | 5 |
| Jabatan Sukarelawan Rakyat Malaysia (RELA)<br>*Volunteers Department of Malaysia* | 3 | 1 | 1 |
| Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)<br>*Malaysian Maritime Enforcement Agency* | 1 | 1 | 2 |
| Kementerian Kesihatan (KKM)<br>*Ministry of Health* | 1 | 0 | 4 |
| Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM)<br>*Department of Industrial Relations Malaysia* | 0 | 1 | 0 |
| Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP)<br>*Department of Occupational Safety and Health* | 0 | 3 | 4 |
| Jabatan Perikanan (DOF)<br>*Department of Fisheries (DOF)* | 0 | 0 | 3 |
| Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM)<br>*Civil Aviation Authority of Malaysia (CAAM)* | 0 | 0 | 1 |
| Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara (PERHILITAN)<br>*Department of Wildlife and National Parks* | 0 | 1 | 0 |
| Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) negeri Sabah dan Sarawak<br>**LPKP Semenanjung Malaysia telah dibubarkan.<br>*Commercial Vehicle Licensing Board of Sabah and Sarawak*<br>*** The Commercial Vehicle Licensing Board of Peninsular Malaysia has been dissolved* | 0 | 0 | 0 |
| Pendaftar Perniagaan<br>*Registrar of Businesses* | 0 | 0 | 0 |
| **AGENSI LAIN *OTHER AGENCIES*** | | | |
| Lain-lain Agensi bukan di bawah Bidang kuasa EAIC<br>*Other agencies not under the jurisdiction of the EAIC* | 1 | 1 | 5 |
| **JUMLAH KESELURUHAN *OVERALL TOTAL*** | 733 | 579 | 546 |

**Jumlah keseluruhan berbeza dengan jumlah aduan yang didaftarkan kerana terdapat aduan sama yang melibatkan lebih daripada satu agensi yang diadukan.*

** Overall total differs from the number of complaints registered due to complaints involving more than one agency.*

## Penyelesaian Aduan

Setiap aduan yang diterima akan melalui proses siasatan awal bagi memastikan kesahan aduan. Setelah siasatan awal selesai, Kertas Pertimbangan yang mengandungi hasil siasatan dan syor tindakan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Aduan. Sekiranya hasil dapatan siasatan awal dan syor dalam Kertas Pertimbangan dipersetujui, Kertas Pertimbangan tersebut akan dibawa kepada Mesyuarat Suruhanjaya untuk pertimbangan Pesuruhjaya. Antara keputusan yang boleh dibuat dalam Mesyuarat Suruhanjaya adalah:

- (i) aduan disiasat penuh;
- (ii) aduan dirujuk kepada PBT yang berkenaan;
- (iii) aduan dirujuk kepada SPRM;
- (iv) aduan dirujuk kepada PBT dan SPRM;dan
- (v) aduan ditolak.

## *Complaints Settlement*

*Each complaint received would undergo an initial investigation to ensure its authenticity. After completion of the initial investigation, a Review Paper containing the investigation results and recommended action would be presented in the Complaints Committee Meeting. If the findings of the initial investigation and the recommendations in the Review Paper were agreed upon, the Review Paper would be forwarded to the Commission Meeting for consideration by the Commissioner. Among the resolutions that may be decided upon in the Commission Meeting are for the complaint to be:*

- *(i) fully investigated;*
- *(ii) referred to the relevant Disciplinary Board;*
- *(iii) referred to the Malaysian Anti-Corruption Commission;*
- *(iv) referred to the Disciplinary Board and the Malaysian Anti-Corruption Commission; or*
- *(v) dismissed.*

**Jadual 3: Keputusan Mesyuarat Suruhanjaya Bagi Tahun 2017 Sehingga Tahun 2019**
***Table 3: Resolutions of Commission Meetings from 2017 to 2019***

| KEPUTUSAN MESYUARAT SURUHANJAYA<br>*RESOLUTIONS OF COMMISSION MEETING* | TAHUN *YEAR* | | |
|---|---|---|---|
| | 2019 | 2018 | 2017 |
| Siasatan Penuh<br>*Full investigation* | 197 | 175 | 119 |
| Dirujuk Kepada Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT)<br>*Referred to Disciplinary Board* | 77 | 28 | 8 |
| Dirujuk Kepada SPRM<br>*Referred to the Malaysian Anti-Corruption Commission* | 21 | 8 | 5 |
| Dirujuk Kepada Pihak Berkuasa Tatatertib (PBT) PDRM Dan SPRM<br>*Referred to Disciplinary Board and Malaysian Anti-Corruption Commission* | 6 | 1 | 0 |
| Ditolak<br>*Dismissed* | 296 | 366 | 200 |
| **JUMLAH KESELURUHAN**<br>***OVERALL TOTAL*** | **597** | **578** | **332** |

Berdasarkan Jadual 3, sejumlah 597 aduan yang diterima pada tahun 2019 telah dibawa ke Mesyuarat Suruhanjaya dan 296 daripadanya telah ditolak setelah dibuat siasatan dan penilaian awal atas faktor aduan tidak berasas, aduan tersebut tidak dapat disahkan kesahihannya atau aduan melibatkan agensi di luar bidang kuasa EAIC yang mana aduan tersebut telah dipanjangkan kepada agensi berkaitan untuk pemakluman dan tindakan selanjutnya agensi tersebut.

*According to Table 3, 597 complaints received in 2019 were brought before the Commission Meeting of which 296 were dismissed after initial investigation and review due to lack of basis, unable to be verified or due to involvement of agencies outside the jurisdiction of the EAIC, whereby such complaints were then forwarded to the relevant agencies for their notification and further action.*

**Jadual 4: Status Fail Aduan EAIC**

***Table 4: EAIC Complaint Files Status***

| FAIL ADUAN *COMPLAINT FILES* | TAHUN *YEAR* | | | JUMLAH *TOTAL* |
|---|---|---|---|---|
| | 2019 | 2018 | 2017 | |
| Fail Aduan yang dibuka *Opened* | 721 | 551 | 546 | **1818** |
| Fail Aduan yang masih dalam tindakan *Still under proceedings* | 511 | 64 | 0 | **575** |
| Fail Aduan yang telah selesai *Completed* | 210 | 487 | 546 | **1243** |

**Jadual 5: Jumlah Kertas Siasatan Yang Dibuka Mengikut Agensi Dari Tahun 2017 Sehingga Tahun 2019**

***Table 5: Number of Investigation Papers Opened According to Agency from 2017 to 2019***

| AGENSI *AGENCY* | TAHUN *YEAR* | | |
|---|---|---|---|
| | 2019 | 2018 | 2017 |
| Polis DiRaja Malaysia (PDRM) *Royal Malaysia Police* | 167 | 166 | 112 |
| Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) *Immigration Department of Malaysia* | 7 | 6 | 7 |
| Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) *Royal Malaysian Customs Department* | 5 | 0 | 1 |
| Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) *Ministry of Housing and Local Government* | 4 | 0 | 1 |
| Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) *National Registration Department* | 3 | 3 | 2 |
| Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) *National Anti-Drugs Agency* | 2 | 4 | 0 |
| Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) *Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs* | 2 | 2 | 1 |
| Jabatan Tenaga Kerja (JTK) *Department of Labour* | 2 | 0 | 0 |
| Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) *Road Transport Department* | 1 | 4 | 5 |
| Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) *Malaysian Maritime Enforcement Agency* | 1 | 1 | 1 |
| Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) *Department of Occupational Safety and Health* | 1 | 0 | 2 |
| Kementerian Pelancongan, Seni Dan Budaya Malaysia (MOTAC) *Ministry of Tourism, Arts and Culture Malaysia (MOTAC)* | 1 | 0 | 1 |
| Jabatan Alam Sekitar (JAS) *Department of Environment* | 1 | 0 | 0 |
| Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara (PERHILITAN) *Department of Wildlife and National Parks* | 0 | 1 | 0 |
| Jabatan Sukarelawan Rakyat Malaysia (RELA) *Volunteers Department of Malaysia* | 0 | 0 | 0 |
| Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) *Department of Industrial Relations Malaysia* | 0 | 0 | 0 |
| Kementerian Kesihatan (KKM) *Ministry of Health* | 0 | 0 | 0 |
| Jabatan Perikanan (DOF) *Department of Fisheries (DOF)* | 0 | 0 | 0 |
| Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) *Civil Aviation Authority of Malaysia (CAAM)* | 0 | 0 | 0 |
| Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) negeri Sabah dan Sarawak<br>** LPKP Semenanjung Malaysia telah dibubarkan.<br>*Commercial Vehicle Licensing Board of Sabah and Sarawak*<br>*** The Commercial Vehicle Licensing Board of Peninsular Malaysia has been dissolved.* | 0 | 0 | 0 |
| Pendaftar Perniagaan *Registrar of Businesses* | 0 | 0 | 0 |
| **JUMLAH KESELURUHAN** ***OVERALL TOTAL*** | **197** | **187** | **133** |

## Penyelesaian Siasatan

Selari dengan fungsi EAIC sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 4 (1) (a) iaitu untuk menerima dan menyiasat aduan, pegawai-pegawai di Bahagian Operasi menggalas tanggungjawab untuk menjalankan siasatan penuh apabila Mesyuarat Suruhanjaya memutuskan bahawa sesuatu aduan tersebut mempunyai asas sepertimana diperuntukkan di bawah subseksyen 27 (4) Akta 700.

## *Completion of Investigation*

*In line with the functions of EAIC as provided under subsection 4 (1) (a) to receive and investigate complaints, officers in the Operations Division bear the responsibility of conducting a full investigation when the Commission Meeting resolves that a complaint has basis as provided under subsection 27 (4) of Act 700.*

**Jadual 6: Kertas Siasatan Yang Telah Diputuskan Oleh Mesyuarat Suruhanjaya Bagi Tahun 2017 Sehingga Tahun 2019**
***Table 6: Investigation Papers Resolved by Commission Meetings from 2017 to 2019***

| KEPUTUSAN MESYUARAT SURUHANJAYA *COMMISSION MEETING RESOLUTIONS* | TAHUN *YEAR* | | |
|---|---|---|---|
| | 2019 | 2018 | 2017 |
| Dirujuk Kepada Pihak Berkuasa Tatatertib [s30(1)(b)] *Referred to Disciplinary Board [s30(1)(b)]* | 4 | 18 | 15 |
| Dirujuk Kepada Pendakwa Raya [S30(1)(c)] *Referred to the Public Prosecutor [S30(1)9c)]* | 0 | 0 | 0 |
| Dirujuk Kepada SPRM [s27(2)] *Referred to the Malaysian Anti-Corruption Commission [s27(2)]* | 1 | 1 | 1 |
| Surat Teguran Secara Pentadbiran *Administrative Letter of Reprimand* | 2 | 2 | 18 |
| Dirujuk Kepada Pihak Berkuasa Tatatertib [s30(1)(b)] & Surat Teguran Secara Pentadbiran *Referred to Disciplinary Board [s30(1)(b)] & Administrative Letter of Reprimand* | 0 | 2 | 9 |
| Ditolak/ Tidak Dapat Disahkan [s30(1)(a)] *Dismissed/Unable to Be Verified [s30(1)(a)]* | 20 | 57 | 76 |
| **JUMLAH KESELURUHAN *OVERALL TOTAL*** | **27** | **80** | **119** |

Sepanjang tahun 2019, sejumlah 133 kertas siasatan telah diselesaikan dan diputuskan di dalam Mesyuarat Suruhanjaya yang meliputi sebanyak 27 kertas siasatan yang dibuka pada tahun 2019, 77 kertas siasatan yang dibuka pada tahun 2018 dan 29 kertas siasatan yang dibuka pada tahun 2017.

Pecahan yang dibuat di dalam Jadual 6 adalah merujuk kepada kertas siasatan yang dibuka pada tahun yang berkaitan.

*Throughout 2019, a total of 133 investigation papers were concluded and resolved in Commission Meetings comprising 27 papers opened in 2019, 77 in 2018 and 29 in 2017.*

*The breakdown provided in Table 6 refers to investigation papers opened in the relevant years.*

**Jadual 7: Status Kertas Siasatan**
**Table 7: Status of Investigation Papers**

| Keputusan Suruhanjaya *Commission Resolutions* | Tahun *Year* | | | Jumlah *Total* |
|---|---|---|---|---|
| | 2019 | 2018 | 2017 | |
| Jumlah Fail Kertas Siasatan Yang Dibuka *Number of Investigation Papers Opened* | 197 | 175 | 128 | **500** |
| Jumlah Fail Kertas Siasatan Yang Telah Selesai *Number of Investigation Papers Completed* | 27 | 80 | 119 | **226** |
| Jumlah Fail Kertas Siasatan Yang Masih Dalam Tindakan *Number of Investigation Papers Still Under Proceedings* | 170 | 95 | 9 | **274** |

Manakala bagi Jadual 7, bagi baki kertas siasatan yang dibuka pada tahun 2017 dan 2018 iaitu 9 kertas siasatan yang dibuka pada tahun 2017 dan 95 kertas siasatan yang dibuka pada tahun 2018 adalah masih dalam tindakan siasatan dan menunggu untuk dibawa ke dalam Mesyuarat Suruhanjaya.

*In table 7, of the remaining investigation papers opened in 2017 and 2018, 9 from 2017 and 95 from 2018 are still under proceedings and pending presentation before the Commission Meeting.*

# SIASATAN
# INVESTIGATION

Selaras dengan fungsi EAIC di bawah seksyen 28 Akta 700, EAIC boleh memulakan penyiasatan berkenaan dengan sesuatu salah laku yang diketahuinya atas inisiatifnya sendiri hanya jika EAIC berpuas hati bahawa perkara itu mempunyai kepentingan kepada orang awam. Sejajar dengan fungsi tersebut, satu siasatan telah dijalankan oleh EAIC berhubung dengan kes kematian Mohd Izham bin Abd Rahman dalam tahanan Polis DiRaja Malaysia.

*In line with its function under section 28 of Act 700, EAIC may open an investigation into any known misconduct on its own initiative, but only if it is satisfied that the matter pertains to the public interest. In line with this, an investigation was conducted by EAIC concerning the death of Mohd Izham bin Abd Rahman while in the custody of the Royal Malaysia Police.*

## LAPORAN KES KEMATIAN MOHD IZHAM BIN ABD RAHMAN (SI MATI)

## *REPORT ON THE DEATH OF MOHD IZHAM BIN ABD RAHMAN (THE DECEASED)*

### Latar Belakang Kes

### *Case Background*

- Pada 25/04/2017 (Selasa), lebih kurang pukul 10.10 pagi, Mohd Izham bin Abd Rahman telah ditangkap kerana disyaki melakukan kesalahan di bawah seksyen 39A(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 [Akta 234] kerana memiliki dadah jenis heroin dan si mati telah dimasukkan ke dalam Lokap Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Seberang Perai Tengah (SPT).

- Pada 26/04/2017 (Rabu) lebih kurang pukul 12.15 tengah hari, si mati mengadu sakit dan telah dihantar ke Hospital Bukit Mertajam. Si mati telah dimasukkan ke dalam unit rawatan rapi (ICU) untuk menerima rawatan lanjut.

- Pada 27/4/2017 (Khamis) lebih kurang pukul 9.00 pagi, si mati telah disahkan meninggal dunia oleh Doktor Mohd Jalalluddin Sayuti bin Mohamad.

- Pada 25/05/2017, kes kematian tersebut telah di bawa ke perhatian Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang II iaitu Dr. P. Ramasamy yang telah membuat sidang media di Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan mengeluarkan kenyataan mengenai kes kematian orang tahanan pihak polis dan beliau telah membentuk pasukan petugas Kerajaan Negeri bagi tujuan meminta

- *On 25/04/2017 (Tuesday), at approximately 10.10 am, Mohd Izham bin Abd Rahman was arrested under suspicion of a violation under section 39A (1) of the Dangerous Drugs Act 1952 [Act 234] for having heroin in his possession. He was sent to the Lock-up at the District Police Headquarters in Central Seberang Perai.*

- *On 26/04/2017 (Wednesday), at approximately 12.15 pm, the deceased complained of being in pain and was sent to the Bukit Mertajam Hospital. He was admitted into the Intensive Care Unit (ICU) for further treatment.*

- *On 27/04/2017 (Thursday), at approximately 9.00 am, he was confirmed to have passed away by Doctor Mohd Jalalludin Sayuti bin Mohamad.*

- *On 25/05/2017, the case of this death was brought to the attention of the Deputy Chief Minister II of Penang, Dr P. Ramasamy, who held a press conference at the Penang State Assembly and issued a statement regarding the death of a person in police custody. He had set up a State Government Task Force for the purposes of requesting an inquest into proceedings under the*

agar prosiding inkues di bawah Kanun Tatacara Jenayah diadakan bagi menyiasat kematian Mohd Izham bin Abd Rahman.

*Criminal Procedure Code in order to investigate the death of Mohd Izham bin Abd Rahman.*

## Fakta Kes

**25/4/2017**

- Pada 25/04/2017 (Selasa), lebih kurang pukul 10.10 pagi, Mohd Izham bin Abd Rahman telah ditangkap di Jalan Pasar Bukit Mertajam, Pulau Pinang oleh Insp. Ganesh a/l Murugayah (Insp. Ganesh) kerana disyaki melakukan kesalahan di bawah seksyen 39A(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 [*Akta 234*] iaitu memiliki dadah jenis heroin anggaran berat lebih kurang 2.45 gram.
- Insp. Ganesh telah membuat pemeriksaan tubuh badan si mati dan memeriksa beg kecil yang sedang dipegangnya. Pemeriksaan yang dilakukan menjumpai satu paket plastik lutsinar yang mengandungi serbuk dan ketulan yang disyaki dadah jenis heroin (barang kes).
- Si mati telah diterangkan sebab-sebab penangkapan dan kemudiannya si mati telah dibawa ke IPD Seberang Perai Tengah (SPT).
- Setibanya di IPD SPT, si mati telah dibawa untuk menjalani ujian saringan urin. Menurut keterangan Sjn. Penyelia Urin 24 jam iaitu Sjn. Munah binti Saad, lebih kurang pukul 10.40 pagi, satu ujian saringan urin telah dilakukan terhadap si mati dan ujian didapati negatif.
- Satu laporan tangkap Bukit Mertajam/4903/17 telah dibuat oleh Insp. Ganesh berkaitan tangkapan si mati dan Kertas Siasatan SPT/JSJN/ADB/00999/17 juga telah dibuka pada 25/04/2017, bersangkut dengan laporan tangkap tersebut.
- Insp. Ganesh telah memaklumkan kepada Insp. Nurul Ashikin binti Alias (Insp. Ashikin) selaku Pegawai Penyiasat yang bertugas tentang tangkapan tersebut dan juga telah menyerahkan

## *Case Facts*

**25/4/2017**

- *On 25/04/2017 (Tuesday), at approximately 10.10 am, Mohd Izham bin Abd Rahman was arrested at Jalan Pasar Bukit Mertajam, Penang, by Inspector Ganesh s/o Murugayah (Insp. Ganesh) under suspicion of committing an offence under section 39A(1) of the Dangerous Drugs Act 1952 [Act 234] for having in his possession approximately 2.45 grammes of heroin.*
- *Insp. Ganesh conducted a body search on the deceased and examined a small bag he was holding, finding a transparent plastic packet containing powder and chunks suspected to be the drug heroin (exhibit).*
- *The deceased was given an explanation of the grounds for his arrest and was then taken to the Central Seberang Perai District Police Headquarters.*
- *Upon arrival at the Central Seberang Perai District Police Headquarters, the deceased underwent a urine test. According to the statement of the 24-hour Urine Supervising Sergeant, Sgt. Munah binti Saad, at approximately 10.40 am, a urine test was conducted on the deceased and found to be negative.*
- *An arrest report, Bukit Mertajam/4903/17, was made by Insp. Ganesh concerning the arrest of the deceased and an Investigation Paper, SPT/JSJN/ADB/00999/17, was also opened on 25/04/2017 pertaining to the arrest report.*
- *Insp. Ganesh informed Insp. Nurul Ashikin binti Alian (Insp. Ashikin), the Investigating Officer on duty, of the arrest and handed the deceased and the exhibits over to her for further action.*

si mati dan barang kes kepada Insp. Ashikin untuk tindakan lanjut.

- Walau bagaimanapun, Insp. Ashikin telah meminta Insp. Ganesh untuk menahan si mati di Lokap IPD SPT sementara Insp. Ashikin menyelesaikan hal berkaitan dokumentasi. Insp. Ganesh kemudiannya telah meminta L/Kpl. Sofe yang turut serta dalam pasukan tangkapan untuk mengiringi dan menahan si mati di lokap.

- L/Kpl. Sofe dalam keterangannya memaklumkan bahawa si mati berada dalam keadaan baik, hanya mendiamkan diri dan tidak membuat sebarang pengaduan kepadanya pada waktu itu.

- Menurut keterangan anggota sentri Lokap IPD SPT, Kpl. Zulkifli bin Abd Razak dan L/Kpl. Mohammad Firdaus bin Abd Jalil, memaklumkan bahawa mereka telah menerima si mati pada lebih kurang pukul 11.15 pagi. Mereka seterusnya telah membuat pemeriksaan terhadap si mati dan mendapati si mati berada dalam keadaan baik, tiada kesan lebam dan tidak sakit. Si mati telah dibawa masuk ke dalam Sel No. 11 yang ketika itu turut menempatkan tiga orang lagi Orang Kena Tahan (OKT) berbangsa Melayu.

- Berdasarkan catatan dalam Buku Perharian Balai no. siri 6715 pada 25/04/2017 pukul 11.30 pagi yang ditulis oleh L/Kpl. Mohd Amirul bin Mat Nor, arahan telah diterima daripada Insp. Ganesh untuk menutup lokap dan satu OKT bernama Mohd Izham bin Abdul Rahman, kes di bawah seksyen 39A(1) ADB (IO Insp Ashikin) dieskot dalam keadaan tangan bergari oleh L/Kpl. Mohd Firdaus.

- Menurut keterangan Kpl. Hamdan, pada jam lebih kurang pukul 8.00 malam, Timbalan Ketua Polis Daerah telah datang ke lokap untuk membuat pemantauan dan mendapati keadaan lokap pada masa itu adalah baik.

- Menurut keterangan ketiga-tiga rakan sel, si mati kelihatan biasa dan tidak nampak seperti tidak sihat semasa berada dalam sel. Si mati juga hanya tidur sewaktu ditahan dan apabila

- *However, Insp. Ashikin asked Insp. Ganesh to detain the deceased at the Central Seberang Perai District Police Headquarters Lock-up while she completed the relevant documentation. Insp. Ganesh then asked Lance Corporal Sofe, who was part of the arresting team, to escort the deceased to the lock-up and detain him there.*

- *In his statement, Lance Corporal Sofe said that the deceased was in a good state, but remained silent and did not make any complaints to him at the time.*

- *According to the statements of the Central Seberang Perai District Police Headquarters Lock-up sentry personnel, Corporal Zulkifli bin Abd Razak and Lance Corporal Mohammad Firdaus bin Abd Jalail, they stated that they received the deceased at approximately 11.15 am. They then conducted an examination and found him to be in good state without any bruises or pain. The deceased was taken to Cell No. 11 that at the time contained three other Persons Under Arrest (PUA), all of whom were Malays.*

- *Based on the record of Lance Corporal Mohd Amirul bin Mat Nor in the Station Daily Log No. 6715 on 25/04/2017 at 11.30 am, instructions were received from Insp. Ganesh to close the lock-up and a PUA named Mohd Izham bin Abdul Rahman, whose case was under section 39A(1) of the Dangerous Drugs Act (IO Insp. Ashikin), was to be escorted in handcuffs by Lance Corporal Mohd Firdaus.*

- *According to the statement of Corporal Hamdan, at approximately 8.00 pm, the Deputy District Chief of Police arrived to inspect the lock-up and found that it was all correct at the time.*

- *According to the statements of his three cellmates, the deceased appeared normal and did not seem to be unwell while he was in the cell. He slept while in custody and when questioned, he only*

ditanya, si mati hanya memberitahu namanya sahaja. Si mati juga tidak berkelakuan pelik dan tidak memberitahu sama ada beliau sakit ataupun tidak sihat.

*told them his name. The deceased did not behave strangely and did not indicate whether he was in pain or unwell.*

**26/4/2017**

- Pada 26/04/2017, lebih kurang pukul 11.00 pagi, ketiga-tiga rakan sel si mati telah dibawa keluar untuk tujuan rakaman percakapan. Lebih kurang pukul 1.00 petang mereka dimasukkan semula ke dalam sel dan mendapati si mati sudah tiada di dalam sel dan dimaklumkan bahawa si mati telah dibawa ke hospital untuk diberikan rawatan.
- Pada 26/04/2017, jam lebih kurang 12.15 tengah hari, L/Kpl. Mohd Nazir dan L/Kpl. Mohd Amirul telah memeriksa si mati dan mendapati si mati seperti diserang sawan namun tiada kesan luka dan cedera pada badan si mati. Selepas itu, L/Kpl. Mohd Nazir telah memaklumkan kejadian tersebut kepada Kpl. Mohd Azmi selaku Penyelia Lokap.
- Kpl. Mohd Azmi kemudiannya telah menghubungi Bilik Gerakan bagi mendapatkan bantuan ambulans untuk membawa si mati ke hospital.
- Berdasarkan catatan di Buku Perharian Balai no. siri 6773 pada 26/04/2017, pukul 12.16 tengah hari, Kpl. Mohd Azmi memaklumkan Bilik Gerakan bahawa si mati dalam keadaan sesak nafas pada lebih kurang pukul 11.35 pagi dan perkara tersebut terus dimaklumkan kepada IO Insp. Ashikin.
- Ketua Skuad Angkatan Pertahanan Awam Bukit Mertajam, Abdul Muiz bin Khisaini dalam keterangannya memaklumkan pada 26/04/2017, jam lebih kurang 11.47 pagi, pihaknya ada menerima panggilan dari nombor 999 meminta untuk pergi ke IPD SPT bagi memberi bantuan kepada seorang OKT yang sakit di dalam lokap.
- Lebih kurang pukul 11.48 pagi, Abdul Muiz bin Khisaini bersama-sama dengan dua orang anggota telah bertolak dari Pejabat Angkatan

**26/4/2017**

- *On 26/04/207, at approximately 11.00 am, the three cellmates of the deceased were taken out of the cell for the purposes of recording their statements. At around 1.00 pm, they were returned to the cell and found that the deceased was no longer there. They were informed that he had been taken to hospital for treatment.*
- *On 26/04/2017, at approximately 12.15 pm, Lance Corporal Mohd Nazir and Lance Corporal Mohd Amirul checked on the deceased and he appeared to be undergoing a seizure. However, there were no signs of wounds or injuries to his body. Thereafter, Lance Corporal Mohd Nazir informed Corporal Mohd Azmi, the Lock-up Supervisor, of the incident.*
- *Corporal Mohd Azmi then contacted the Operations Room to request an ambulance to take the deceased to hospital.*
- *Based on the record in the Station Daily Log No. 6773 on 26/04/2017 at 12.16 pm, Corporal Mohd Azmi notified the Operations Room that the deceased had difficulty breathing at approximately 11.35 am and IO Insp. Ashikin was immediately informed of the matter.*
- *The Head of the Bukit Mertajam Civil Defence Squad, Abdul Muiz bin Khisaini, in his statement said that on 26/04/2017 at approximately 11.47 am, his squad received a 999-call asking them to proceed to the Central Seberang Perai District Police Headquarters to provide assistance to a PUA who was ill at the lock-up.*
- *At approximately 11.48 am, Abdul Muiz bin Khisaini along with two other members left the Civil Defence Squad Office in an ambulance and*

Pertahanan Awam Malaysia (APM) menaiki ambulans dan tiba di lobi IPD SPT pada pukul 11.53 pagi.

*arrived at the lobby of the Central Seberang Perai District Police Headquarters at 11.53 am.*

- Setibanya di IPD SPT, mereka telah masuk ke dalam Lokap IPD SPT dan mendapati si mati sedang terbaring. Mereka mendapati nadi si mati dalam keadaan lemah dan kemudiannya telah membawa si mati keluar dengan menggunakan pengusung. Mereka juga telah memberikan bantuan pernafasan kepada si mati dengan memakaikannya topeng muka.

- *Immediately upon arrival, they entered the lock-up and found the deceased lying down. They discovered that his pulse was weak and later carried him out on a stretcher. They also rendered respiratory assistance to the deceased by the use of a face mask.*

- Pada lebih kurang pukul 12.14 tengahari, si mati seterusnya telah dibawa ke Wad Kecemasan Hospital Bukit Mertajam untuk diberikan rawatan lanjut.

- *At approximately 12.14 pm, the deceased was then brought to the Emergency Ward of Bukit Mertajam Hospital for further treatment.*

- Pada jam 2.00 petang, permohonan reman ke atas si mati yang telah difailkan oleh IO telah ditolak atas alasan OKTtidak dikemukakan ke mahkamah kerana berada dalam keadaan koma di Hospital Bukit Mertajam.

- *At 2.00 pm the remand application for the deceased filed by the IO was dismissed on the grounds that the PUA was not presented in court as he was currently in a coma at the Bukit Mertajam Hospital.*

- Seterusnya pada jam lebih kurang 2.30 petang, atas arahan Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Daerah dengan persetujuan Ketua Polis Daerah (KPD) SPT, si mati telah diberikan jaminan polis.

- *Subsequently, at approximately 2.30 pm, on the order of the District Narcotics Criminal Investigation Head of Division and with the consent of the Central Seberang Perai District Chief of Police, the deceased was granted police bail.*

**<u>27/4/2017</u>**

- Pada 27/04/2017, anggota Balai Polis Bukit Mertajam, Rasidah binti Sareh telah menerima panggilan daripada Wad Kecemasan Hospital Bukit Mertajam yang memaklumkan bahawa si mati telah disahkan meninggal dunia oleh Doktor Mohd Jalalluddin Sayuti bin Mohamad pada pukul 9.00 pagi kerana mengambil ubat berlebihan ("*overdose*"). Laporan polis Bukit Mertajam/5018/17 telah dibuat selepas penerimaan maklumat kematian si mati.

- Kertas siasatan kematian mengejut (SDR) SPT/JP/SDR/14/17 telah dibuka pada 27/04/2017 apabila maklumat kematian si mati dimaklumkan dan

***<u>27/4/2017</u>***

- *On 27/04/2017, a Bukit Mertajam Police Station constable, Rasidah binti Sareh, received a call from the Emergency Ward of Bukit Mertajam Hospital notifying them that the deceased was confirmed by Dr Mohd Jalalluddin Sayuti bin Mohamad to have passed away at 9.00 am as a result of a drug overdose. A police report, Bukit Mertajam/5018/17, was made after receiving information of the deceased's death.*

- *A sudden death report (SDR), SPT/JP/SDR/14/17, was opened on 27/04/2017 after receiving information of the deceased's death and the SDR*

kes SDR ini disiasat oleh Inspektor Ganesh a/l Murugayiah.

- Dalam penyiasatannya, beliau telah mengambil tindakan seperti yang berikut:

(i) Memaklumkan hasil siasatan kematian si mati kepada Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Daerah (KBSJD), DSP Ramasamy a/l Subramaniam dan Ketua Polis Daerah SPT, telah diarahkan untuk menjalankan prosedur "*Sudden Death Report*" (SDR) seperti biasa memandangkan si mati telah dibebaskan dengan jaminan polis di Hospital Bukit Mertajam pada 26/04/2017, maka kehadiran Majistret tidak lagi diperlukan;

(ii) Pada jam lebih kurang 1.30 petang, mayat si mati telah dihantar ke Jabatan Forensik, Hospital Seberang Jaya untuk tujuan bedah siasat;

(iii) Bedah siasat telah dijalankan oleh Dr. Sujatharan a/l Maniam pada lebih kurang pukul 1.50 petang dengan kehadiran ASP Zulkifli bin Mukhtar, ASP Hisham, Inspektor Kunes dan pegawai penyiasat sendiri;

(iv) Hasil rakaman percakapan Dr. Sujatharan a/l Maniam mendapati bahawa–

"terdapat kesan pendarahan di permukaan jantung si mati; kedua-dua paru-paru si mati berat dan kembang; di dalam perut si mati terdapat cecair berwarna hijau pekat; terdapat "*fatty changes*" di hati si mati; terdapat tanda-tanda darah berkumpul di otak si mati; dan pemeriksaan bahagian luaran tidak mempunyai sebarang kesan lebam atau pun kecederaan."

"Sebelum memulakan bedah siasat, "*rapid test*" iaitu sejenis ujian yang dijalankan ke atas darah si mati untuk mengetahui status jangkitan darah si mati telah dijalankan dan hasil ujian tersebut mendapati si mati mempunyai HEP C positif.

*case was investigated by Inspector Ganesh s/o Murugayiah.*

- *In his investigation, the following actions were taken:*

*(i) The District Criminal Investigation Division Head, DSP Ramasamy s/o Subramaniam, and the Central Seberang Perai District Chief of Police were informed of the results of the investigation into the death of the deceased, being ordered to proceed with a Sudden Death Report (SDR) procedure as usual, in view of the deceased having been released on police bail at the Bukit Mertajam Hospital on 26/04/2017, therefore to appear before the Magistrate was no longer relevant;*

*(ii) At approximately 1.30 pm, the remains of the deceased were sent to the Forensic Department of Seberang Jaya Hospital for autopsy;*

*(iii) An autopsy was conducted by Dr Sujatharan s/o Maniam at approximately 1.50 pm in the presence of ASP Zulkifli bin Mukhtar, ASP Hisham, Inspector Kunes and the investigating officer himself;*

*(iv) A recording of Dr Sujatharan s/o Maniam's statement found that -*

*"there were indications of haemorrhaging on the surface of the deceased's heart; both lungs were heavy and bloated; the presence of a thick, green-coloured fluid in the deceased's stomach, as well as fatty changes of the liver; indications of accumulated blood in the deceased's brain; and the external examination did not indicate any bruising or signs of injury."*

*Before commencing the autopsy, a rapid test, or a test conducted on the blood of the deceased to ascertain the status of infection in his blood, was performed and the results indicated that the deceased was hepatitis C positive.*

Berdasarkan prosedur bedah siasat yang dijalankan, didapati sebab kematian si mati adalah "*Acute Myocardial Infarction*" iaitu serangan jantung secara mengejut".

(v) Pada 01/05/2017, kertas siasatan telah diedarkan kepada KBSJD, DSP Ramayah a/l Subramaniam untuk arahan lanjut;

(vi) Sebanyak 22 rakaman percakapan saksi di bawah seksyen 112 KAJ telah dirakam;

(vii) Dr. Sujataharan a/l Maniam telah mengeluarkan perakuan pegawai perubatan mengenai sebab-sebab kematian bertarikh 27/04/2017 dengan menyatakan sebab kematian adalah "*Acute Myocardial Infarction*";

(viii) Dua (2) botol kaca yang ditandakan sebagai eksibit "K1" dan "K2" telah dihantar ke Jabatan Kimia Malaysia pada 03/05/2017;

(ix) Permohonan laporan bedah siasat si mati telah dibuat pada 22/05/2017 kepada Pengarah Hospital Seberang Jaya; dan

(x) PEM I telah dikeluarkan pada 27/04/2017 dan PEM II telah dikeluarkan pada 11/05/2017 kepada isteri si mati.

## Dapatan Siasatan

- Hasil siasatan mendapati bahawa kematian si mati adalah disebabkan oleh ***"Acute Myocardial Infarction"* iaitu serangan jantung secara mengejut** dan tiada keterangan yang menunjukkan kekerasan telah digunakan oleh pihak polis terhadap si mati.

- Siasatan juga mendapati bahawa si mati telah dibebaskan dengan ikat jamin polis sebelum si mati meninggal dunia. Hal ini adalah kerana permohonan reman yang dibuat ke atas si mati telah ditolak disebabkan ketiadaaan si mati semasa permohonan tersebut dibacakan. Si mati tidak dapat menghadirkan diri pada ketika itu kerana berada di hospital dalam keadaan koma. Justeru itu, pihak PDRM telah membebaskan si mati dengan jaminan polis.

*Based on the autopsy procedures carried out, it was concluded that the cause of death was Acute Myocardial Infarction or a sudden heart attack."*

*(v) On 01/05/2017, the investigation paper was distributed to the District Criminal Investigation Division Head, DSP Ramayah s/o Subramaniam for further orders;*

*(vi) A total of 22 witness statements under section 112 of the Criminal Procedure Code were recorded;*

*(vii) Dr Sujatharan s/o Maniam issued a medical officer declaration dated 27/04/207 on the cause of death stating the same to be "Acute Myocardial Infarction";*

*(viii) Two (2) glass bottles marked as exhibits "K1" and "K2" were sent to the Department of Chemistry Malaysia on 03/05/2017;*

*(ix) An application for the autopsy report of the deceased was made on 22/05/2017 to the Director of Seberang Jaya Hospital; and*

*(x) PEM I and PEM II were issued on 27/04/2017 and 11/05/2017 respectively to the widow of the deceased.*

## *Investigation Findings*

- *The investigation discovered that the deceased's death was caused by **Acute Myocardial Infarction, or, a sudden heart attack** and there were no evidence of force being used by the police against the deceased.*

- *The investigation also discovered that the deceased had been released on police bail prior to his death. This was because the remand application made for the deceased was dismissed due to his absence when the application was made, as he was in a coma in hospital at the time.*

# LAWATAN KEBAJIKAN PDRM

WELFARE VISITS TO THE ROYAL MALAYSIAN POLICE

# LAWATAN KEBAJIKAN PDRM
# WELFARE VISITS TO THE ROYAL MALAYSIAN POLICE

## Pengenalan

EAIC telah mengadakan lawatan ke premis PDRM selaras dengan fungsinya di bawah perenggan 4(1)(h) Akta 700. Berlainan daripada lawatan-lawatan yang pernah dijalankan sebelum ini yang lebih tertumpu kepada aspek pengauditan, lawatan yang dijalankan ini tertumpu kepada aspek kebajikan dan kemudahan anggota dan pegawai PDRM. Objektif lawatan ini untuk meninjau pelbagai aspek termasuk kemudahan fasiliti, logistik dan hal-hal berkaitan kebajikan dan kesejahteraan PDRM selaras dengan fungsi dan kuasa yang diperuntukkan oleh Rang Undang-undang IPCMC. Lawatan yang dijalankan adalah bertujuan untuk melihat aspek kebajikan dari sudut keselesaan kediaman (kuarters) yang disediakan kepada anggota dan pegawai PDRM, logistik, bekalan dan kemudahan yang disediakan untuk menjalankan tugas dan infrastruktur bangunan.

Selain itu juga, melalui lawatan ini turut disampaikan intipati fungsi IPCMC bagi memberikan maklumat yang tepat mengenai Rang Undang-undang IPCMC kepada anggota dan pegawai PDRM.

Berikut merupakan lawatan-lawatan yang telah diadakan mengikut negeri seperti dalam Jadual 9.

## *Introduction*

*The EAIC conducted visits to premises of the Royal Malaysian Police, in line with its function under paragraph 4(1)(h) of Act 700. In contrast to other visits conducted previously, which were more focused on aspects of audit, these visits were focused on the welfare and facilities provided to constables and officers of the Royal Malaysian Police. The objective of these visits was to observe various aspects of facilities, logistics and matters relating to the welfare and wellbeing of the Royal Malaysian Police in line with the functions and powers allocated by the Independent Police Complaints and Misconduct Commission (IPCMC) Bill. The purpose of these visits was to view the aspects of welfare in terms of amenities of quarters provided to constables and officers, logistics, supplies and facilities provided for performance of duties, as well as infrastructure of buildings.*

*In addition, it was also the objective through these visits to convey a summary of the IPCMC's functions in order to provide accurate information regarding the IPCMC Bill to constables and officers of the Royal Malaysian Police.*

*The list of visits conducted according to state are as set out in Table 9.*

**Jadual 9: Laporan Lawatan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) ke Balai Polis, Lokap dan Kuarters**
***Table 9: Report of Visits by EAIC to Police Stations, Lock-ups and Quarters***

| **Bil.** ***No.*** | **Negeri** ***State*** | **Tempat** ***Location*** | **Tarikh** ***Date*** |
|---|---|---|---|
| 1. | Terengganu | IPD Besut dan Kuarters Perumahan Gelam Mas, Besut<br>*Besut District Police Headquarters and Gelam Mas Police Housing, Besut* | 3 September 2019 |
| 2. | Kelantan | Balai Polis dan Kuarters, Tumpat<br>*Police Station and Quarters, Tumpat* | 4 September 2019 |
| | | Balai Polis dan Kuarters Simpangan, Tumpat<br>*Simpangan Police Station and Quarters, Tumpat* | |
| | | Balai Polis dan Kuarters Pengkalan Kubor, Tumpat<br>*Pengkalan Kubor Police Station and Quarters, Tumpat* | |
| | | Balai Polis Pengkalan Kok Lanas, Kota Bharu<br>*Pengkalan Kok Lanas Police Station, Kota Bharu* | |
| | | Balai Polis dan Kuarters Ketereh, Kota Bharu<br>*Ketereh Police Station and Quarters, Kota Bharu* | |
| | | IPD Bachok dan Kuarters, Bachok<br>*Bachok District Police Headquarters and Quarters, Bachok* | |
| 3. | Terengganu | IPK Terengganu dan IPD Kuala Terengganu<br>*Terengganu Contingent Police Headquarters and Kuala Terengganu District Police Headquarters* | 5 September 2019 |
| | | Perumahan Polis Padang Hiliran<br>*Padang Hiliran Police Quarters* | |
| 4. | Johor | Lokap dan Kuarters Balai Polis Gelang Patah<br>*Gelang Patah Police Station Lock-up and Quarters* | 10 September 2019 |
| | | Balai Polis Nusa Bestari (IPD Iskandar Puteri)<br>*Nusa Bestari Police Station (Iskandar Puteri District Police Headquarters)* | |
| | | Lokap dan Kuarters Balai Polis Senai<br>*Senai Police Station Lock-up and Quarters* | |
| | | Lokap IPD Johor Bahru Utara, Skudai<br>*Johor Bahru North District Police Headquarters Lock-up, Skudai* | |
| | | Kuarters Balai Polis Majidee<br>*Majidee Police Station Quarters* | |
| | | Apartment PDRM Bukit Chagar, IPD Johor Bahru Selatan<br>*Bukit Chagar PDRM Apartments, Johor Bahru South District Police Headquarters* | |
| | | Kuarters IPK Johor<br>*Johor Contingent Police Headquarters Quarters* | |
| | | IPD Tangkak<br>*Tangkak District Police Headquarters* | |
| | | Balai Polis Sg. Mati dan Kuarters, IPD Ledang<br>*Sungai Mati Police Station and Ledang District Police Headquarters Quarters* | |
| | | Balai Polis Kg Gajah dan Kuarters, Kluang Johor<br>*Kampung Gajah Police Station and Quarters, Kluang, Johor* | |
| | | Balai Polis Simpang Renggam dan Kuarters, Kluang Johor<br>*Simpang Renggam Police Station and Quarters, Kluang, Johor* | |
| | | Kuarters IPD Kluang<br>*Kluang District Police Headquarters Quarters* | |

| **Bil.** ***No.*** | **Negeri** ***State*** | **Tempat** ***Location*** | **Tarikh** ***Date*** |
|---|---|---|---|
| 5. | Negeri Sembilan | Balai Polis Nilai<br>*Nilai Police Station* | 11 September 2019 |
| 6. | Melaka | Lokap Balai Polis Melaka Tengah dan Kuarters Krobong<br>*Melaka Central Police Station Lock-up and Krobong Quarters* | 17 September 2019 |
| | | Lokap Balai Polis Jasin dan Kuarters Polis Chinchin<br>*Jasin Police Station Lock-up and Chinchin Police Quarters* | |
| 7. | Kuala Lumpur | Lokap Berpusat Jinjang<br>*Jinjang Centralised Lock-up* | 18 September 2019 |
| | | Lokap IPD Dang Wangi<br>*Dang Wangi District Police Headquarters Lock-up* | |
| | | Kuarters IPD Wangsa Maju<br>*Wangsa Maju District Police Headquarters Quarters* | |
| 8. | Selangor | IPD Kajang dan Perumahan Polis Taman Seri Pengaman Sungai Jelok<br>*Kajang District Police Headquarters and Taman Seri Pengaman Police Housing, Sungai Jelok* | 19 September 2019 |
| | | IPD Klang Selatan dan Kuarters Jalan Pelabuhan Selatan<br>*Klang South District Police Headquarters and Jalan Pelabuhan Selatan Quarters* | |
| | | Lokap Balai Polis Pelabuhan Klang<br>*Port Klang Police Station Lock-up* | |
| | | Lokap Balai Polis Klang<br>*Klang Police Station Lock-up* | |
| | | Lokap Balai Polis Pandamaran dan Kuarters<br>*Pandamaran Police Station Lock-up and Quarters* | |
| 10 | Perlis | IPD Padang Besar<br>*Padang Besar District Police Headquarters* | 25 September 2019 |
| | | Balai Polis Kaki Bukit dan Kuarters<br>*Kaki Bukit Police Station and Quarters* | |
| 11. | Kedah | IPD  Kota Setar<br>*Kota Setar District Police Headquarters* | |
| | | Balai Polis Kepala Batas<br>*Kepala Batas Police Station* | |
| | | Perumahan Tuanku Husna<br>*Tuanku Husna Police Housing* | |
| | | Perumahan Taman Derga<br>*Taman Derga Police Housing* | |
| 12. | Perak | IPD Batu Gajah dan Kuarters<br>*Batu Gajah District Police Headquarters and Quarters* | 26 September 2019 |
| | | Balai Polis Pusing<br>*Pusing Police Station* | |
| | | IPD Tapah dan Kuarters<br>*Tapah District Police Headquarters and Quarters* | |
| | | Pondok Polis Coldstream dan Kuarters<br>*Coldstream Police Post and Quarters* | |
| 13. | Pulau Pinang | Kuarters Balai Polis Jelutong<br>*Jelutong Police Station Quarters* | |
| | | Perumahan Polis Lone Pine<br>*Lone Pine Police Housing* | |

## Dapatan Lawatan

Kemudahan Asas dan bekalan

- Hasil daripada lawatan ini, EAIC mendapati terdapat masalah dari segi bekalan peralatan alat tulis, kertas A4 serta kelengkapan kerusi meja yang terpaksa dibeli sendiri oleh pegawai dan anggota.

- Pegawai dan anggota mengalami kesukaran untuk mengakses internet dalam melaksanakan tugasan harian. Segala laporan perlu dimuat naik dalam sistem bagi pemantauan kemajuan siasatan. Walau bagaimanapun, kelajuan internet yang perlahan memberi kesukaran untuk mengakses kepada sistem tersebut. Selain itu, Sistem Police Reporting System (PRS) yang perlahan turut menyebabkan pengadu terpaksa menunggu lama untuk membuat aduan.

Struktur Bangunan dan Lokasi

- Melalui lawatan ini, EAIC mendapati terdapat premis-premis PDRM yang telah lama dibina sekitar tahun 1950 an. Terdapat antara bangunan tersebut yang mempunyai masalah sistem pendawaian elektrik yang usang, kebocoran, dan ruang kerja yang sempit. Sebagai contoh IPK Terengganu dan IPD Kuala Terengganu yang mempunyai masalah sistem pendawaian elektrik yang usang. Sistem pendawaian elektrik yang usang di IPD Kuala Terengganu tidak dapat menampung keperluan penggunaan elektrik yang semakin meningkat kerana pertambahan pegawai dan kakitangan serta perkakasan elektrik yang banyak.

- Masalah sistem pendawaian elektrik lama ini turut dialami di tempat-tempat lain seperti Balai Polis Sungai Mati, Balai Polis Kampung Gajah, Balai Polis Simpang Renggam, Balai

## *Findings of Visits*

*Basic facilities and supplies*

- *As a result of these visits, the EAIC discovered that problems exist in terms of supply of stationery, A4 paper as well as equipment such as tables and chairs, which officers and constables were forced to purchase themselves.*

- *Officers and constables experience difficulties in accessing the internet in the course of their daily duties. All reports are required to be uploaded into the system for monitoring of the investigation progress. However, slow internet speeds make it difficult for them to access the system. In addition, the slow Police Reporting System (PRS) also results in filers of complaints waiting a considerable time to lodge their complaints.*

*Structure and Location of Buildings*

- *Through these visits, the EAIC discovered that there are Royal Malaysian Police premises built in the 1950s. Some of these buildings are subject to problems resulting from dilapidated electrical wiring, leaking and cramped working conditions. For example, the Terengganu Contingent Police Headquarters and Kuala Terengganu District Police Headquarters experience problems with dilapidated electrical wiring systems. The old wiring system in the Kuala Terengganu District Police Headquarters is no longer capable of supporting the increased use of electricity as a result of increased numbers of officers and constables, as well as electrical equipment.*

- *The problem of dilapidated electrical wiring is also found at other locations such as the Sungai Mati Police Station, Kampung Gajah Police Station, Simpang Renggam Police*

Polis Gelang Patah, Balai Polis Senai, Balai Polis Padang Besar dan Balai Polis Kaki Bukit.

*Station, Gelang Patah Police Station, Senai Police Station, Padang Besar Police Station and Kaki Bukit Police Station.*

- Lokasi balai polis yang tidak sesuai kerana terletak di kawasan banjir. Sebagai contoh, Balai Polis Simpangan yang terletak dalam kawasan IPD Tumpat. Lokasi balai ini terletak berdekatan tebing Sungai Golok yang menyebabkan balai ini sering dilanda banjir akibat limpahan air Sungai Golok apabila hujan lebat yang berpanjangan. Lokasi balai ini juga terdedah kepada risiko keselamatan sekiranya berlaku pergolakan di negara Thailand iaitu di wilayah Tak Bai dan terdapat kemungkinan terkena peluru sesat kerana jaraknya hanya dipisahkan oleh sebatang sungai.

- *Another finding is the unsuitable location of police stations in flood-prone areas. One example is the Simpangan Police Station located in the Tumpat District Police Headquarters' area. The station is located close to the banks of Sungai Golok, resulting in frequent flooding from the overflow of the river during prolonged periods of rainfall. The station is also exposed to security risks in the event of unrest in the Tak Bai province of Thailand and there is the risk of being hit by stray bullets due to its close proximity, only separated by the river.*

- Selain itu, terdapat lokasi balai polis yang terpaksa menyewa lot-lot kedai untuk dijadikan balai polis kerana peningkatan penduduk di sesuatu kawasan. Sebagai contoh Balai Polis Taman Pelangi, Balai Polis Taman Permas Jaya, Balai Polis Taman Setia Indah dan Balai Polis Taman Pelangi Indah. Lot-lot kedai ini telah diubah suai menjadikan balai polis serta terpaksa menaggung kos sewaan yang tinggi.

- *In addition, certain police stations have been housed in rented shop lots due to the increase in residents in specific areas. Examples of these are the Taman Pelangi Police Station, Taman Permas Jaya Police Station, Taman Setia Indah Police Station and Taman Pelangi Indah Police Station. These shop lots have been converted into police stations at high rental costs.*

<u>Logistik</u>

*<u>Logistics</u>*

- Dalam lawatan ini juga, EAIC mendapati kenderaan jabatan untuk kegunaan pegawai serta kenderaan untuk membuat rondaan dalam keadaan uzur dan mengalami kerosakan. Keadaan ini menyebabkan pegawai terpaksa menggunakan kenderaan sendiri untuk keluar membuat siasatan.

- *During these visits, EAIC also discovered department vehicles used by officers as well as patrol vehicles in dilapidated conditions and damaged. These situations have resulted in officers being forced to use their personal vehicles during investigations.*

- Selain itu, keadaan juga menyebabkan kesukaran kepada anggota polis yang membuat rondaan pencegahan jenayah serta membuat sekatan jalan raya.

- *Moreover, these situations have also resulted in difficulties for police officers on crime prevention patrols as well as those conducting roadblocks.*

- Antara kenderaan yang perlu diberi perhatian dan keutamaan adalah kenderaan angkut seperti *Land Rover* dan lori *Black Maria*.

- *Among vehicles requiring priority and attention are transport vehicles such as Land Rovers and Black Maria lorries. EAIC have*

EAIC dimaklumkan bahawa kedua-dua jenis kenderaan ini sudah berusia dan dalam keadaan uzur serta kerap rosak. Kedua-dua kenderaan ini amat penting untuk ke lokasi kejadian seperti membawa mayat/jenazah, membawa anggota *Light Strike Force* serta membawa Orang Kena Tahan (OKT) untuk permohonan reman di mahkamah.

*been informed that these two types of vehicles are old and dilapidated, resulting in frequent breakdowns. These of vehicles are important for transportation to incident locations such as transporting bodies/corpses, carrying Light Strike Force personnel as well as transporting Persons Under Arrest (PUA) for remand application in court.*

Lokap

*Lock-ups*

- Berdasarkan lawatan EAIC, semua lokap polis yang dilawati telah diwartakan. Walau bagaimanapun, lokap yang lama mempunyai banyak masalah termasuk lantai yang rosak, masalah tandas dan sistem pembetungan, tandas di luar sel, masalah resapan air dan kebocoran, serangan pepijat, masalah sistem pengudaraan dan banyak lagi masalah yang memerlukan pembaikan dan penyelenggaraan secara berkala.

- *Based on EAIC visits, all lock-ups visited have been gazetted. However, many problems have been found in old lock-ups such as damaged flooring, toilet and sewage problems, toilets outside cells, water seepage and leaking, insect infestation, ventilation system problems, as well as many other problems requiring regular repair and maintenance.*

- Selain itu juga, terdapat lokap yang mempunyai masalah sistem pendawaian elektrik yang lama dan tiada pagar pemisah/ berduri/*dannertwire* di bahagian luar lokap seperti di Lokap Balai Polis Sg.Mati, Lokap Balai Polis Nilai, Lokap Balai Polis Kg. Gajah, Lokap Balai Polis Simpang Renggam. Lokap Balai Polis Dang Wangi pula menghadapi kerosakan rumah kunci dan kunci sel yang rosak serta sukar untuk mendapat ganti.

- *In addition, there are lock-ups with outdated electrical wiring and without separator fencing/barbed wire/dannert wire outside the lock-ups such as the Sungai Mati Police Station Lock-up, Nilai Police Station Lock-up, Kampung Gajah Police Station Lock-up and Simpang Renggam Police Station Lock-up. The Dang Wangi Police Station Lock-up is exposed to the problem of damage to the key house and damaged cell keys, as well as facing problems in obtaining replacements.*

- EAIC mendapati keadaan CCTV di kebanyakan lokap yang dilawati adalah tidak memuaskan. Penyelenggaraan CCTV merupakan antara masalah yang dikenalpasti oleh EAIC. Oleh kerana CCTV membantu pemantauan dan pengawasan di lokap, peralatan CCTV haruslah berkualiti dan boleh berfungsi dengan baik.

- *EAIC also found that CCTV in most of the lock-ups visited is in an unsatisfactory condition. CCTV maintenance is one of the problems identified by EAIC. As CCTV is used for monitoring and surveillance in lock-ups, the equipment should be of good quality and in proper working order.*

- Walau bagaimanapun, EAIC mengambil maklum bahawa Lokap Berpusat Jinjang dilengkapi Sistem Teknologi Pelaporan Analitik Pemantauan Sendiri atau lokap pintar. Sistem ini dibangunkan bersama Pusat Penyelidikan dan Pembangunan

- *However, EAIC acknowledges that the Jinjang Centralised Lock-up is equipped with a Self-Monitoring Analytic Reporting Technology system or SMART lock-up. The system was jointly developed by the Information Technology Research and Development Centre*

Teknologi Maklumat (MIMOS) dan penyedia sistem keselamatan, STT Technologies Sdn. Bhd. Sistem yang digunapakai ini berupaya mengesan pergerakan luar biasa dan agresif di dalam sel menerusi pemantauan dari bilik khas. Inisiatif ini harus diperluaskan kepada lokap-lokap berpusat lain serta lokap lain yang dikenalpasti sesuai untuk dilaksanakan.

- Selain itu, anggota sentri dan anggota pengiring yang berhadapan dengan OKT setiap hari terdedah kepada risiko penyakit berjangkit. Secara umumnya, OKT yang ditahan kebanyakannya dalam kalangan penagih dadah dan pendatang asing. Mereka yang ditahan ini mungkin mempunyai penyakit yang tidak diketahui oleh anggota polis dan tiada saringan kesihatan yang dijalankan oleh pegawai perubatan. Keadaan ini menyebabkan anggota polis terutama anggota sentri dan anggota pengiring berisiko terkena jangkitan penyakit tibi, penyakit kulit, selsema dan batuk.

- Oleh itu, anggota yang menjaga OKT perlu diberikan keutamaan untuk mendapatkan vaksin dan menjalani pemeriksaan kesihatan bagi melindungi dan mencegah pegawai dan anggota dari mendapat penyakit bawaan tahanan.

Perumahan

- Berdasarkan rekod yang diperolehi daripada data terbuka, jumlah keseluruhan kuarters yang dimiliki oleh PDRM adalah sejumlah 61,443 unit rumah. Ia meliputi kediaman jenis banglo, teres berkembar, apartment serta studio. Isu perumahan adalah antara perkara yang ditekankan semasa lawatan Suruhanjaya. Suruhanjaya mendapati perumahan yang disediakan tidak mencukupi dan keadaan perumahan yang tidak memuaskan. Bagi pegawai/anggota yang diberikan kemudahan perumahan, Suruhanjaya mendapati ada yang dalam keadaan yang tidak memuaskan dan tidak diselenggara sepenuhnya.

*(MIMOS) and the security service provider, STT Technologies Sdn Bhd. The system is able to detect unusual and aggressive movement in cells by way of surveillance from a special room. This initiative should be expanded to other centralised lock-ups and also lock-ups that have been identified as suitable for its implementation.*

- *Furthermore, sentry and escort personnel who deal with Persons Under Arrest (PUA) on a daily basis are exposed to risks of communicable diseases. In general, PUAs are mostly from amongst drug addicts and immigrants. There is the possibility that these persons have diseases unknown to the police personnel, with no screenings done by medical officers. Such situations may result in the police staff, especially sentry and escort personnel, being exposed to infectious diseases such as tuberculosis, skin diseases, colds and coughs.*

- *Thus, personnel who watch over PUAs need to be given priority in being vaccinated and undergoing health examinations to protect and prevent them from being infected with diseases by those in custody.*

*Housing*

- *Based on records obtained from open data, the overall number of quarters owned by the Royal Malaysian Police comes to 61,443 units. This includes bungalows, terraced houses, apartments as well as studios. The issue of housing is one of those given emphasis during the Commission's visits. The Commission has discovered that housing provided is insufficient and its condition is unsatisfactory. For officers/constables who have been allotted housing, the Commission has also found that some are in unsatisfactory condition and are not being properly maintained.*

- Berdasarkan lawatan-lawatan Suruhanjaya ke kuarters serta taklimat yang telah disampaikan, secara umumnya beberapa masalah yang sering berlaku di kuarters-kuarters pegawai dan anggota PDRM adalah seperti berikut:

  (a) Masalah *water proofing*;
  (b) Masalah sistem kumbahan;
  (c) Masalah serangan pepijat/ anai-anai;
  (d) Sistem pendawaian elektrik yang usang;
  (e) Kerosakan lif (Perumahan Polis Padang Hiliran, Kuarters IPK Johor);
  (f) Kebocoran paip dan bumbung; dan
  (g) Kerosakan pintu dan tingkap.

- Berdasarkan lawatan dan pemerhatian Suruhanjaya, antara kawasan perumahan/ kuarters PDRM yang perlu diberi perhatian dan diambil tindakan segera adalah seperti berikut:

  (a) Perumahan Polis Gelam Mas – mempunyai keseluruhan 165 unit rumah yang mana 103 unit rumah tidak boleh diduduki. Masalah yang dihadapi di perumahan ini adalah masalah *water proofing*, saluran air bocor dan tersumbat, sistem perparitan tersumbat (pam tidak berfungsi), serangan anai-anai dan pagar keselamatan yang rosak. Sekiranya perumahan ini diperbaiki dan diselenggara, kebajikan pegawai dan anggota polis akan terbela.

  (b) Kuarters Balai Polis Pengkalan Kubor – mempunyai 24 unit rumah kediaman dan hanya tiga unit rumah sahaja didiami. Unit-unit lain tidak didiami berikutan masalah seperti saluran paip yang rosak dan reput dan lain-lain kerosakan am.

  (c) Perumahan Polis Padang Hiliran – mempunyai 560 unit dan sebanyak 48 unit rumah telah rosak dan

- *Based on the Commission's visits to quarters as well as briefings given, the following are general problems existing in quarters of Royal Malaysian Police officers and constables:*

  *(a) Waterproofing problems;*
  *(b) Sewage system problems;*
  *(c) Insect and termite infestation;*
  *(d) Dilapidated electrical wiring systems;*
  *(e) Broken lifts (Padang Hiliran Police Housing, Johor Contingent Police Headquarters Quarters);*
  *(f) Leaking pipes and roofs; and*
  *(g) Damaged doors and windows.*

- *Based on visits and observations of the Commission, Royal Malaysian Police housing/ quarters that require attention and immediate action to be taken are as follows:*

  *(a) Gelam Mas Police Housing which has a total of 165 units, 103 of which are uninhabitable. There are serious problems with waterproofing, leaking and blocked plumbing, blocked drainage systems (non-functioning pumps), termite infestation and damaged security fencing. If housing repairs and maintenance are carried out, the welfare of police officers and constables will be secure.*

  *(b) Pengkalan Kubor Police Station Quarters, which has a total of 24 residential units, but only three are occupied. The remaining units are vacant due to problems such as damaged and deteriorated plumbing, as well as other general problems.*

  *(c) Padang Hiliran Police Housing, which has a total of 560 units, 48 units of uninhabitable, which are the majority*

kebanyakannya unit rumah di tingkat atas. Kerosakan utama yang dialami di kawasan perumahan ini adalah kerosakan lif dan kebocoran paip dan bumbung (menyebabkan 48 unit tingkat atas tidak dihuni).

*being units on the top floors. The main problems are broken lifts, leaking pipes and roof problems (resulting in the said 48 upper units being vacant).*

(d) Kuarters IPD Kluang – mempunyai jumlah keseluruhan sebanyak 194 unit. Daripada jumlah unit tersebut, 52 unit kuarters tidak didiami kerana pelbagai masalah. Antara permasalahan utama yang dihadapi di sini adalah pagar kawasan yang runtuh akibat kegagalan cerun hingga menyebabkan cerun runtuh serta tangki simpanan air yang rosak.

*(d) Kluang District Police Headquarters Quarters, which has a total of 194 units. Of the said number, 52 units are vacant due to numerous problems. Among the key problems here include fallen area fencing due to slope failure, leading to landslides, as well as damaged water storage tanks.*

(e) Kuarters Balai Polis Pudu – jumlah unit keseluruhan kuarters adalah sebanyak 96 unit. Daripada jumlah tersebut, satu unit adalah kosong, lima unit didapati rosak, sembilan unit dijadikan pejabat dan sebanyak 81 unit didiami. Masalah yang perlu diberi perhatian adalah berkenaan kerosakan bumbung/ zink yang rosak akibat tiupan angin, kerosakan sistem saluran paip serta sistem pendawaian elektrik yang telah usang.

*(e) Pudu Police Station Quarters, which has a total of 96 units, of which one is vacant, five are damaged, nine have been converted into offices and 81 are occupied. Problems requiring attention include damaged roofs and roofing caused by strong winds, damaged plumbing and outdated electrical wiring systems.*

(f) Tiada kediaman mencukupi di kawasan Pengerang. Pengerang merupakan kawasan industri minyak dan gas yang sedang membangun. Oleh itu, Pihak PDRM mempunyai kesukaran untuk mendapatkan kediaman kerana kadar sewa yang tinggi di kawasan ini.

*(f) A lack of available housing in the Pengerang area. Pengerang is a developing oil and gas industrial area. As such, the Royal Malaysian Police has experienced difficulties in obtaining housing due to high cost of rents in the area.*

## Syor dan cadangan

(a) EAIC mengesyorkan agar satu senarai baik pulih bangunan dirangka untuk menyelenggara serta memperbaiki bangunan dengan teratur. Penyelenggaraan serta baik pulih kerosakan tidak seharusnya tertumpu

## *Recommendations and proposals*

*(a) EAIC recommends that a list of upgrading of buildings be established for the systematic maintenance and overhaul of buildings. Maintenance and repairs should not only be focused on damage but the structure of buildings*

kepada kerosakan sahaja tetapi harus mengkaji struktur bangunan terutamanya yang melebihi 25 tahun.

*should also be analysed especially those more than 25 years old.*

(b) Penyelarasan di antara pihak KDN, JKR, PDRM harus dipertingkatkan terutama dalam aspek kontrak dan spesifikasi supaya penyelenggaraan dan pembaikan kerosakan dapat dijalankan dengan lancar dan berkesan.

*(b) Coordination between the Ministry of Home Affairs, the Public Works Department and the Royal Malaysian Police should be enhanced, especially in terms of contracts and specifications so that maintenance and repair work can be carried out smoothly and effectively.*

(c) Pihak PDRM dan KDN disyorkan supaya merujuk kepada Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan oleh Jawatankuasa Standard dan Kos, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri yang dikeluarkan pada tahun 2015 sebagai panduan sebelum menempatkan sesebuah balai polis.

*(c) It is recommended that the Royal Malaysian Police and the Ministry of Home Affairs refer to the Guidelines and Regulations for Building Planning issued by the Standards and Costs Committee of the Economic Planning Unit, Prime Minister's Department, in 2015, as a guide prior to deciding on the location of any police station.*

(d) PDRM perlu mewujudkan peruntukan khusus untuk kerja-kerja kecemasan/ bencana (tanpa tajuk) bagi mengambil tindakan segera. Selain itu, pihak KDN juga boleh meneliti kaedah untuk mewakilkan kuasa untuk mewujudkan Pusat Tanggjungjawab (PTJ) di peringkat daerah bagi peruntukan pembaikan dan penyelenggaraan seperti yang diamalkan di Kementerian Pendidikan. Hal ini bagi membolehkan Ketua Polis Daerah mengambil tindakan segera untuk memperbaiki dan menyelenggara masalah-masalah yang berlaku di balai dan lokap di bawah tanggungjawab masing-masing.

*(d) The Royal Malaysian Police should establish a specific allocation for emergency/disaster works (untitled) to facilitate immediate action. In addition, the Ministry of Home Affairs may also examine the method of authorisation for the establishment of a Responsibility Centre at district level for allocations for repairs and maintenance, as carried out at the Ministry of Education. This is to enable the District Chiefs of Police to take immediate action to rectify and effectively solve problems arising in stations and lock-ups under their respective jurisdictions.*

(e) Walau bagaimanapun, EAIC mengambil maklum setiap kontinjen/daerah mempunyai Pegawai Perumahan iaitu pegawai yang bertanggungjawab dalam menguruskan kuarters PDRM di bawah jagaannya. Antara tanggungjawab Pegawai Perumahan ini memastikan pemeriksaan kuarters dilaksanakan

*(e) However, EAIC acknowledges that each contingent/district has its own Housing Officer, that is, an officer who is responsible for the management of the Royal Malaysian Police quarters under his charge. Among the responsibilities of the Housing Officer is to ensure that inspection of quarters*

mengikut ketetapan, membuat pemeriksaan secara berkala terhadap struktur bangunan kuarters dan infrastruktur lain serta melaporkan sebarang kerosakan kepada pihak berkaitan. Pegawai Perumahan akan menerima segala laporan kerosakan daripada penghuni kuarters untuk diambil tindakan. Sehubungan dengan itu, EAIC mengesyorkan bahawa satu Mesyuarat Penyelarasan Peruntukan Bajet Bagi Penyelenggaraan dan Menaiktaraf Prasarana PDRM perlu diadakan bagi membincangkan isu ini.

(f) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) perlu memberikan keutamaan dan perhatian kepada pegawai polis terutama yang berurusan dengan OKT yang kebanyakanya dalam kalangan penagih dadah dan pendatang asing untuk diberikan suntikan vaksin bagi mengekang penularan penyakit berjangkit.

*is carried out as stipulated, inspection is carried out on a periodic basis of the structure of building quarters and other infrastructure and any damage is reported to the relevant party. The Housing Officer would receive all complaints of damage from residents of quarters in order for action to be taken. In relation thereto, EAIC recommends that a Meeting for the Coordination of Budget Allocation for Maintenance and Upgrading of the Royal Malaysian Police Infrastructure be established to discuss these issues.*

*(f) The Ministry of Health Malaysia needs to give priority and attention to police officers especially those who deal with Persons Under Arrest who are mostly drug addicts and immigrants, for administration of vaccines to curb the spread of communicable diseases.*

## Kesimpulan

Kesimpulannya, berdasarkan pemerhatian yang dijalankan, kebanyakan premis PDRM iaitu lokap, balai, pejabat dan kuarters PDRM telah berusia lebih daripada 30 tahun. Oleh sebab demikian, terdapat banyak kerosakan yang berlaku kerana tiada penyelenggaraan yang berkala. Kerosakan yang lambat dibaiki menyebabkan ianya bertambah teruk dan menyebabkan kos yang lebih besar untuk pembaikan.

Masalah yang berlaku di kebanyakan balai/lokap/kuarters yang dilawati oleh Suruhanjaya secara umumnya adalah kerana pendawaian elektrik yang lama. Penggunaan tenaga elektrik yang semakin meningkat kerana pertambahan perkakas elektrik dan bilangan pegawai dan anggota menyebabkan sistem pendawaian elektrik sedia ada tidak dapat menampung penggunaan tenaga yang berlebihan dan menyebabkan berlakunya *blackout.*

## *Conclusion*

*In conclusion, based on observations made, most premises of the Royal Malaysian Police, in terms of lock-ups, stations, offices and quarters are over 30 years old. Therefore, significant damage has taken place due to a lack of regular maintenance. Damages that are not repaired in a timely manner tend to deteriorate further and require even greater costs for repairs.*

*Problems occuring at most of the stations/lock-ups/quarters visited by the Commission were generally caused by outdated electrical wiring. The increase in use of electricity due to additional electrical equipment and an increase in number of personnel has resulted in the existing electrical wiring being unable to sustain the greater supply of electricity, thus causing blackouts.*

Perumahan yang selesa terutama kepada anggota polis perlu diberi perhatian sewajarnya kerana kos sewaan rumah yang tinggi terutama di bandar, jarak rumah sewa yang jauh dari balai serta peraturan yang tidak membenarkan anggota tinggal di luar menyebabkan anggota terpaksa mendiami kuarters tersebut walaupun tidak selesa terutama kepada anggota yang sudah berkahwin dan mempunyai anak yang ramai.

*Comfortable housing, especially for constables, should be given proper attention as the high costs of rents, particularly in urban areas, the distance between rented accommodation and the station and regulations that do not allow staff to reside outside lead to constables being compelled to stay in such quarters despite the discomfort, especially those constables who are married and have many children.*

EAIC memandang serius aspek kebajikan warga PDRM terutama di peringkat IPD. Masalah yang dihadapi di peringkat lapangan bukan sahaja terhad kepada infrastruktur bangunan pentadbiran, malah ia termasuk kediaman perumahan yang diduduki warga PDRM.

*EAIC takes the welfare of the Royal Malaysian Police community seriously, especially at district headquarters level. The problems faced at field level are not only restricted to the administrative building infrastructure but also include the residential buildings occupied by the police community.*

Sehubungan dengan itu, EAIC telah dijemput dalam satu Mesyuarat Penyelarasan Peruntukan Bajet Bagi Penyelenggaraan dan Menaiktaraf Prasarana PDRM anjuran GIACC dan telah dihadiri wakil-wakil daripada KDN, MOF, PDRM dan JKR pada 13 September 2020 bagi membincangkan dan mengenal pasti isu dan status perbelanjaan peruntukan yang masih belum dibelanjakan untuk penyelenggaraan bangunan dan kuarters PDRM.

*In connection with this, EAIC was invited to attend a Meeting for the Coordination of Budget Allocation for Maintenance and Upgrading of Royal Malaysian Police Infrastructure organised by GIACC, held on 13th September 2020, and attended by representatives from the Ministry of Home Affairs, Ministry of Finance, the Royal Malaysian Police and the Public Works Department. It was held in order to discuss and ascertain the issues and status of cost allocations yet to be disbursed for maintenance of police buildings and quarters.*

Pihak KDN telah memberi maklum balas perkara kelewatan perbelanjaan penyelenggaraan diletakkan di bawah Belanja Pembangunan, (*Development Expenditure*) (DE) dan mengambil masa untuk JKR membuat penilaian. Sebelum ini peruntukan bagi penyelenggaraan diletakkan di bawah Belanja Mengurus, (*Operating Expenditure*) (OE). Perolehan bagi penyelenggaraan prasarana PDRM dilaksanakan secara berperingkat pada bulan Ogos, September dan Oktober 2019. Pada tahun 2020, KDN akan memberi fokus kepada penyelenggaraan lif, kuarters, bagunan PDRM dan juga pembaikan lokap yang telah dipohon di bawah Belanja Pembangunan (DE).

*The Ministry of Home Affairs provided feedback regarding delays in allocating the maintenance expenditure under Development Expenditure (DE) and is allowing time for the Public Works Department to conduct evaluation. Prior to this, the allocation for maintenance was under Operating Expenditure (OE). Procurement for maintenance of Royal Malaysian Police infrastructure was carried out in stages in the months of August, September and October, 2019. In 2020, the Ministry of Home Affairs will focus on the maintenance of lifts, quarters and RMP buildings, as well as improving lock-ups, which have been requested under Development Expenditure (DE).*

Selain daripada itu juga, pihak JKR memaklumkan *Standard Operating System* (SOP) dalam proses penyelenggaraan melibatkan proses seperti fasa perancangan untuk dapatkan peruntukan, agensi mengemukakan surat untuk melantik JKR sebagai pelaksana, lawatan tapak, *condition assessment* (dalam tempoh tiga bulan) dan proses perolehan. Proses penyelenggaraan ini akan dimulakan setelah proses pemeriksaan, perancangan dan perolehan yang mengambil masa 10 bulan ini selesai. JKR berpandangan perlu ada Pelan Operasi Penyelenggaraan Aset bagi memastikan pengurusan aset yang holistik dan perancangan perolehan yang bersepadu.

Oleh itu, mesyuarat mengambil maklum adalah penting untuk semua agensi menyampaikan maklumat berhubung usaha yang telah dilaksanakan oleh agensi Kerajaan dalam menangani isu kebajikan anggota PDRM bagi memastikan maklumat yang betul disampaikan kepada *stakeholder*.

*In addition, the Public Works Department announced the Standard Operating System (SOP) for maintenance involving processes such as the planning phase to obtain allocations, agency submission of letter to appoint the Department to carry out implementation, site visits, condition assessment (within a period of three months) and the procurement process. The maintenance process shall commence once the inspection, planning and procurement processes, which take a period of 10 months, are completed. The Department is of the view of the necessity for an Asset Maintenance Operations Plan to ensure a holistic management of assets and integrated procurement planning.*

*Therefore, the meeting has acknowledged the importance of all agencies to provide information on endeavours taken in dealing with the issue of welfare of members of the police in order to ensure that the correct information is conveyed to the stakeholders.*

# PROMOSI DAN PUBLISITI

PROMOTION AND PUBLICITY

# PROMOSI DAN PUBLISITI
# PROMOTION AND PUBLICITY

## KEMPEN LAPORKAN! SALAH LAKU PENGUATKUASA

Promosi Kempen Laporkan*!* Salah Laku Penguat Kuasa yang dilancarkan pada 2018 diteruskan pada tahun ini selaras dengan matlamat EAIC melindungi kepentingan orang awam melalui pencegahan dan penanganan salah laku anggota / agensi penguatkuasaan.

Berikut adalah sorotan aktiviti promosi Kempen Laporkan*!* Salah Laku Penguat Kuasa yang telah dijalankan sepanjang tahun:

## *REPORT IT! ENFORCER MISCONDUCT CAMPAIGN*

*The Report It! Enforcer Misconduct Campaign launched in 2018 was continued in 2019 in line with EAIC's goal of safeguarding public interest through the prevention and handling of malfeasance of an enforcement agency or official.*

*The following are highlights of the Report It! Enforcer Misconduct Campaign promotional activities carried out throughout 2019:*




**11 MAC 2019**
Edaran Brosur di Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Kuala Lumpur

***11 MARCH 2019***
*Distribution of brochures at the Department of Immigration Malaysia, Kuala Lumpur*




**12 MAC 2019**
Edaran Brosur di Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Kelantan

***12 MARCH 2019***
*Distribution of brochures at the Department of Immigration Malaysia, Kelantan*




**17 MAC 2019**
Edaran Brosur di Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Kuala Langat

***17 MARCH 2019***
*Report It Campaign at the Department of Immigration Malaysia, Kuala Langat*




**24 MAC 2019**
Kempen Laporkan Integriti di Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA)

***24 APRIL 2019***
*Report It Integrity Campaign at the Langkawi Development Authority (LADA)*




**25 APRIL 2019**
Edaran Brosur Agensi di Pulau Langkawi

***25 APRIL 2019***
*Distribution of Agency Brochure in Langkawi*



**29 APRIL 2019**
Simposium Integriti di Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) Selangor

***29 APRIL 2019***
*Integrity Symposium at the Petaling Jaya City Council, Selangor*



**3 JULAI 2019**
Edaran Brosur di Jabatan Pendaftarana Negara Kuala Lumpur

***3 JULY 2019***
*Distribution of brochures at the National Registration Department, Kuala Lumpur*




**1 OGOS 2019**
Edaran Bahan Laporkan di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Melaka

***1 AUGUST 2019***
*Distribution of Report It Materials at the National Registration Department, Melaka*




**2 OGOS 2019**
Kempen Laporkan di Caring Bridge Melaka

***2 AUGUST 2019***
*Report It Campaign at Caring Bridge, Melaka*



**16 OKTOBER 2019**
Kempen Laporkan Hari Pendaftaran Negara di Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) Putrajaya

***16 OCTOBER 2019***
*Report It Campaign during National Registration Day at the National Registration Department, Putrajaya*



**27 NOVEMBER 2019**
Kempen Laporkan! Salah Laku Agensi Penguatkuasaan bersempena Hari Integriti @ jabatanperdanamenteri 2019 - Putrajaya

***27 NOVEMBER 2019***
*Report It! Enforcer Misconduct Campaign in conjunction with Integrity Day @ primeminister'sdepartment 2019 - Putrajaya*

Promosi kempen ini turut mendapat kerjasama persatuan Masyarakat Sivil dan Pertubuhan Bukan Kerajaan di mana kerjasama melalui perkongsian maklumat mengenai fungsi dan peranan EAIC dimuatnaik ke laman media sosial persatuan / pertubuhan berkenaan.

*This promotional campaign was also carried out with the cooperation of Civilian Community associations and Non-Governmental organisations whereby information on the functions and roles of the EAIC were uploaded to social media sites of the associations/organisations involved.*

## PELAN KOMUNIKASI RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA BEBAS ADUAN SALAH LAKU (IPCMC) 2019

## *INDEPENDENT POLICE COMPLAINTS AND MISCONDUCT COMMISSION BILL 2019 (IPCMC) COMMUNICATION PLAN*

Pelancaran Pelan Anti Rasuah Nasional (NACP) 2019-2023 oleh YAB Perdana Menteri pada 29 Januari 2019 telah menggariskan transformasi EAIC kepada Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis (IPCMC) sebagai salah satu objektif strategik NACP bagi mengukuhkan agensi penguatkuasaan undang-undang di Malaysia.

*The Launch of the National Anti-Corruption Plan (NACP) 2019-2023 by the Prime Minister on 29 January 2019 emphasised the transformation of the EAIC into the Independent Police Complaints and Misconduct Commission (IPCMC) as one of the NACP's strategic objectives of consolidating law enforcement agencies in Malaysia.*

Sebagai persediaan ke arah proses transformasi tersebut, EAIC telah bekerjasama dengan Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Parlimen) dan Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) dalam menjayakan pelan komunikasi khusus untuk menerangkan Rang Undang-Undang IPCMC 2019 khususnya kepada kumpulan sasaran iaitu Pasukan Polis DiRaja Malaysia, persatuan masyarakat sivil dan bukan Kerajaan serta pihak media. Pelan komunikasi tersebut penting bagi memastikan kefahaman yang jelas oleh semua pihak dalam menjamin impak yang

*In preparation towards this transformational process, the EAIC has cooperated with the Office of the Minister in the Prime Minister's Department (Law and Parliament) and the Governance, Integrity and Anti-Commission Centre (GIACC) to aid in bringing the communication plan to fruition, specifically in explaining the IPCMC Bill 2019 to target groups, namely the Royal Malaysia Police, Civilian Community associations, Non-Governmental organisations, as well as the media. The communication plan is important to convey a clear understanding to all parties in order to guarantee a positive reception of*

positif terhadap RUU IPCMC sebagai agenda dan dasar Kerajaan.

*the IPCMC Bill as government agenda and policy.*

Berikut adalah rangkuman program dan aktiviti pengisian yang telah dilaksanakan di bawah Pelan Komunikasi RUU IPCMC 2019:

*The following is a summary of the programmes and activities carried out under the IPCMC Bill 2019 Communication Plan:*

**Kerjasama Penghasilan dan Hebahan Infografik bersama Agensi Awam**

***Collaboration with Public Agencies in Infographic Productions and Broadcasts***




















## Konsultasi RUU IPCMC Bersama Anggota PDRM
*IPCMC Bill Consultation with members of the Royal Malaysia Police*



**15082019 - KONSULTASI YBM BERSAMA PEMEGANG TARUH**
*15082019 - MINISTER'S CONSULTATION WITH STAKEHOLDERS*




**30082019 - SESI KONSULTASI RUU IPCMC KETUA EDITOR**
*30082019 - CHIEF EDITORS' IPCMC BILL CONSULTATION SESSION*



**05092019 - KONSULTASI RANG UNDANG- UNDANG IPCMC 2019 YB DATUK LIEW VUI KEONG BERSAMA PDRM DI BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG (BHEUU)**
*05092019 - DATUK LIEW VUI KEONG'S IPCMC BILL 2019 CONSUL-TATION WITH THE ROYAL MALAYSIA POLICE AT THE LEGAL AFFAIRS DIVISION*



**11092019 - KONSULTASI RUU IPCMC BERSAMA PDRM DI ZON SELATAN@JOHOR**
*11092019 - IPCMC BILL CONSULTATION WITH SOUTHERN ZONE ROYAL MALAYSIA POLICE IN JOHOR*



**20092019 - KONSULTASI RANG UNDANG-UNDANG IPCMC DI DEWAN SULTAN HAJI AHMAD SHAH, MAKTAB PDRM KUALA LUMPUR**
*20092019 - IPCMC BILL CONSULTATION AT DEWAN SULTAN HAJI AHMAD SHAH, ROYAL MALAYSIA POLICE COLLEGE, KUALA LUMPUR*



**24092019 - KONSULTASI RUU IPCMC BERSAMA PDRM DI ZON UTARA@KEDAH**
*24092019 - IPCMC BILL CONSULATION WITH THE NORTHERN ZONE ROYAL MALAYSIA POLICE IN KEDAH*

## Temubual / Wawancara Media
### *Media Talks/Interviews*




**07082019 – Temu bual bersama Bernama News Channel (BNC)**
*07082019 - Interview with Bernama News Channel (BNC)*



**14082019 – Temu bual bersama NASIONAL FM**
*14082019 - Interview with NASIONAL FM*



**14082019 – Temu bual bersama RTM TV**
*14082019 - Interview with RTM TV*



**02102019 – Temu bual bersama UTUSAN**
*02102019 - Interview with UTUSAN*



**12122019 – Temu bual bersama New Straits Times (NST)**
*12122019 - Interview with the New Straits Times (NST)*



**18122019 – Temu bual bersama MALAYSIAKINI**
*18122019 - Interview with MALAYSIAKINI*

## MEDIA DAN PUBLISITI

### LIPUTAN DAN WAWANCARA MEDIA

Berikut adalah rangkuman liputan dan wawancara media sepanjang tahun 2019.

## *MEDIA AND PUBLICITY*

### *MEDIA COVERAGE AND INTERVIEWS*

*The following is a summary of media coverage and interviews throughout 2019.*






NEWS

**Inaccurate to say IPCMC will act as police, judge, jury - EAIC chief**

Darshini Kandasamy
Published 19 Dec 2019, 6:03 pm · Modified 19 Dec 2019, 6:18 pm

It is inaccurate to say the upcoming Independent Police Complaints of Misconduct Commission (IPCMC) will be acting as police, judge and jury when handling cases, said Enforcement Agency Integrity Commission (EAIC) chief executive officer Mohamad Onn Abd Aziz.

"The statement that the IPCMC will act as police, judge and jury is inaccurate as the handling of complaints, investigation process, and determination of the findings of investigation, and punishment to be imposed will be conducted by a separate entity within the IPCMC," he told *Malaysiakini*.

Explaining further, Onn (*above*) said this setup was almost similar to the current practice by the Police Force Commission (SSP).



NewSundayTimes . DECEMBER 15, 2019

10 | NEWS / Nation

INDEPENDENT COMMISSION

**SECOND READING OF IPCMC BILL DEFERRED**

Postponement an opportunity for EAIC to strive for balance between people's demands and police's needs, says CEO

NURADZIMMAH DAIM
**PUTRAJAYA**
news@nst.com.my

THE second reading of the Independent Police Complaints and Misconduct Commission (IPCMC) Bill has been postponed to the next Dewan Rakyat meeting, indicating another stumbling block to the establishment of IPCMC.

The road to the setting up of a watchdog for better policing has been all but rough, and striking a balance between the people's demands and the police's needs has put the Enforcement Agency Integrity Commission (EAIC) secretary and chief executive officer Mohamad Onn Abd Aziz in a less-than-desirable spot.

*Mohamad Onn Abd Aziz*

Onn said the postponement was an opportunity for his team to regroup and review strategies.

"We took the opportunity to have another look at what had transpired.

"The idea, first mooted in 2005, was met with police's strong objections.

"After taking into consideration feedback from stakeholders, the bill went through reviews before it was tabled in Parliament in July.

"Police representatives were also engaged," he told the *New Sunday Times*.

He, however, said the message for the police was not conveyed as intended by the commission.

"Instead, we are facing challenges in addressing the perception and concerns raised by the police.

"It was never our intention to dictate how police should carry out their job or take over the role of its Integrity and Standard Compliance Department, as raised by some quarters.

"The idea is to serve the public better by giving EAIC more bite to address police misconduct.

"In fact, we have been probing into police misconduct and giving recommendations since its inception in 2011.

"However, there were instances where complainants came back and questioned the lack of action, despite recommendations made by EAIC to the police.

"This, in a way, could affect the image of the police force," said Onn, who is senior federal counsel in the Advisory Division of the Attorney-General's Chamber.

EAIC receives an average of 600 complaints annually, with each file taking between six months and one year to be completed.

Onn, however, said complaints were filtered, including criminal cases which were handed to the deputy public prosecutor's office as well as those lodged with malicious intention.

A total of 108 investigation papers have been opened since 2012, with 147 recommendations made to the police.

"By empowering EAIC, we can carry out our tasks more efficiently and improve the people's perception of police."

Empowering and upgrading the commission, he said, would help IPCMC address police's welfare.

"This includes living quarters and condition of lock-ups. "For instance, we see the need to have a medical officer to carry out basic health checks on detainees at each lock-up."

He said whether the bill went through in Parliament, EAIC would push for improvements, including increasing the number of investigating officers.

The commission, he said, welcomed those who wished to know more about the bill.

"The keyword here is trust. Perception is the silent killer of trust. While we try our best to explain to the public, in particular the police, the problem is that they already have views on the matter."

He said if the police were open to the idea of IPCMC, it would be good for the force's image.

*Enforcement Agency Integrity Commission secretary and chief executive officer Mohamad Onn Abd Aziz says if the police are open to the idea of the Independent Police Complaints and Misconduct Committee, it will be good for the force's image.* PIC BY IQMAL HAQIM ROSMAN

**IGP raises concerns about disciplinary monitoring**

**PUTRAJAYA:** The proposal to set up the Independent Police Complaints and Misconduct Commission (IPCMC) has been met with reservations by the force.

This was reflected in a letter by Inspector-General of Police Tan Sri Abdul Hamid Bador, dated Nov 20, on the force's feedback to the parliamentary Select Committee tasked with reviewing the IPCMC Bill.

One of the recommendations by the police was to review Clause 33(1) of the bill, which provides power to IPCMC to demote and dismiss policemen.

The force said the clause was against Article 135(1) of the Federal Constitution in regard to the matter.

"The disciplinary monitoring was not defined under Article 140 of the Federal Constitution.

"Does 'disciplinary monitoring' authority cover dismissal or demotion?" the letter read.

The Select Committee, chaired by Bukit Gelugor member of parliament Ramkarpal Singh, in its report, said IPCMC and the police's Integrity and Standard Compliance Department should foster a close working relationship, such as that of the Independent Office for Police Conduct and the United Kingdom's Police Force Professional Standards Department. This, the committee said, was to ensure that both parties' functions could be optimised and boosted public confidence in police.

"The committee agreed that IPCMC's role in monitoring police personnel is in line with the Federal Constitution.

"It said the establishment of IPCMC should be carried on after taking into consideration views raised during consultations and public hearing."

*Inspector-General of Police Tan Sri Abdul Hamid Bador*

The committee, in agreeing with empowering IPCMC to monitor and compel the police to investigate misconduct committed by its personnel that are criminal in nature, recommended that the commission's officials undergo training.

Other recommendations were for the commission to be provided with bigger manpower and appropriate office space.

The committee also agreed with recommendations to include clauses in the bill, which provides avenues for policemen to refer to IPCMC's minor disciplinary misconduct appeal board if they were aggrieved with the outcome of the commission's investigation.

In addressing the lack of police facilities, it recommended an allocation to improve the force's efficiency and welfare, including the installation of closed-circuit television cameras at lock-ups and for personnel and police vehicles to be equipped with cameras.

The 36 recommendations by the Select Committee are available at www.parlimen.gov.my.

PRAYER TIMES

| | SUBUH (am) | SYURUK | ZUHUR | ASAR (pm) | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Melaka | 5:44 | 7:07 | 1:08 | 4:32 | 7:07 | 8:22 |
| Penang | 5:57 | 7:18 | 1:16 | 4:38 | 7:09 | 8:24 |
| K. Lumpur | 5:57 | 7:09 | 1:11 | 4:33 | 7:08 | 8:23 |
| Johor Bahru | 5:37 | 7:00 | 1:02 | 4:26 | 7:02 | 8:17 |
| Kuantan | 5:42 | 7:05 | 1:05 | 4:28 | 7:03 | 8:17 |
| Ipoh | 5:54 | 7:13 | 1:14 | 4:36 | 7:08 | 8:23 |



12 WAWANCARA MINGGUAN MALAYSIA • AHAD 6 OKTOBER 201

**Bukan mahu aniaya PDRM**

SELEPAS lebih sedekad dicadangkan penubuhannya, Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis (IPCMC) akhirnya bakal menjadi realiti apabila Rang Undang-undang IPCMC 2019 akan dibahaskan di Dewan Rakyat, esok.

Berikutan persepsi yang wujud, IPCMC dilihat oleh sesetengah pihak khususnya sebahagian besar warga Polis Diraja Malaysia (PDRM) satu agensi yang bertujuan mencari salah mereka. Persoalannya, benarkah dakwaan tersebut?

Bagi mendapatkan jawapannya, Penolong Pengarang Utusan Malaysia, **ZULKIFLEE BAKAR**, Penolong Pengarang Berita **MOHAMMAD YASIR JAAFAR** dan jurufoto **FAIRUZ IZYANA AYUB** serta juruvideo **MOHD. FIKRI FADZIL** menemu bual Ketua Pegawai Eksekutif, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC), **MOHAMAD ONN ABD. AZIZ**.

Dalam pertemuan lebih sejam di Putrajaya, pada Rabu lalu, Mohamad Onn tegas menafikan IPCMC akan menjadi alat atau agenda kepada mana-mana pihak bagi mencari salah warga PDRM, sebaliknya ia bertujuan memulihkan integriti pasukan tersebut serta meningkatkan keyakinan rakyat kepada pasukan penguat kuasa terbesar negara itu.

**MINGGUAN : Sebelum ini sudah ada Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) dan Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard (JIPS) yang memantau pegawai dan anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM), jadi kenapa perlunya Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis (IPCMC)?**

**MOHAMAD ONN :** Penubuhan IPCMC bukan baharu. Pada 2004 sebanyak 125 syor dikemukakan bagi menambah baik pasukan polis. Salah satu syor tersebut adalah menubuhkan IPCMC. Maknanya cadangan sudah 15 tahun dikemukakan.

Terdapat dua faktor utama kenapa kita tubuhkan IPCMC iaitu mengembalikan integriti pegawai dan anggota polis dan untuk tingkatkan keyakinan orang awam terhadap integriti pasukan itu. Kedua-duanya saling melengkapi dan berharap ia akan menjadi titik tolak dalam landskap kepolisan negara kita.

Kita adalah pihak bebas yang diperkasakan dan tugas sangat berat. Ini memandangkan kita harus mengimbangi antara kepentingan awam dan kepentingan polis. Kami tidak boleh dilihat menekan dan tidak boleh seolah-olah memberi pendekatan lembut kepada pasukan tersebut.

Saya hendak tegaskan, kewujudan IPCMC bukan untuk menjatuhkan moral PDRM. Tuduhan mengatakan kami hanya mahu menghukum adalah sangkaan yang tidak betul sama sekali. Berilah kami masa. Kami ingin menyantuni PDRM dan rakyat serta mahu mewujudkan suasana rakyat yang harmoni.

**Mungkin ramai bertanya teruk sangatkah PDRM, sedangkan ada banyak lagi agensi penguat kuasa lain?**

**MOHAMAD ONN :** Sebenarnya polis bukan menjadi sasaran. Kalau tengok jumlah keanggotaan penguat kuasa, PDRM adalah tertinggi iaitu hampir 137,000 orang. Kedua, sebelum ini kita ada EIAC yang mengendalikan 21 agensi.

Fungsinya ketika itu apabila ada aduan, kita buat siasatan dan ia diserahkan kepada pihak berkuasa tatatertib (PBT) masing-masing. Keadaan ini berbeza dengan PDRM. Berikutan pindaan terhadap Perkara 140 Perlembagaan Persekutuan, ia membenarkan satu lagi pihak lain menjadi PBT untuk agensi lain.

Kami bukan tidak mahu tetapi Perlembagaan Persekutuan tidak membenarkan. Oleh itu, agensi lain masih tertakluk kepada PBT masing-masing sebaliknya jika pasukan polis kita boleh menjadi PBT, maknanya undang-undang membenarkan pihak ketiga seperti kami mengendalikan isu tatatertib.

**Persoalannya hebat sangatkah IPCMC sehingga diberi tanggungjawab untuk membawa perubahan dalam soal integriti PDRM?**

**MOHAMAD ONN :** Soal hebat itu biarlah massa menilainya. Bukan soal hebat atau tidak yang menjadi ukuran kami, sebaliknya mahu supaya persepsi dan salah tanggapan masyarakat kedua-dua belah pihak sama ada rakyat atau polis dapat diperbetulkan.

Ini memandangkan masing-masing bercanggah pandangan, saling berprasangka sehingga walaupun dalam kes terpencil, ia diperbesar-besarkan. Itu kita perlu betulkan. IPCMC adalah satu-satunya agensi di dunia yang menjadi penguat kuasa tatatertib. Di Hong Kong, United Kingdom (UK) dan Australia, mereka cuma boleh membuat cadangan atau syor sahaja. Walaupun ia fungsi yang baharu, insya-Allah dengan kerjasama semua pihak, saya yakin integriti PDRM dapat dipertingkatkan. Bagaimanapun, ini tidak boleh berlaku dalam satu malam. Ia mengambil masa. Apa yang saya nampak ia memerlukan pengorbanan daripada semua pihak terutama generasi PDRM sekarang.

> *Keadaan itu berlaku kerana kami sangat berhati-hati, tidak mahu menganiaya sesiapa. Kalau ada yang beranggapan IPCMC adalah medan untuk melepaskan amarah, perasaan tidak puas hati mana-mana pihak dan kami dipergunakan, saya fikir ia tidak betul. IPCMC sepatutnya dilihat sebagai perisai bagi menangani salah laku polis tetapi pada masa sama mengelakkan tohmahan terhadap mereka.*

**Bagaimana IPCMC mahu memastikan ia tidak menjadi alat untuk menganiaya mana-mana pegawai atau anggota polis?**

**MOHAMAD ONN :** Kami mengambil kira amalan di Hong Kong dan UK, kita sesuaikan. Setiap aduan diterima, kita akan buat tapisan dan pastikan ia sahih sebelum siasatan dijalankan.

Langkah itu bertujuan memastikan IPCMC tidak menjadi lambakan aduan dan lambakan tohmahan. Contohnya apabila seseorang yang tidak berpuas hati kerana ditangkap, dia akan mengadu kepada kita. Kes seumpama ini kita sudah ada pengalaman.

Oleh itu, kita akan tapis dan teliti. Kita hanya meneruskan siasatan apabila ada asas kukuh. Kes itu akan dikendalikan oleh satu jawatankuasa yang terdiri dalam kalangan pegawai berpengalaman.

Kita tidak akan menzalimi sesiapa. Kita sedar anggota PDRM bertugas 24 jam. Kadang-kadang mengutamakan tugas daripada keluarga. Begitu juga dengan keadaan kuarters dan tempat kerja yang tidak kondusif. Semua kekangan ini kita ambil kira.

Dalam menentukan sama ada sesuatu tindakan itu wajar atau tidak, kesimpulannya yang ditolak lebih banyak daripada terima. Nisbahnya sekitar 70 peratus kami tolak manakala 30 peratus disiasat dan hanya 10 peratus sahaja dijatuhkan hukuman - satu jumlah yang cukup kecil berbanding aduan diterima.

Keadaan itu berlaku kerana kami sangat berhati-hati, tidak mahu menganiaya sesiapa. Kalau ada yang beranggapan IPCMC adalah medan untuk melepaskan amarah, perasaan tidak puas hati mana-mana pihak dan kami dipergunakan, saya fikir ia tidak betul.

IPCMC sepatutnya dilihat sebagai perisai bagi menangani salah laku polis tetapi pada masa sama mengelakkan tohmahan terhadap mereka.

**Sejauh manakah IPCMC boleh memberi jaminan akan bebas daripada tekanan pemerintah memandangkan ada kelompok dahulunya sering mencari salah polis kini sudah menjadi kerajaan?**

## PESANAN KHIDMAT MASYARAKAT

EAIC turut menjalankan kerjasama dengan agensi-agensi utama perkhidmatan awam seperti Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Kewangan Malaysia, Kementerian Pertahanan Malaysia, Kementerian Wilayah Persekutuan untuk menghasilkan koleksi video Pesanan Integriti yang menampilkan mesej-mesej pemerkasaan dan pemurnian integriti oleh pemimpin masyarakat.

## *PUBLIC SERVICE ANNOUNCEMENTS*

*The EAIC also cooperated with key public service agencies such as the Prime Minister's Department, Ministry of Finance Malaysia, Ministry of Defence Malaysia and Ministry of Federal Territories to produce a collection of Integrity Message videos pertaining to integrity empowerment and incorruptibility by community leaders.*


















## PENCAPAIAN NILAI PERHUBUNGAN AWAM

Nilai keberkesanan perhubungan awam atau lebih sinonim dengan *PR Value* adalah sistem yang penting untuk mengukur keberkesanan perhubungan awam dalam melaksanakan promosi berkenaan organisasi melalui media massa. Melalui pemantauan *PR Value* yang strategik dan konsisten, EAIC sentiasa menambahbaik perkongsian input / berita kepada media massa dengan memfokuskan kandungan berita yang signifikan untuk disampaikan kepada masyarakat.

Pada tahun ini, sebanyak 1400 bilangan liputan berita mengenai EAIC telah direkodkan dengan pulangan *PR Value* sebanyak RM17, 484,538. Oleh itu secara puratanya, sebanyak 117 bilangan liputan berita telah berjaya dicapai oleh EAIC pada setiap bulan tanpa melibatkan sebarang kos untuk kesemua liputan tersebut.

Liputan berita mengenai EAIC terus meningkat dengan mendadak pada penghujung tahun susulan keputusan Kerajaan ketika itu untuk membentangkan Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis 2019 ke Persidangan Dewan Rakyat Parlimen (Mesyuarat Ke-3, Penggal Ke-2, Parlimen Ke-14) yang turut membahaskan mengenai transformasi EAIC kepada IPCMC.

Rang Undang-Undang tersebut telah menjadi topik perdebatan yang hangat oleh pelbagai pihak termasuk pemimpin masyarakat, parti pembangkang, ahli akademik dan NGO. Perdebatan dan maklum balas dari pelbagai pihak itu telah meraih liputan yang meluas dalam kalangan media massa terutama media arus perdana sehinggalah bacaan kali kedua Rang Undang-Undang tersebut ditangguhkan pada bulan Oktober. *Trend* (aliran) peningkatan liputan berita tersebut terus meningkat apabila Sesi Pendengaran Awam yang dikendalikan oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-Undang IPCMC di Zon Utara, Selatan, Sabah, Sarawak dan Pantai Timur juga telah mendapat liputan yang baik oleh media massa di seluruh negara.

## *PUBLIC RELATIONS VALUE ACHIEVEMENT*

*The public relations effectiveness value, better known as the PR Value, is a system significant in measuring the effectiveness of public relations in carrying out promotion of an organisation through the mass media. By a strategic and consistent monitoring of the PR Value, EAIC is constantly improving its sharing of input/news with the mass media by focusing on significant news content to be delivered to the public.*

*In 2019, a total of 1400 news items about EAIC were recorded at a PR Value return of RM17,484,538. On average, 117 news items were achieved by EAIC each month without incurring any cost for all coverage.*

*News coverage on EAIC surged abruptly at the end of the year following the then Government's decision to table the Independent Police Complaints and Misconduct Commission Bill 2019 in Parliament (3rd Meeting, 2nd Term, 14th Parliament), whereby the transformation of the EAIC into the IPCMC was also debated.*

*The Bill became the topic of heated debate among various parties including community leaders, the opposition, members of academia and non-governmental organisations. The debate and feedback from numerous parties garnered expansive coverage in the mass media, especially the mainstream media, resulting in the second reading of the Bill being postponed until October. The upward trend of news coverage continued when Public Hearing Sessions organised by the Select Committee on Deliberation of the IPCMC Bill held in the Northern Zone, Southern Zone, Sabah, Sarawak and the East Coast received favourable mass media coverage nationwide.*

| BIL.<br>*NO.* | KATEGORI MEDIA MASSA<br>*MASS MEDIA CATEGORY* | JUMLAH<br>*TOTAL* | PR VALUE (RM)<br>*PR VALUE (RM)* |
|---|---|---|---|
| 1. | Radio<br>*Radio* | 17 | 31,995 |
| 2. | Majalah<br>*Magazines* | 1 | 32,286.66 |
| 3. | Surat Khabar<br>*Newspapers* | 387 | 6,603,958.44 |
| 4. | Berita Atas Talian<br>*Online News* | 896 | 3,315,150 |
| 5. | Televisyen<br>*Television* | 99 | 7,501,149 |
| **JUMLAH KESELURUHAN<br>OVERALL TOTAL** | | **1400** | **RM 17,484,538** |

**Capaian PR Value EAIC di pelbagai saluran media pada tahun 2019**

***EAIC PR Value Achievement over various media channels in 2019***

## PERKEMBANGAN MEDIA SOSIAL

EAIC mengoptimumkan media sosial sebagai medium pemantauan utama isu-isu ketirisan integriti penguatkuasa. Pada tahun ini berdasarkan pemantauan yang dijalankan oleh EAIC, antara isu yang dibangkitkan dan menjadi perhatian netizen adalah penubuhan IPCMC, pembentangan RUU IPCMC 2019 serta pemerkasaan EAIC sebagai IPCMC.

Hasil daripada pemantauan tersebut dan input-input yang diperolehi, EAIC telah merangka tindakan strategik dan pelan intervensi yang sesuai digunakan bagi menangani isu-isu berbangkit.

## *DEVELOPMENTS OVER SOCIAL MEDIA*

*The EAIC optimises the use of social media as a key monitoring medium for issues regarding erosion in the integrity of enforcement agencies. In 2019, according to monitoring carried out by EAIC, among issues raised and gaining the attention of netizens were the establishment of the IPCMC, the tabling of the IPCMC Bill 2019 and the empowerment of EAIC into the IPCMC.*

*As a consequence of this monitoring and the input obtained, EAIC has come up with appropriate strategic action and an intervention plan to be utilised in handling issues that may arise.*







**Contoh input dan hasil pemerhatian di media sosial**

***Example of input and observations on social media***







Strong IPCMC is part of modern policing

POLICE discontent with the impending Independent Police Complaints and Misconduct Commission (IPCMC) is not totally unfounded, but I believe the force should place equal emphasis on enhancing the separation and balance of powers within the criminal justice system and, more importantly, between them and the Executive.

The prime minister as the head of the Executive has an overwhelming administrative influence over the police, and the men in blue have been caught many times between a rock and a hard place because of this.

The current government promised to reduce and restrict the powers of the prime minister in this aspect, but reforms have been slow.

The 1MDB scandal is a perfect example of how things can go wrong when an all-powerful Executive abuses power by using rogue enforcers of the law. The whole image of the police was adversely affected by the few who wanted to protect the criminal acts of their political masters.

The misuse of preventive laws on the pretext of national security was a serious breach of trust. A strong IPCMC at that time would have prevented such a grave abuse of the criminal justice system.

The ongoing court cases involving our previous two most powerful public officials will be crucial in revealing how this abuse was allowed to happen. If they are found guilty, then there should be an official inquiry as to how the criminal justice system with the police, the Attorney General's Chambers in particular, and all the other administrative checks and balances in place failed to stop them!

Routine police work requires difficult calls to be made. Rules of engagement and quick discretion often come into play. Personnel on the ground and all those involved in covert or overt operations are protected by law when they carry out their powers in good faith. However, they must be mindful of the rule of law, especially with those who can abuse their powers and position for their own vested interests.

History has proven that the will of society inevitably embraces natural justice more powerfully than any other entity; it just takes time. Hence, an effective IPCMC would not only keep the police in step with the rule of law but also ensure that frivolous allegations against the men in blue will be dealt with severely.

Malaysia's political climate is getting heated as politicians are still grappling for power. Some who are facing court proceedings for criminal offences are getting more desperate. The police must be wary, alert and stay above the polemics around them by applying the rule of law in the strictest interpretation given.

They must embrace and support a strong IPCMC as part and parcel of modern policing. I have no doubt that the police will adapt and reinvent itself with greater integrity and competence in meeting the challenges ahead, conforming to the framework of the Constitution, procedural law and natural justice strictly without fear or favour.

G. SELVA
Ipoh

your opinions

EMAIL editor@thestar.com.my
MAIL The Editor,
Menara Star, 15,
Jalan 16/11, Section 16,
46350 Petaling Jaya.
Letters must carry the sender's full name, address and telephone number. A pseudonym may be included.

**Peningkatan aduan dan interaksi di media sosial EAIC susulan isu-isu yang dibangkitkan oleh netizen berhubung RUU IPCMC 2019**

***Increase in complaints and interaction on EIAC social media following issues raised by netizens regarding the IPCMC Bill 2019***






**Peningkatan aduan / pertanyaan di media sosial berhubung EAIC / IPCMC**

***Increase in complaints/ enquiries on social media regarding the EAIC/IPCMC***




**Peningkatan *'likes'* Facebook EAIC pada tahun 2019**

***Increased 'likes' on the EAIC Facebook page in 2019***

Selain daripada itu, perkembangan yang positif media sosial EAIC juga dapat dilihat melalui analisis seperti berikut:

*In addition, positive development may be observed on EAIC social media through the following analysis:*




**Peningkatan Sasaran Penonton**
***Increase in Target Audience***

## MAJLIS IKRAR BEBAS RASUAH

Pelaksanaan Ikrar Bebas Rasuah telah disempurnakan oleh warga EAIC sebagai tanda komitmen Suruhanjaya dalam meningkatkan integriti serta mutu penyampaian dan perkhidmatan warga kerja agar lebih telus dan bebas daripada rasuah serta penyalahgunaan kuasa. Ianya juga selaras dengan aspirasi dan matlamat Pelan NACP 2019-2023 yang dilancarkan pada tahun ini. Ikrar tersebut juga adalah sebagai satu tekad bahawa EAIC tidak akan berkompromi dengan isu-isu integriti lebih-lebih lagi di kalangan warga EAIC sendiri.

## *REJECTION OF CORRUPTION AFFIRMATION CEREMONY*

*A ceremony to affirm their rejection of corruption was conducted by EAIC members to mark the Commission's commitment to improving integrity, as well as the quality of delivery and service of its workforce to be more transparent and reject corruption and the abuse of power. This is in line with the aspirations and goals of the NACP Plan 2019-2023, which was launched in 2019. The affirmation event also demonstrated the resolve that the EIAC will not compromise on issues of integrity, especially among its own staff.*



**Pengerusi EAIC, Dato' A.Aziz dalam ucapannya menyeru agar warga Suruhanjaya memurnikan isi kandungan ikrar tersebut dalam menunaikan amanah yang digalas.**
***EAIC Chairman, Dato' A. Aziz, in his speech, urged members of the Commission to imbibe the contents of the affirmation in discharging the responsibilities that they carry.***

## LAWATAN

Pada tahun 2019, EAIC telah mengadakan satu lawatan ke agensi luar dan satu lawatan kerja ke agensi awam selaras dengan matlamat menjalinkan kerjasama pengukuhan integriti penguat kuasa dan perkhidmatan awam.

## *VISITS*

*In 2019, the EAIC conducted a visit to an external agency and a working visit to a public agency, in line with objectives to forge ties of mutual cooperation in consolidating the integrity of enforcement and the civil service.*

**i. Lawatan ke Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)**
***i. Visit to the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC)***



**8 April 2019 – Lawatan ke Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)**
***8 April 2019 – Visit to the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC)***

**ii. Lawatan ke FINAS**
***ii. Visit to FINAS***





**30 Mei 2019 - Lawatan ke FINAS**
***30 May 2019 – Visit to FINAS***

# PEMERKASAAN EAIC KEPADA IPCMC

THE EMPOWERMENT OF THE EAIC AS THE IPCMC

# PEMERKASAAN EAIC KEPADA IPCMC
## THE EMPOWERMENT OF THE EAIC AS THE IPCMC

Jawatankuasa Pembaharuan Istitusi (IRC) yang telah ditubuhkan oleh Kerajaan pada 15 Mei 2018 telah menggariskan beberapa syor penambahbaikan kepada Kerajaan yang melibatkan penubuhan Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis (IPCMC) sebagai satu badan bebas dan di luar kerangka struktur organisasi Polis DiRaja Malaysia (PDRM). Di dalam laporannya, IRC telah mencadangkan agar Kerajaan menerima pakai Rang Undang-Undang (RUU) IPCMC yang telah dicadangkan Suruhanjaya Penambahbaikan Perjalanan dan Pengurusan Polis DiRaja Malaysia pada tahun 2004.

*The Institution Reform Committee (IRC) established by the Government on 15 May 2018 outlined several recommendations for improvement to the Government that involved the establishment of an Independent Police Complaints and Misconduct Commission (IPCMC) as a independent body outside the organisational framework of the Royal Malaysia Police. In its report, the IRC recommended that the Government adopt the IPCMC Bill proposed by the Royal Commission to Enhance the Operation and Management of the Royal Malaysia Police in 2004.*

Rentetan itu, pada 21 September 2018, Kerajaan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR) dan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 19 Oktober 2018 telah memutuskan supaya EAIC diperkasakan sebagai Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis (IPCMC) yang mana IPCMC akan bertindak sebagai sebuah badan pemantau PDRM yang lebih holistik. Selain itu, Kerajaan memutuskan supaya suatu Akta baharu digubal bagi menggantikan Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [*Akta 700*] dan tindakan sewajarnya diambil dengan membuat pindaan terhadap akta-akta lain dan peraturan-peraturan yang berkaitan.

*Consequently, on 21 September 2018, the Government through the Special Cabinet Committee Meeting on Anti-Corruption and the Cabinet Meeting on 19 October 2018 decided that tEAIC be empowered as an Independent Police Complaints and Misconduct Commission, which will act as a more holistic monitoring body of the Royal Malaysia Police. In addition, the Government decided that a new Act be established to replace the Enforcement Agency Integrity Commission Act [Act 700] and that proper action be taken by making amendments to the other relevant statutes and regulations.*

Selaras dengan pemerkasaan EAIC sebagai IPCMC tersebut, RUU IPCMC telah digubal bagi menggantikan Akta 700 dan IPCMC hanya mengawal selia aduan salah laku terhadap anggota PDRM sahaja. Berikutan itu, gerak kerja penggubalan RUU IPCMC yang telah bermula sejak tahun 2018 telah diteruskan pada tahun 2019.

*In line with the empowerment of EAIC as the IPCMC, the IPCMC Bill was drafted to replace Act 700 wherein IPCMC will only regulate complaints of misconduct against the Royal Malaysia Police force. Subsequently, the task force for the drafting of the IPCMC Bill, which commenced in 2018 was continued in 2019.*

## KRONOLOGI PENUBUHAN IPCMC
## *CHRONOLOGY OF THE ESTABLISHMENT OF THE IPCMC*

| TARIKH<br>*DATE* | PERKARA<br>*ITEM* |
|---|---|
| 2 Januari 2019<br>*2 January 2019* | Taklimat mengenai Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis (IPCMC) bersama Pesuruhjaya Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC).<br>*Briefing with the Commissioner of the Enforcement Agency Integrity Commission (EAIC) regarding the Independent Police Complaints and Misconduct Commission (IPCMC) Bill.* |
| 9 Januari 2019<br>*9 January 2019* | Perbincangan bersama YBhg. Tan Sri Abu Kassim, Ketua Pengarah, Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) mengenai dasar/hala tuju IPCMC sebagai Suruhanjaya yang menjalankan kawalan tatatertib ke atas Polis DiRaja Malaysia (PDRM).<br>*A discussion was held with Tan Sri Abu Kassim, Director General of the Governance, Integrity and Anti-Corruption Centre (GIACC) regarding the policy/direction of the IPCMC as a Commission conducting disciplinary control over the Royal Malaysia Police.* |
| 11 Januari 2019<br>*11 January 2019* | Perbincangan bersama Peguam Negara, GIACC, Majlis Peguam di Jabatan Peguam Negara (AGC) mengenai dasar/hala tuju IPCMC untuk menjalankan kawalan tatatertib terhadap anggota PDRM di bawah proviso Perkara 140(1) Perlembagaan Persekutuan (PP).<br>*A discussion was held with the Attorney General, GIACC and the Bar Council at the Attorney General's Chambers regarding the policy/direction of IPCMC in implementing disciplinary control over members of the Royal Malaysia Police under the proviso to Article 140(1) of the Federal Constitution.* |
| 14 Januari 2019<br>*14 January 2019* | Perbincangan bersama Penasihat Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (JPM) mengenai dasar/hala tuju IPCMC untuk menjalankan kawalan tatatertib terhadap anggota PDRM di bawah proviso Perkara 140(1) PP.<br>*A discussion was held with the Legal Advisor of the Prime Minister's Department regarding the policy/direction of the IPCMC in implementing disciplinary control over members of the Royal Malaysia Police under the proviso to Article 140(1) of the Federal Constitution.* |
| 17 Januari 2019<br>*17 January 2019* | EAIC telah menghantar satu pandangan undang-undang mengenai dasar/hala tuju IPCMC untuk menjalankan kawalan tatatertib terhadap anggota PDRM di bawah proviso Perkara 140(1) PP.<br>*EAIC put forward a legal opinion regarding the policy/direction of the IPCMC in implementing disciplinary control over members of the Royal Malaysia Police under the proviso to Article 140(1) of the Federal Constitution.* |
| 12 Februari 2019<br>*12 February 2019* | EAIC menerima Pandangan Undang-undang daripada AGC berhubung dengan kuasa IPCMC untuk menjalankan kawalan tatatertib terhadap anggota PDRM.<br>AGC dalam pandangannya menyatakan bahawa IPCMC boleh mempunyai kuasa kawalan tatatertib ke atas anggota PDRM berdasarkan proviso Perkara 140(1) PP.<br>*EAIC received a Legal Opinion from the Attorney General's Chambers regarding the powers of the IPCMC in implementing disciplinary control over members of the Royal Malaysia Police.*<br>*The Attorney General's Chambers in its opinion stated that the IPCMC could have disciplinary control powers over members of the Royal Malaysia Police based on the proviso to Article 140(1) of the Federal Constitution.* |
| 15 Mac 2019<br>*15 March 2019* | Sesi perbincangan bersama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) berhubung cadangan penubuhan IPCMC.<br>*A discussion with the Public Service Department regarding the proposal of the establishment of the IPCMC.* |
| 29 April 2019<br>*29 April 2019* | Perbincangan berhubung dengan penubuhan IPCMC telah diadakan dan dianjurkan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN). Perbincangan tersebut juga turut dihadiri oleh wakil EAIC, wakil GIACC serta wakil PDRM.<br>*A discussion regarding the establishment of the IPCMC was organised by the Ministry of Home Affairs. It was attended by representatives from EAIC, GIACC and the Royal Malaysia Police.* |

| **TARIKH**<br>***DATE*** | **PERKARA**<br>***ITEM*** |
| --- | --- |
| 10 Mei 2019<br>*10 May 2019* | Sesi Libat Urus berhubung dengan Cadangan Rang Undang-undang Penubuhan IPCMC telah diadakan bersama Persatuan-persatuan Polis. Sesi tersebut telah dipengerusikan oleh Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed, Ketua Pengarah GIACC dan dihadiri oleh Ketua Polis Negara, pegawai-pegawai kanan Polis, wakil Persatuan Polis, wakil EAIC dan KDN.<br>*An Engagement Session on the Proposed IPCMC Bill was held with Police Associations. The session was chaired by Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed, Director General of the GIACC and attended by the Inspector General of Police, senior police officers, as well as representatives of Police Associations, EAIC and the Ministry of Home Affairs.* |
| 23 Mei 2019<br>*23 May 2019* | Draf Rang Undang-undang IPCMC telah dikemukakan oleh pihak EAIC kepada GIACC<br>*The Draft IPCMC Bill was presented by EAIC to the GIACC.* |
| 28 Mei 2019<br>*28 May 2019* | Taklimat kepada Kaukus Reformasi dan Tadbir Urus di Parlimen mengenai penubuhan IPCMC.<br>Taklimat tersebut dipengerusikan oleh YB Port Dickson, Dato' Seri Anwar Ibrahim. Wakil pihak GIACC dan EAIC yang hadir ialah Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed, Datuk Dr. Anis Yusal Yusoff, Encik Mohamad Onn bin Abd Aziz dan Encik Noor Rosidi bin Abdul Latif.<br>*Briefing for the Reformation and Government Caucus in Parliament regarding the establishment of IPCMC.*<br>*The briefing was chaired by Port Dickson MP, Dato' Seri Anwar Ibrahim. Representatives of the GIACC and EAIC present included Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed, Datuk Dr Anis Yusal Yusoff, Mr Mohamad Onn bin Abd Aziz and Mr Noor Rosidi bin Abdul Latif.* |
| 28 Mei 2019<br>*28 May 2019* | Sesi taklimat bersama GIACC mengenai MJM berkaitan dengan pengambilalihan fungsi kawalan tatatertib di bawah proviso Perkara 140(1) PP dengan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang), YB Liew Vui Keong.<br>*A briefing session with the GIACC on the Cabinet Ministers' Memorandum concerning the transfer of disciplinary control under the proviso to Article 140(1) of the Federal Constitution was held with the Minister in the Prime Minister's Department (Legal), MP Liew Vui Keong.* |
| 24 – 27 Jun 2019<br>*24 – 27 June 2019* | Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal RUU IPCMC di GIACC.<br>Pihak-pihak yang turut serta dalam mesyuarat tersebut adalah wakil daripada KDN, PDRM dan EAIC.<br>*A meeting of the IPCMC Technical Committee was held at the GIACC.*<br>*Parties involved in the meeting included representatives of the Ministry of Home Affairs, the Royal Malaysia Police and EAIC.* |
| 26 Jun 2019<br>*26 June 2019* | Jemaah Menteri telah bersetuju agar Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) melaksanakan fungsi sebagai Pihak Berkuasa Tatatertib bagi semua anggota pasukan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan menjalankan kawalan tatatertib bagi semua jenis aduan salah laku dan pelanggaran tatatertib oleh anggota pasukan PDRM.<br>*The Cabinet agreed to the IPCMC to function as the Disciplinary Authority for all members of the Royal Malaysia Police and for it to exercise disciplinary control over all types of misconduct and disciplinary violations by members of the Royal Malaysia Police.* |
| 30 Jun 2019<br>*30 June 2019* | Taklimat RUU IPCMC dalam Sesi *Law Reform AgendaFor Malaysia 2.0* kepada ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara oleh Tan Sri Abu Kassim di BHEUU.<br>*A briefing on the IPCMC Bill was given during the Law Reform Agenda for Malaysia 2.0 Session for members of Parliament and the Senate by Tan Sri Abu Kassim at the Legal Affairs Division.* |
| 4 Julai 2019<br>*4 July 2019* | Perbincangan dengan PUU JPM mengenai draf RUU IPCMC.<br>*A discussion was held with the Legal Advisor of the Prime Minister's Department on the draft IPCMC Bill.* |
| 4 hingga 17 Julai 2019<br>*4 to 17 July 2019* | Penggubalan draf RUU IPCMC bersama Bahagian Gubalan, AGC.<br>*Drafting of the IPCMC Bill with the Drafting Division of the Attorney General's Chambers.* |

| TARIKH<br>*DATE* | PERKARA<br>*ITEM* |
| --- | --- |
| 9 Julai 2019<br>*9 July 2019* | Taklimat mengenai Memorandum Jemaah Menteri (MJM) RUU IPCMC dengan pihak-pihak berkepentingan di GIACC, dipengerusikan oleh Tan Sri Abu Kassim.<br>Pihak-pihak yang turut serta dalam memberikan ulasan sewaktu sesi taklimat tersebut adalah PDRM, KDN, Kementerian Kewangan dan JPA.<br>*Briefing on the Cabinet Ministers' Memorandum on IPCMC Bill with stakeholders at the GIACC, chaired by Tan Sri Abu Kassim.*<br>*Parties who put forward their comments during the briefing session included the Royal Malaysia Police, the Ministry of Home Affairs, the Ministry of Finance and the Public Service Department.* |
| 11 Julai 2019<br>*11 July 2019* | Taklimat berkenaan RUU IPCMC bersama Majlis Peguam Malaysia. Taklimat tersebut turut dihadiri oleh wakil daripada JPM, PDRM dan EAIC.<br>*A briefing on the IPCMC Bill was held with the Bar Council of Malaysia. It was also attended by representatives from the Prime Minister's Department, the Royal Malaysian Police and EAIC.* |
| 12 Julai 2019<br>*12 July 2019* | Mesyuarat Jemaah Menteri telah memutuskan agar RUU IPCMC 2019 dibentangkan untuk bacaan pertama di Mesyuarat Kedua, Penggal Kedua, Parlimen Ke-14 di Dewan Rakyat, manakala bacaan kedua dan ketiga pada Mesyuarat Ketiga bagi Dewan Rakyat bermula bulan Oktober 2019.<br>*The Cabinet Meeting resolved that the IPCMC Bill 2019 would be tabled for the first reading at the Second Meeting, Second Term of the 14$^{th}$ Parliament in the Dewan Rakyat, with the second and third readings to be held at the Third Meeting of the Dewan beginning in October 2019.* |
| 18 Julai 2019<br>*18 July 2019* | Bacaan kali pertama RUU IPCMC 2019 oleh Menteri, YB Liew Vui Keong di Dewan Rakyat sewaktu Mesyuarat Kedua, Penggal Kedua, Parlimen Ke-14.<br>Bacaan kedua dan ketiga dijangka akan dibuat sewaktu Mesyuarat Ketiga Dewan Rakyat bermula bulan Oktober 2019.<br>*The first reading of the IPCMC Bill 2019 by the Minister, Liew Vui Keong, in the Dewan Rakyat during the Second Meeting, Second Term of the 14$^{th}$ Parliament.*<br>*The second and third readings are expected to be conducted during the Third Meeting of the Dewan Rakyat in October 2019.* |
| 6 Ogos 2019<br>*6 August 2019* | Sesi Penerangan dan Perbincangan RUU IPCMC 2019 bersama YB Menteri, Datuk Liew Vui Keong di BHEUU,JPM.<br>Sewaktu sesi ini, wakil EAIC telah memberikan penerangan mengenai RUU IPCMC.<br>Ahli-ahli mesyuarat lain yang turut hadir termasuk ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara (YB Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, YB Maria Chin Abdullah, YB Tuan Ma'mun bin Sulaiman, YB Kashturi Patto, YB Senator Alan Ling Sue Kiong), Majlis Peguam dan badan-badan bukan kerajaan seperti SUARAM, INSAP, Lawyers for Liberty, AICHR, MCCHR, Human Rights Watch dan lain-lain lagi.<br>*An explanation and Discussion Session regarding the IPCMC Bill 2019 with the Minister, Datuk Liew Vui Keong, at the Legal Affairs Division, Prime Minister's Department.*<br>*During the session, EAIC representative provided an explanation about the IPCMC Bill.*<br>*Other attendees of the meeting included members of the Dewan Rakyat and Dewan Negara (Dato' Sri Dr Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Maria Chin Abdullah, Tuan Ma'mun bin Sulaiman, Kashturi Patto, Senator Alan Ling Sue Kiong), the Bar Council and non-governmental bodies such as SUARAM, INSAP, Lawyers for Liberty, AICHR, MCCHR, Human Rights Watch and others.* |
| 13 Ogos 2019<br>*13 August 2019* | Perbincangan antara GIACC dan wakil EAIC yang dipengerusikan oleh Datuk Dr. Anis Yusal bin Yusoff berkenaan:<br>• Penyelarasan penyediaan maklum balas terhadap isu-isu yang telah dibangkitkan semasa Sesi Penerangan dan Perbincangan RUU IPCMC 2019 bersama YB Menteri pada 6 Ogos 2019.<br>• Penyelarasan Sesi Libat Urus dan Lawatan EAIC ke IPD/Lokap/Kuarters PDRM.<br>*A discussion was held between the GIACC and representatives of EAIC, chaired by Datuk Dr Anis Yusal bin Yusoff regarding:*<br>• *The coordination of preparation towards feedback on issues arising during the IPCMC Bill 2019 Explanation and Discussion Session with the Minister on 6 August 2019.*<br>• *The coordination of EAIC Engagement Session and Visit to the Royal Malaysia Police District Headquarters/Lock-ups/Quarters.* |

| TARIKH<br>*DATE* | PERKARA<br>*ITEM* |
|---|---|
| 15 Ogos 2019<br>*15 August 2019* | Sesi Penerangan dan Perbincangan RUU IPCMC 2019 bersama YB Menteri, Datuk Liew Vui Keong di JPM.<br>Sewaktu sesi ini, wakil EAIC telah memberikan penerangan mengenai RUU IPCMC.<br>Ahli-ahli mesyuarat lain yang turut hadir termasuk ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara (YB Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin, YB Tuan Sivarasa Rasiah, YB Sen. Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff), Pertubuhan Undang-undang Sabah (SLS), Pertubuhan Peguambela Sarawak, Tuan Edmund Bon, Professor Datuk Dr Denison Jayasooria, Pertubuhan Pertolongan Wanita, The Centre to Combat Corruption and Cronyism (C4 Centre), Parti Sosialis Malaysia, TENAGANITA.<br>*An IPCMC Bill 2019 Explanation and Discussion Session was held with the Minister, Datuk Liew Vui Keong, at the Prime Minister's Department.*<br>*During the session, EAIC representative provided an explanation about the IPCMC Bill.*<br>*Other attendees of the meeting included members of the Dewan Rakyat and Dewan Negara (Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin, Tuan Sivarasa Rasiah, Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff), the Sabah Law Society, the Association of Advocates in Sarawak, Tuan Edmund Bon, Professor Datuk Dr Denison Jayasooria, the Women's Aid Organisation, the Centre to Combat Corruption and Cronyism (C4 Centre), the Socialist Party of Malaysia and TENAGANITA.* |
| 30 Ogos 2019<br>*30 August 2019* | Sesi Libat Urus dan Penerangan RUU IPCMC 2019 Bersama Ketua Pengarang Media / Editorial di Institut Integriti Malaysia. Penerangan telah diberikan oleh Tan Sri Abu Kassim dan Encik Mohamad Onn bin Abd Aziz.<br>*An engagement and Explanation Session regarding the IPCMC Bill 2019 with Media/ Editorial Chief Editors at the Malaysian Institute of Integrity. The briefing was conducted by Tan Sri Abu Kassim and Mr Mohamad Onn bin Abd Aziz.* |
| 5 September 2019<br>*5 September 2019* | Sesi Penerangan dan Perbincangan RUU IPCMC 2019 bersama YB Menteri, Datuk Liew Vui Keong di BHEUU. Sesi penerangan ini turut disertai oleh pegawai kepimpinan tertinggi PDRM.<br>Delegasi daripada PDRM diketuai oleh YDH Dato' Pahlawan Mazlan Bin Mansor, Timbalan Ketua Polis Negara bersama wakil-wakil Barisan Kepimpinan Tertinggi PDRM, Presiden Persatuan Polis, wakil Persatuan Pegawai-Pegawai Kanan Polis Bersara Malaysia (RESPA).<br>*An explanation and Discussion Session regarding the IPCMC Bill 2019 with Datuk Liew Vui Keong at the Legal Affairs Division. The session was also attended by the upper leadership of the Royal Malaysia Police.*<br>*A delegation from the Royal Malaysia Police headed by Dato' Pahlawan Mazlan bin Mansor, Deputy Inspector General of Police together with representatives of the Upper Leadership of the Royal Malaysia Police, President of the Police Association as well as representatives of the Retired Senior Police Officer Association (RESPA).* |
| 11 September 2019<br>*11 September 2019* | Sesi Konsultasi Mengenai RUU IPCMC Zon Selatan di IPK Johor. Sesi konsultasi ini telah dihadiri oleh anggota dan pegawai dari Kontinjen Johor dan Negeri Sembilan.<br>*A Consultation Session regarding the IPCMC Bill was held for the Southern Zone at the Johor Contingent Police Headquarters. It was attended by staff and officers from the Johor and Negeri Sembilan Contingents.* |
| 19 September 2019<br>*19 September 2019* | Sesi *Townhall* Berkenaan Cadangan Pindaan Kepada RUU IPCMC 2019 bersama YB Menteri, Datuk Liew Vui Keong di BHEUU.<br>Sesi ini telah dihadiri oleh wakil-wakil daripada Majlis Peguam Malaysia, NGO, CSO dan wakil ahli-ahli Parlimen.<br>*A Townhall Session on the Proposed Amendments to the IPCMC Bill 2019 was held with the Minister, Datuk Liew Vui Keong, at the Legal Affairs Division.*<br>*The session was attended by representatives of the Bar Council, NGOs, CSOs and members of Parliament.* |
| 20 September 2019<br>*20 September 2019* | Sesi Konsultasi Mengenai RUU IPCMC Zon Tengah di Maktab Polis DiRaja Malaysia, Cheras. Sesi konsultasi ini telah dihadiri oleh anggota dan pegawai dari Kontinjen Selangor, Kuala Lumpur dan Melaka.<br>*A Consultation Session regarding the IPCMC Bill was held for the Central Zone at the Royal Malaysian Police College in Cheras. It was attended by staff and officers from the Selangor, Kuala Lumpur and Melaka Contingents.* |
| 1 Oktober 2019<br>*1 October 2019* | Perbincangan mengenai pindaan RUU IPCMC bersama GIACC dan Pejabat Menteri di Jabatan Perdana Menteri.<br>*A discussion regarding the amendments to the IPCMC Bill was held with the GIACC and the Office of the Minister in the Prime Minister's Department.* |

| TARIKH<br>*DATE* | PERKARA<br>*ITEM* |
|---|---|
| 2 Oktober 2019<br>*2 October 2019* | Penyediaan pindaan RUU IPCMC di Bahagian Gubalan, AGC.<br>*Preparation of amendments to the IPCMC Bill at the Drafting Division of the Attorney General's Chambers.* |
| 6 Oktober 2019<br>*6 October 2019* | Sesi *Law Reform* Bersama Ahli Parlimen Malaysia 2019 di The Saujana Hotel, Subang Jaya.<br>Pembentangan RUU IPCMC telah dibuat oleh Encik Mohamad Onn bin Abd Aziz.<br>*A Law Reform Session was held with Members of Parliament 2019 at the Saujana Hotel, Subang Jaya.*<br>*Mr Mohamad Onn bin Abd Aziz presented the IPCMC Bill.* |
| 7 Oktober 2019<br>*7 October 2019* | RUU IPCMC telah dibacakan untuk kali yang kedua di Dewan Rakyat oleh Menteri, YB Liew Vui Keong dan telah dibahaskan di peringkat dasar oleh ahli-ahli Yang Berhormat.<br>Walau bagaimanapun, selepas perbahasan tamat, YB Menteri telah mengusulkan RUU IPCMC ini dirujuk kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-Undang di bawah Peraturan Mesyuarat 54(2), Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat dan telah dipersetujui oleh ahli-ahli Dewan.<br>*The IPCMC Bill was read for the second time in the Dewan Rakyat by the Minister, Liew Vui Keong, and was debated at policy level by Members of Parliament.*<br>*However, at the end of the debate, the Minister proposed that the IPCMC Bill be referred to the Consideration of Bills Select Committee in accordance with Regulation 54(2) of the Dewan Rakyat Meeting Regulations and this was agreed upon by members of the Dewan.* |
| 10 Oktober 2019<br>*10 October 2019* | Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-Undang Bil.1<br>Ahli-ahli jawatankuasa yang terlibat adalah seperti yang berikut:<br>(i) YB Ramkarpal Singh (Pengerusi) (Ahli Parlimen Bukit Gelugor);<br>(ii) YB Rusnah binti Aluai (Ahli Parlimen Tangga Batu);<br>(iii) YB Su Keong Siong (Ahli Parlimen Kampar);<br>(iv) YB Larry Soon@ Larry Sing Wei Shien (Ahli Parlimen Julau);<br>(v) YB Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau (Ahli Parlimen Tuaran);<br>(vi) YB Dato' Sri Azalina Othman Said (Ahli Parlimen Pengerang); dan<br>(vii) YB Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (Ahli Parlimen Santubong).<br><br>Mesyuarat tersebut turut disertai oleh wakil-wakil tetap (*ex-officio*) daripada kementerian/agensi seperti KDN, GIACC, JPM (Pejabat Penasihat Undang-undang), BHEUU, AGC, EAIC untuk memberikan pandangan dan ulasan.<br>*Meeting of the Consideration of Bills Select Committee to No. 1.*<br>*The Members of the Committee involved are as follows:*<br>*(i) Ramkarpal Singh (Chairman) (MP for Bukit Gelugor);*<br>*(ii) Rusnah binti Aluai (MP for Tangga Batu);*<br>*(iii) Su Keong Siong (MP for Kampar);*<br>*(iv) Larry Soon@ Larry Sing Wei Shien (MP for Julau);*<br>*(v) Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau (MP for Tuaran);*<br>*(vi) Dato' Sri Azalina Othman Said (MP for Pengerang); and*<br>*(vii) Dato' Sri Dr Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (MP for Santubong).*<br><br>*The meeting was also attended by ex-officio representatives of ministries/agencies such as the Ministry of Home Affairs, GIACC, the Prime Minister's Department (Legal Advisor's Office), the Legal Affairs Division, the Attorney General's Chambers and EAIC in order to give their views and comments.* |
| 14 Oktober 2019<br>*14 October 2019* | Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-Undang Bil.2<br>*Consideration of Bills Select Committee Meeting No. 2* |
| 15 Oktober 2019<br>*15 October 2019* | Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-Undang Bil.3<br>*Consideration of Bills Select Committee Meeting No. 3* |
| 23 Oktober 2019<br>*23 October 2019* | Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-Undang Bil.4<br>*Consideration of Bills Select Committee Meeting No. 4* |
| 26 Oktober 2019<br>*26 October 2019* | Sesi Pendengaran Awam Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang RUU IPCMC di Bangunan Lama Dewan Undangan Negeri (DUN), Petra Jaya, Kuching, Sarawak.<br>*Public Hearing Session of the Consideration of Bills Select Committee for the IPCMC Bill held at the Bangunan Lama Dewan Undangan Negeri, Petra Jaya, Kuching, Sarawak.* |

| TARIKH<br>*DATE* | PERKARA<br>*ITEM* |
|---|---|
| 30 Oktober 2019<br>*30 October 2019* | Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-Undang Bil.5<br>*Consideration of Bills Select Committee Meeting No. 5* |
| 2 November 2019<br>*2 November 2019* | Sesi Pendengaran Awam Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang RUU IPCMC di Bangunan Persekutuan, Pulau Pinang.<br>*Public Hearing Session of the Consideration of Bills Select Committee for the IPCMC Bill held at the Bangunan Persekutuan, Penang.* |
| 8 November 2019<br>*8 November 2019* | Sesi Pendengaran Awam Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang RUU IPCMC di Dewan Negeri, Bangunan Sultan Ismail, Kota Iskandar, Iskandar Puteri, Johor Darul Takzim.<br>*Public Hearing Session of the Consideration of Bills Select Committee on the IPCMC Bill held at the Dewan Negeri, Bangunan Sultan Ismail, Kota Iskandar, Iskandar Puteri, Johor Darul Takzim.* |
| 10 November 2019<br>*10 November 2019* | Sesi Pendengaran Awam Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang RUU IPCMC di Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Kota Kinabalu, Sabah.<br>*Public Hearing Session of the Consideration of Bills Select Committee on the IPCMC Bill held at the Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Kota Kinabalu, Sabah.* |
| 12 November 2019<br>*12 November 2019* | Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-Undang Bil.6<br>*Consideration of Bills Select Committee Meeting No. 6* |
| 16 November 2019<br>*16 November 2019* | Sesi Pendengaran Awam Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang RUU IPCMC di Wisma Darul Iman, Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman.<br>*Public Hearing Session of the Consideration of Bills Select Committee on the IPCMC Bill held at Wisma Darul Iman, Kuala Terengganu, Terengganu Darul Iman.* |
| 21 November 2019<br>*21 November 2019* | Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-Undang Bil.7.<br>Ahli-ahli Jawatankuasa membincangkan dapatan dan syor-syor Jawatankuasa.<br>*Consideration of Bills Select Committee Meeting No. 7.*<br>*Members of Committee discussed the findings and recommendations of the Committee.* |
| 25 November 2019<br>*25 November 2019* | Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-Undang Bil.8.<br>Ahli-ahli Jawatankuasa membincangkan isu-isu dan memuktamadkan Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas.<br>*Consideration of Bills Select Committee Meeting No. 8.*<br>*Members of the Committee discussed issues and finalised the Report of the Select Committee.* |
| 26 November 2019<br>*26 November 2019* | Mesyuarat Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-Undang Bil.9.<br>Ahli-ahli Jawatankuasa memuktamadkan Laporan Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis (IPCMC) 2019 untuk dibentangkan ke Majlis Dewan Rakyat.<br>*Consideration of Bills Select Committee Meeting No. 9.*<br>*Members of the Committee finalised the Report of the Consideration of Bills Select Committee on the IPCMC Bill 2019.* |
| 3 Disember 2019<br>*3 December 2019* | Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong telah mengusulkan satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 62 untuk menangguhkan bacaan kali kedua dan bacaan kali ketiga RUU IPCMC 2019 pada sesi Mesyuarat yang akan datang.<br>Tuan Yang di-Pertua turut memutuskan Usul oleh Yang Berhormat Bukit Gelugor Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Menimbang Rang Undang-undang turut ditangguhkan ke Mesyuarat yang akan datang kerana ia adalah berkaitan dengan rang undang-undang berkenaan.<br>*Minister in the Prime Minister's Department, Datuk Liew Vui Keong, proposed a motion under Meeting Regulation 62 for the postponement of the second and third readings of the IPCMC Bill 2019 until the next session.*<br>*The Honourable Speaker also resolved that the motion by Bukit Gelugor MP, Chairman of the Consideration of Bills Select Committee, be postponed until the next meeting as it is related to the said bill.* |

Pindaan setakat 31 Disember 2019
*Amendments as of 31 December 2019*

# TADBIR URUS KORPORAT

CORPORATE GOVERNANCE

# TADBIR URUS KORPORAT
# CORPORATE GOVERNANCE

## Pengukuhan Pentadbiran Dalaman

### Peningkatan Sistem Penyelesaian Aduan dan Pengendalian Siasatan

Sistem Penyelesaian Aduan dan Pengendalian Siasatan merupakan sistem yang dibangunkan secara dalaman *(In-House)* yang akan digunakan bagi menguruskan aduan dan siasatan secara atas talian. Sistem ini sedang menjalani fasa penambahbaikan dan akan melalui proses pengujian pengguna sebelum dimuktamadkan dengan mengambil kira aliran proses kerja baharu selaras dengan pemerkasaan EAIC kepada IPCMC. Sistem ini dijangka akan digunakan sepenuhnya pada tahun 2020.

### Pembangunan Sistem SAGA

Bagi memenuhi kriteria pematuhan perakaunan dan kewangan yang ditetapkan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM), sebuah sistem kewangan yang berintegrasi secara atas talian atau *Standard Accounting System for Government Agencies (SAGA)* sedang dibangunkan dan dijangka mula digunakan pada tahun 2020. Sistem ini dapat membantu Seksyen Kewangan sebagai pengguna utama dalam mengurus dan menjalankan pemprosesan perakaunan dan kewangan dengan lebih bersistematik dan tepat secara atas talian. Pada masa yang sama, EAIC juga mensasarkan untuk memperolehi Sijil Pematuhan SAGA pada tahun 2020 selaras dengan keperluan pematuhan yang dikeluarkan oleh JANM.

### Garis Panduan Tadbir Urus Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) EAIC

Garis Panduan ini diwujudkan untuk memberi panduan mengenai prosedur dan tadbir urus ICT yang diguna pakai oleh Seksyen Teknologi Maklumat

## *Consolidation of Internal Administration*

### *Upgrading of the Complaints Resolution and Investigation Handling System*

*The Complaints Resolution and Investigation Handling System is a system developed internally (in-house) that will be used to deal with complaints and investigations online. The system is currently undergoing an improvement phase and will undergo user-testing before it is finalised, taking into account a new workflow process in line with the empowerment of the EAIC into the IPCMC. This system is expected to be in full use by 2020.*

### *Development of the SAGA System*

*In order to meet accounting and financial compliance criteria stipulated by the Accountant General's Department of Malaysia (AGD), an online integrated financial system or Standard Accounting System for Government Agencies (SAGA) is being developed and is expected to be ready for use in 2020. The system will be capable of assisting the Finance Section as the main user in managing and performing online accounting and financial processing in a more systematic and accurate manner. At the same time, EAIC is also aiming at obtaining the SAGA Compliance Certificate in 2020 in line with compliance requirements issued by the AGD.*

### *EAIC Information and Communications Technology (ICT) Governance Guidelines*

*These guidelines have been established to serve as a guide for ICT procedures and governance adopted by the EAIC Information Technology Section in the*

EAIC dalam menguruskan dan mengendalikan skop ICT yang merangkumi pengendalian dan pemantauan sistem aplikasi dan laman web, perkakasan dan perisian ICT, e-mel, rangkaian serta keselamatan ICT.

*management and handling of ICT scope, which encompasses the operation and monitoring of the applications system and website, ICT hardware and software, e-mail, as well as ICT networks and security.*

### Perkhidmatan MyGovUC

MyGovUC menyalurkan informasi dan hebahan berkenaan perkhidmatan e-mel kepada warga EAIC. Antaranya melalui aktiviti MyGovUC Acculturation dan hebahan e-newsletter bagi sebarang aktiviti dan program yang dianjurkan. Tips berkenaan e-mel MyGovUC juga disalurkan kepada warga EAIC dari semasa ke semasa. Bermula Jun 2018, perkhidmatan MyGovUC menawarkan pakej yang diperluas kepada semua pengguna tanpa perlu dilanggan.

### *MyGovUC Service*

*MyGovUC channels information and announcements concerning the e-mail service to EAIC community, such as the MyGovUC Acculturation activities and e-newsletter announcements for any activities and programmes held. Tips on the MyGovUC e-mail are also channelled to EAIC community from time to time. From June 2018, the MyGovUC service extended its package to all users without the requirement to subscribe.*

## Pembudayaan dan Program Kesedaran IT

## *IT Acculturation and Awareness Programme*

### Hebahan Dasar Keselamatan ICT dan Tip & Tricks ICT

Perkongsian dan hebahan maklumat ICT dilakukan setiap bulan bagi memberi pendedahan dan kesedaran tentang pelbagai aspek teknologi maklumat dan komunikasi seperti Dasar Keselamatan ICT dan Tips & Tricks berbentuk pengoperasian ICT.

### *Announcement of ICT Security Policy and ICT Tips & Tricks*

*The sharing and announcement of ICT information is carried out each month to give exposure and raise awareness of various aspects of information and communication technology, such as the ICT Security Policy and Tips & Tricks in the form of ICT operations.*

### Kursus Pengurusan CCTV

Kursus Pengurusan CCTV telah dianjurkan oleh Seksyen Teknologi Maklumat kepada pegawai-pegawai EAIC iaitu pegawai dari Bahagian Operasi yang menjalankan siasatan dan lawatan ke balai polis serta pegawai dan kakitangan dari Seksyen Keselamatan dan Teknologi Maklumat. Sebanyak 2 sesi kursus secara teori dan praktikal yang dikendalikan oleh pembekal dilantik ini telah dijalankan bagi memberi pengetahuan dan pendedahan ke atas pemeriksaan, pengendalian dan kaedah pemantauan CCTV.

### *CCTV Management Course*

*The Information Technology Section organised a CCTV Management Course for EAIC officials, from the Operations Division who conduct investigations and visits to police stations, as well as officials and staff from the Information Technology and Security Section. Two course sessions involving theory and practical were conducted by the appointed course provider, providing information and exposure to CCTV inspection, handling and surveillance methods.*

## Ceramah Keselamatan ICT

Satu ceramah keselamatan ICT telah dijalankan kepada semua warga EAIC dengan kerjasama penceramah jemputan dari National Cyber Security Agency (NACA), Majlis Keselamatan Negara. Ceramah berbentuk bukan teknikal ini adalah bagi memberi penerangan dan kesedaran tentang aspek keselamatan ICT dengan tugasan harian di pejabat, memberi maklumat dan pemahaman tentang kepentingan menjaga aset ICT dan data/maklumat elektronik serta meningkatkan pemahaman tentang tahap keselamatan ICT kepada warga EAIC.

## *ICT Security Talk*

*A talk on ICT security was organised for all EAIC staff by a guest speaker from the National Cyber Security Agency (NACA), National Security Council. The non-technical talk was held to clarify and raise awareness of ICT security in the context of daily duties in the office, provide information and understanding of the importance of maintaining ICT assets and electronic data/information, as well as increase understanding of ICT security levels amongst EAIC staff.*

## Latihan Pengguna Perkhidmatan MyGovUC

Di bawah aktiviti pembudayaan perkhidmatan MyGovUC, seramai 10 wakil pengguna EAIC telah menjalani Latihan Pengguna dalam Roadshow MyGovUC Zon Tengah yang diadakan di Galeria, Presint 4. Ini adalah sebagai salah satu bentuk hebahan dan pembudayaan ICT oleh Seksyen Teknologi Maklumat EAIC bagi mempromosikan perkhidmatan guna sama ICT yang disediakan oleh pihak MAMPU.

## *MyGovUC Service User Training*

*As part of the MyGovUC service acculturation activities, 10 EAIC user representatives undertook User Training during the Central Zone MyGovUC Roadshow held at the Galleria, Precinct 4, as a form of ICT announcement and acculturation by the EAIC Information Technology Section in order to promote ICT shared services provided by MAMPU.*

## Latihan Train the Trainer Sistem MyMesyuarat

Seramai 3 wakil pengguna EAIC yang dilantik telah menghadiri Latihan Train the Trainer bagi Sistem MyMesyuarat iaitu sistem guna sama yang dibangunkan oleh MAMPU. Sistem ini dijangka akan mula digunakan di EAIC pada tahun 2020 yang berperanan dalam mengendali dan menguruskan mesyuarat-mesyuarat di EAIC secara atas talian. Ini adalah selaras dengan teras strategik ICT dalam Pelan Strategik EAIC iaitu mempertingkat dan mengoptimumkan teknologi terkini dalam penyampaian perkhidmatan ICT.

## *MyMesyuarat System Train the Trainer Session*

*Three EAIC user representatives were selected to attend the Train the Trainer Session for the MyMesyuarat System, which is a shared system developed by MAMPU. EAIC is expected to begin utilisation of this system, which will play a role in handling and managing EAIC meetings online, in 2020. This is in line with the ICT's strategic core in EAIC's Strategic Plan, which is to upgrade and optimise the latest technology in the ICT service delivery.*

# Latihan dan Kompetensi

### Dasar Latihan Sumber Manusia

Memandangkan usaha-usaha pembangunan sumber manusia dalam sektor awam adalah suatu yang penting dalam memperkukuhkan modal insan

# *Training and Competency*

### *Human Resource Training Policy*

*In view of human resource development endeavours in the public sector being an important aspect in the enhancement of the human capital of officials,*

pegawai, EAIC meneruskan pelaksanaan kursus bagi memastikan setiap pegawai dan kakitangannya dilengkapkan dengan sikap, kemahiran dan pengetahuan yang bersesuaian dengan bidang tugas masing-masing secara berterusan.

*EAIC continues to conduct courses to ensure that each official and staff member is complete with the correct attitude, skills and knowledge appropriate to their respective scope of duties on a continuous basis.*

**Senarai Kursus Anjuran Agensi Luar Tahun 2019**

***List of Courses Led by External Agencies in 2019***

| **Bil**<br>***No*** | **Nama Kursus**<br>***Course Name*** | **Tarikh**<br>***Date*** | **Anjuran**<br>***Organised by*** |
|---|---|---|---|
| 1 | Bengkel Kerja Pengemaskinian Data Perjawatan *Human Resources Management Information Systems*<br>*Human Resource Management Information Systems Personnel Data Updating Workshop* | 28.01.2019<br>–<br>30.01.2019<br><br>08.07.2019<br>–<br>11.07.2019 | |
| 2 | Bengkel Penulisan Laporan Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) Peringkat JPM dan Agensi 2019<br>*Prime Minister's Department and Agency Level Value Audit Management System Report Writing Workshop 2019* | 09.04.2019<br>–<br>11.04.2019 | Jabatan Perdana Menteri (JPM)<br>*Prime Minister's Department* |
| 3 | CMS JOOMLA Training<br>*CMS JOOMLA Training* | *Siri 1*<br>03.04.2019<br>–<br>05.04.2019<br><br>*Siri 2*<br>18.04.2019<br>–<br>19.04.2019 | |
| 4 | Bengkel Pengurusan Kewangan Melalui Pelaporan Jawatankuasa Pengurusan Kewagan dan Akaun (JPKA) bagi Pegawai / Kakitangan di bawah Jabatan / Agensi JPM<br>*Financial Management Through Financial Management and Accounts Management Committee Reporting Workshop for Officials/Staff under Prime Minister's Department/Agency* | 22.07.2019 | |
| 5 | Teambuilding Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (ARKAB) JPM Tahun 2019<br>*Prime Minister's Department Public Service Peer Guide Teambuilding 2019* | 31.07.2019<br>–<br>02.08.2019 | Jabatan Perdana Menteri (JPM)<br>*Prime Minister's Department* |
| 6 | Hands-on Training for Bootstrap : HTML and CSS<br>*Hands-on Training for Bootstrap: HTML and CSS* | 31.07.2019<br>–<br>02.08.2019<br><br>&<br><br>05.08.2019 | |
| 7 | Majlis Pelancaran Pelan Antirasuah Nasional (NACP)<br>*Launch of National Anti-Corruption Plan* | 29.01.2019 | Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC)<br>*Governance, Integrity and Anti-Corruption Centre (GIACC)* |
| 8 | Bengkel Training of Trainers (TOT) Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023<br>*National Anti-Corruption Plan 2019-2023 Training of Trainers Workshop* | 24.04.2019<br>–<br>25.04.2019 | |
| 9 | Bengkel Penulisan Contoh Kes Kod Etika Perkhidmatan Awam<br>*Public Service Code of Ethics Case Study Writing Workshop* | 11.02.2019<br>–<br>12.02.2019 | Intitut Tadbir Awam Negara (INTAN) & Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)<br>*National Institute of Public Administration & Public Service Department* |

| Bil<br>*No* | Nama Kursus<br>*Course Name* | Tarikh<br>*Date* | Anjuran<br>*Organised by* |
|---|---|---|---|
| 10 | Seminar Pemanduan Defensif dan Profesionalisme dalam Penugasan<br>*Defensive Driving and Professionalism in Assignments Seminar* | 13.02.2019<br>–<br>14.02.2019 | Institut Pengurusan dan Integriti Melaka (INSPIM)<br>*Management and Integrity Institute Melaka* |
| 11 | Kursus Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan Merujuk Pekeliling Perbendaharaan (1PP) Pindaan 2018<br>*Government Moveable Asset Management Procedure in Reference to Treasury Circular (1PP) Amendment 2018 Procedure Course* | 18.02.2019<br>–<br>19.02.2019 | |
| 12 | Kursus Pengurusan & Pengauditan Forensik: Mengenal Pasti *RED FLAGS FOR FRAUD* Terhadap Penyelewengan di dalam Pengurusan Kewangan<br>*Forensic Management & Auditing: Identifying RED FLAGS FOR FRAUD Against Misappropriation in Financial Management Course* | 03.07.2019<br>–<br>04.07.2019 | |
| 13 | Seminar Perancangan dan Keberhasilan Pengurusan Pelan Strategik Agensi Sektor Awam<br>*Public Sector Agency Strategic Planning for Management Planning and Results Seminar* | 26.08.2019<br>–<br>27.08.2019s | |
| 14 | Kursus Pengurusan Kewangan berdasarkan Kriteria Audit Pematuhan Jabatan Audit Negara<br>*Financial Management based on National Audit Department Compliance Audit Criteria Course* | 25.09.2019<br>–<br>26.09.2019 | |
| 15 | Smart Technical Revolution Laptop Repairing<br>*Smart Technical Revolution Laptop Repairing* | 04.03.2019<br>–<br>07.03.2019 | Touch Media Enterprise<br>*Touch Media Enterprise* |
| 16 | Language Awareness for Communicative Success : Basic Grammar 1/2019<br>*Language Awareness for Communicative Success: Basic Grammar 1/2019* | 05.03.2019<br>–<br>06.03.2019 | Institut Tadbir Awam Negara (INTAN)<br>*National Institute of Public Administration* |
| 17 | Kursus Pengurusan Risiko ICT Siri 1<br>*ICT Risk Management Course Series 1* | 06.03.2019<br>–<br>07.03.2019 | |
| 18 | Forum Menangani Gangguan Seksual & Keganasan Rumah Tangga<br>*Forum on Dealing with Sexual Harassment & Domestic Violence* | 08.03.2019 | Institut Tadbir Awan Negara (INTAN)<br>*National Institute of Public Administration* |
| 19 | Kursus Futures Thinking and Scenario Planning (FTSP) Workshop (Intermediate Level) 2019<br>*Futures Thinking and Scenario Planning (FTSP) Workshop (Intermediate Level) 2019* | 02.04.2019<br>–<br>04.04.2019 | |
| 20 | Kursus Negara Bangsa Bil 3/2019<br>*Negara Bangsa Course No. 3/2019* | 23.04.2019<br>–<br>25.04.2019 | |
| 21 | Kursus Pengurusan Masa<br>*Time Management Course* | 15.05.2019 | |
| 22 | Kursus Masterclass on Civil Service Collaboration Siri 1/2019<br>*Masterclass on Civil Service Collaboration Course Series 1/2019* | 17.06.2019<br>–<br>21.06.2019 | |
| 23 | Kursus Gamifikasi : Etika Kerja 2/2019<br>*Gamification: Work Ethics Course 2/2019* | 18.06.2019<br>–<br>19.06.2019 | |
| 24 | Kursus Perkhidmatan Bil. 4/2019<br>*Service Course No. 4/2019* | 15.07.2019<br>–<br>18.07.2019 | |

| Bil<br>***No*** | Nama Kursus<br>***Course Name*** | Tarikh<br>***Date*** | Anjuran<br>***Organised by*** |
|---|---|---|---|
| 25 | Kursus Kawalan Dokumen Rasmi dan Dokumen Rahsia Rasmi bagi Pembantu Khas dan Kesetiausahaan Pejabat<br>*Control of Official Documents and Official Secrets Documents Course for Special Assistants and Office Secretaries* | 13.03.2019<br>–<br>14.03.2019<br><br>26.06.2019<br>–<br>27.06.2019 | Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO)<br>*Office of the Chief Government Security Officer* |
| 26 | Seminar Kelestarian Integriti dan Majlis Penutupan Pegawai Integriti Bertauliah Siri 21 Bil 1/2019<br>*Integrity Sustainability Seminar and Closing Ceremony for the Accredited Integrity Officer Course Series 21 No. 1/2019* | 02.04.2019 | Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK)<br>*National Anti-Drugs Agency* |
| 27 | Pelancaran Program Yassin4Aqsa<br>*Launch of Yassin4Aqsa Programme* | 04.04.2019 | Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)<br>*Department of Islamic Development Malaysia* |
| 28 | Forum Halatuju PCN MS<br>*PCN MS Direction Forum* | 22.04.2019 | Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)<br>*Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU)* |
| 29 | Program Roadshow MyGovuc Zon Tengah bersama Pengguna MyGovuc<br>*Central Zone MyGovUC Roadshow with MyGovUC Users* | 02.05.2019 | |
| 30 | Simposium Integriti MBPJ – Memperkasa Integriti Penjawat Awam<br>*Petaling Jaya City Council Integrity Symposium – Enhancing Integrity of Civil Servants* | 24.04.2019 | Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ)<br>*Petaling Jaya City Council* |
| 31 | Kursus Pembinaan Munsyi Muda Bahasa Siri 1/2019<br>*Munsyi Muda Language Development Course Series 1/2019* | 01.07.2019<br>–<br>05.07.2019 | Institut Tadbir Awam Negara (INTAN), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) & Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)<br>*National Institute of Public Administration, Dewan Bahasa dan Pustaka & Public Service Department* |
| 32 | Kursus Pemantapan Munsyi Muda Bahasa<br>*Munsyi Muda Language Consolidation Course* | 14.10.2019<br>–<br>15.10.2019 | |
| 33 | Program Mypesara *HR Champions*<br>*Mypesara HR Champions Programme* | 11.09.2019<br>–<br>12.09.2019 | Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)<br>*Public Service Department* |
| 34 | Bengkel Pengurusan Caruman 2019<br>*Contributions Management Workshop 2019* | 18.09.2019 | Kumpulan Wang Persaraan (KWAP)<br>*Employees' Provident Fund* |
| 35 | Program Transformasi Minda<br>*Mind Transformation Programme* | 25.03.2019<br>–<br>29.03.2019<br><br>22.04.2019<br>–<br>26.04.2019 | Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)<br>*Forest Research Institute of Malaysia* |
| 36 | Taklimat Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 3 Tahun 2018 bagi Zon Tengah<br>*Briefing on Accountant General's Circular No. 3 of 2018 for Central Zone* | 04.04.2019 | Institut Perakaunan Negara<br>*National Accounting Institute* |

| Bil<br>*No* | Nama Kursus<br>*Course Name* | Tarikh<br>*Date* | Anjuran<br>*Organised by* |
|---|---|---|---|
| 37 | Forum "Insurance Fraud – Need to Reform the Law to Meet the Current Challenges"<br>*"Insurance Fraud – Need to Reform the Law to Meet the Current Challenges" Forum* | 23.04.2019 | Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP)<br>*Judicial and Legal Training Institute* |
| 38 | Kursus Akta Perlindungan Saksi 2009 & Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010<br>*Witness Protection Act 2009 & Whistleblower Protection Act 2010 Course* | 25.06.2019<br>–<br>26.06.2019 | |
| 39 | Kursus Forensik Audit dan Penyiasatan Digital<br>*Forensic Audit and Digital Investigation Course* | 01.07.2019<br>–<br>03.07.2019 | Universiti Sains Malaysia (USM)<br>*Universiti Sains Malaysia (USM)* |
| 40 | Program Malaysia Psychometrics Symposium 2019<br>*Malaysian Psychometrics Symposium 2019* | 03.07.2019 | Institut Integriti Malaysia (IIM)<br>*Integrity Institute of Malaysia* |
| 41 | Seminar Malaysia's Accession to the United Nations Convention Against Torture & OTR Cruel un Human @ Degrading Treatment or Punishment (UNCAT)<br>*Seminar on Malaysia's Accession to the United Nations Convention Against Torture or Other Cruel, Inhuman and Degrading Treatment or Punishment (UNCAT)* | 08.07.2019 | Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM)<br>*Human Rights Commission (SUHAKAM)* |
| 42 | Persidangan Perlindungan Data Peribadi (Akta 700) bagi Agensi Badan Berkanun Persekutuan<br>*Conference on Personal Data Protection (Act 700) for Federal Statutory Bodies* | 20.08.2019 | Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM)<br>*Ministry of Communication and Multimedia* |
| 43 | Simposium Pegawai Integriti Malaysia 2019 "Peranan Pegawai Integriti ke arah Malaysia Bersih"<br>*Malaysian Integrity Officer Symposium 2019 – "Role of Integrity Officer Towards a Flawless Malaysia"* | 18.09.2019 | Suruhajaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) & Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)<br>*Malaysian Anti-Corruption Commission & Kuala Lumpur City Hall* |
| 44 | Program Bicara Integriti : Brown Bag Session from Top to Bottom<br>*Integrity Talks: Brown Bag Session from Top to Bottom* | 30.09.2019 | Jabatan Peguam Negara (AGC)<br>*Attorney General's Chambers* |
| 45 | 2019 IIA Malaysia National Conference<br>*2019 IIA Malaysia National Conference* | 07.10.2019<br>–<br>08.10.2019 | The Institute of Internal Auditors Malaysia (IIA)<br>*The Institute of Internal Auditors Malaysia (IIA)* |
| 46 | Majlis Perasmian Sambutan Bulan Zakat Kebangsaan 2019dan Ijtima' Penggerak Zakat Kebangsaan 2019<br>*Official Launch of National Zakat Month 2019 and National Convention of Zakat Prime Movers 2019* | 22.10.2019 | Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)<br>*Department of Waqf, Zakat and Hajj* |
| 47 | Kursus Solat untuk Muslimat<br>*Course of Prayers for Ladies* | 29.11.2019 | IBS Excel Training<br>*IBS Excel Training* |

**Senarai Kursus Anjuran Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan Tahun 2019:**
***List of Courses Organised by the Enforcement Agency Integrity Commission in 2019:***

| BIL *NO* | NAMA KURSUS *COURSE NAME* | TARIKH *DATE* |
|---|---|---|
| 1 | Bengkel Videografi dan Pencahayaan<br>*Videography and Lighting Workshop* | 09.01.2019 – 11.01.2019 |
| 2 | Kursus Pengurusan CCTV Siri 1/2019<br>*CCTV Management Course Series 1/-2019* | 14.01.2019 – 15.01.2019 |
| 3 | Kursus Pengurusan CCTV Siri 2/2019<br>*CCTV Management Course Series 2/2019* | 18.01.2019 – 19.01.2019 |
| 4 | Program Percambahan Ilmu berkenaan Tatacara dan Prosedur Tatatertib PDRM oleh Suruhanjaya Pasukan Polis (SPP) JIPS PDRM<br>*Knowledge Propagation Programme of the Royal Malaysia Police Disciplinary Procedures by the Police Commission JIPS* | 26.02.2019 – 27.02.2019 |
| 5 | Kursus Penulisan Artikel / Rencana Kreatif<br>*Creative Article Writing Course* | 21.03.2019 – 22.03.2019 |
| 6 | Taklimat Pencegahan Kebakaran<br>*Fire Prevention Briefing* | 05.04.2019 |
| 7 | Kursus Asas Siasatan Siri 1/2019<br>*Basics of Investigation Course Series 1/2019* | 16.04.2019 – 18.04.2019 |
| 8 | Bengkel Penyediaan Kertas Memorandum Jemaah Menteri (MJM)<br>*Workshop on Preparation of Cabinet Memorandum Papers* | 13.05.2019 |
| 9 | Majlis Ilmu (Slot Ramadhan) : *Andai ini Ramadhan Terakhirku*<br>*Educational Programme (Ramadhan Slot): If This Were My Last Ramadan* | 16.05.2019 |
| 10 | Ceramah Keselamatan ICT (Bukan Teknikal)<br>*ICT Security Talk (Non-Technical)* | 26.06.2019 |
| 11 | Taklimat Penggunaan Lexis Nexis Siri 1<br>*Briefing on the Use of Lexis Nexis Series 1* | 02.07.2019 |
| 12 | Taklimat Penggunaan Lexis Nexis Siri 2<br>*Briefing on the Use of Lexis Nexis Series 2* | 11.07.2019 |
| 13 | Refresher Course : Tata Kelakuan dan Larangan EAIC siri 1/2019<br>*Refresher Course : EAIC Code of Conduct and Prohibitions Series 1/2019* | 01.08.2019 |
| 14 | Refresher Course : Tata Kelakuan dan Larangan EAIC siri 2/2019<br>*Refresher Course : EAIC Code of Conduct and Prohibitions Series 2/2019* | 23.08.2019 |
| 15 | Kursus Pengurusan Perolehan Kerajaan<br>*Government Procurement Management Course* | 27.08.2019 |
| 16 | Taklimat Pengurusan Harta Islam (Wasiat, Hibah Dan Permasalahan Pembahagian Harta Pusaka), Program Mycuepacscare Dan Program Cuepacs Living Care<br>*Briefing on Muslim Wealth Management (Wasiah, Hibah and Division of Wealth), Mycuepacscare Programme and Cuepacs Living Care Programme* | 29.08.2019 |
| 17 | Kursus Pengurusan Tatatertib Siri 1/2019<br>*Discipline Management Course Series 1/2019* | 03.09.2019 – 05.09.2019 |
| 18 | Taklimat Sistem Penilaian Prestasi berhubung dengan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) dan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT)<br>*Briefing on Performance Appraisal System in connection with Annual Job Targets and Annual Performance Appraisal Report* | 17.09.2019 |
| 19 | Kursus Pengurusan Tatatertib Siri 2/2019<br>*Discipline Management Course Series 2/2019* | 01.10.2019 – 02.10.2019 |

| BIL *NO* | NAMA KURSUS *COURSE NAME* | TARIKH *DATE* |
|---|---|---|
| 20 | Bengkel Perkongsian Ilmu Bersama Wakil Independent Office For Police Conduct (IOPC)<br>*Knowledge Sharing Workshop with Representative of Independent Office for Police Conduct* | 13.11.2019 – 14.11.2019 |
| 21 | Kursus Tips & Tricks Microsoft Office 2013 (Microsoft Word and Powerpoint)<br>*Microsoft Office 2013 (Microsoft Word and Powerpoint) Tips & Tricks Course* | 28.11.2019 |

## Garis Panduan Penyediaan Makanan Dan Minuman Bagi Mesyuarat / Kursus / Taklimat / Bengkel / Seminar Dan Majlis Keraian Rasmi Di Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan

Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan untuk memberi penerangan dan pemahaman berhubung dengan penyediaan makanan dan minuman bagi Mesyuarat / Kursus / Taklimat / Bengkel / Seminar dan Majlis Keraian Rasmi di Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC). Pemakaian garis panduan ini berkuatkuasa 23.5.2019.

## *Guidelines on the Preparation of Food and Beverages for Meetings/Courses/Briefings/ Workshops/Seminars and Official Events at the Enforcement Agency Integrity Commission*

*This circular was issued in order to provide a description and understanding of the preparation of food and beverages for Meetings/Courses/ Briefings/Workshops/Seminars and Official Events at the Enforcement Agency Integrity Commission. These guidelines came into effect on 23 May 2019.*

## Perhimpunan Dwi-Bulanan

Perhimpunan Dwi-Bulanan EAIC merupakan aktiviti yang dirangka setiap dua bulan sekali bertujuan untuk mendapat maklumat terkini mengenai berita semasa, program – program Agensi selain memupuk dan menjalinkan hubungan yang erat di kalangan warga kerja disamping mendengar amanat daripada Pengerusi Suruhanjaya. Pada tahun 2019, Perhimpunan Dwi-Bulanan telah dianjurkan sebanyak tiga kali seperti maklumat berikut:

## *Bi-Monthly Assembly*

*The EAIC Bi-Monthly Assembly is held once every two months for the purpose of obtaining the latest information on current news and Agency programmes, in addition to fostering and building closer links among staff, as well as to listen to messages from the Chairman of the Commission. Three Bi-Monthly Assemblies were held in 2019:*

| Bil *No* | Tarikh *Date* | Penganjur *Organiser* |
|---|---|---|
| 1. | 28 Februari 2019<br>*28 February 2019* | Bahagian Khidmat Pengurusan<br>*Management Services Division* |
| 2. | 12 April 2019<br>*12 April 2019* | Bahagian Komunikasi Korporat,<br>Bahagian Kewangan,<br>Unit Audit Dalam dan Unit Integriti<br>*Corporate Communication Division,*<br>*Finance Division,*<br>*Internal Audit Unit and Integrity Unit* |
| 3. | 19 Jun 2019<br>*19 June 2019* | Bahagian Operasi<br>*Operations Division* |

## Majlis Bersama Jabatan

Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) pada tahun 2019 telah diadakan sebanyak empat kali. Tarikh Mesyuarat adalah seperti berikut:

## *Meetings Between Departments (MBJ)*

*Meetings between departments were held four times in 2019:*

| Bil<br>*No.* | Majlis Bersama Jabatan<br>*Meetings Between Departments* | Tempat<br>*Location* | Tarikh<br>*Date* |
|---|---|---|---|
| 1 | MBJ Bil.1 Tahun 2019<br>*MBJ No. 1 of 2019* | Bilik Mesyuarat Aras 5, Pejabat Suruhanjaya<br>*Level 5 Meeting Room, Commission Office* | 27 Februari 2019<br>*27 February 2019* |
| 2 | MBJ Bil.2 Tahun 2019<br>*MBJ No. 2 of 2019* | | 27 Mei 2019<br>*27 May 2019* |
| 3 | MBJ Bil.3 Tahun 2019<br>*MBJ No. 3 of 2019* | | 6 September 2019<br>*6 September 2019* |
| 4 | MBJ Bil.4 Tahun 2019<br>*MBJ No. 4 of 2019* | | 6 Disember 2019<br>*6 December 2019* |

## Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun 2018 telah diadakan pada 10 April 2019 bertempat di Dewan Serbaguna, Blok Menara, Bangunan Menara Usahawan, Putrajaya. Majlis telah disempurnakan oleh Pengerusi EAIC, YBhg. Dato' A. Aziz bin A.Rahim. Seramai enam orang telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan 12 orang menerima Sijil Penghargaan Perkhidmatan.

## *Service Excellence Award Ceremony*

*The Service Excellence Award Ceremony 2018 was held on 10 April 2019 at the Multipurpose Hall, Tower Block, Menara Usahawan Building, Putrajaya. The ceremony was officially opened by the Chairman of the EAIC, Dato' A. Aziz bin A. Rahim. Six employees received Service Excellence awards while twelve others received Service Recognition certificates.*








## Majlis Sekalung Budi Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan

Majlis Sekalung Budi Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan telah diadakan pada 15 November 2019 bertempat di Ambassador Putrajaya, Persiaran Diplomatik, Putrajaya. Majlis ini merupakan satu pengiktirafan dan tanda penghargaan kepada barisan mantan Pesuruhjaya bagi penggal 2017/2019.

## *Enforcement Agency Integrity Commission Sekalung Budi Ceremony*

*The Enforcement Agency Integrity Commission Sekalung Budi Ceremony was held on 15 November 2019 at the Ambassador Putrajaya, Persiaran Diplomatik, Putrajaya. The ceremony was held in recognition and appreciation of the former Commissioners for the 2017/2019 terms.*









# KELAB KEBAJIKAN DAN REKREASI EAIC

EAIC WELFARE AND RECREATION CLUB

# KELAB KEBAJIKAN DAN REKREASI EAIC
# EAIC WELFARE AND RECREATION CLUB

## Kelulusan Pindaan Perlembagaan

Pada 31 Julai 2019 Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) telah meluluskan permohonan pindaan perlembagaan Kelab Kebajikan dan Rekreasi (KKR) yang melibatkan kenaikan yuran bulanan pada setiap ahli. Bermula bulan September 2019, yuran baru ahli telah dikuatkuasakan dan penambahan faedah keahlian juga turut dikuatkuasakan sejajar dengan cadangan faedah yang dibentangkan di dalam Mesyuarat Agong KKR ke-3.

## *Approval of Amendment to Constitution*

*On 31 July 2019, the Registrar of Societies approved the application to amend the constitution of the Welfare and Recreation Club, which involved an increase in the monthly fee for members. Commencing September 2019, the new membership fees came into effect along with additional membership benefits is in line with the proposed benefits tabled during the 3rd Annual General Meeting of the Club.*

**Kadar yuran bulanan ahli :**
***Membership monthly fees:***

| Gred<br>*Grade* | Kadar (RM)<br>*Rate (RM)* |
|---|---|
| Jusa C<br>*JUSA C* | 30.00 |
| Gred 54<br>*Grade 54* | 25.00 |
| Gred 52<br>*Grade 52* | 20.00 |
| Gred 48<br>*Grade 48* | 15.00 |
| Gred 44<br>*Grade 44* | 12.00 |
| Gred 41<br>*Grade 41* | 10.00 |
| Gred 29-36<br>*Grades 29-36* | 8.00 |
| Gred 11-26<br>*Grades 11-26* | 5.00 |

**Manakala faedah-faedah yang turut dikuatkuasakan adalah seperti berikut:**
***The following benefits came into effect:***

| JENIS SUMBANGAN<br>*TYPE OF BENEFIT* | JUMLAH SUMBANGAN<br>*AMOUNT OF BENEFIT* | SYARAT KELAYAKAN SUMBANGAN<br>*CONDITIONS OF ELIGIBILITY* |
|---|---|---|
| Perkahwinan<br>*Marriage* | RM 100.00 | • Perkahwinan pertama ahli layak menerima sumbangan.<br>• *Member eligible for benefit on occasion of first marriage.* |
| Kelahiran<br>*Birth* | RM 100.00 | • Kelahiran anak ahli layak menerima sumbangan BAGI setiap kelahiran dan mengikut jumlah anak.<br>• *Member eligible for benefit on occasion of birth for each child and according to number of children.* |
| Kemasukan Ke Wad Hospital Kerajaan Atau Swasta<br>*Admission to Government or Private Hospital Ward* | RM 100.00 | • Sumbangan diberikan kepada ahli sahaja.<br>• *Benefit given to member only.* |
| Khairat Kematian<br>*Funeral Benefit* | RM100.00 | • Sumbangan kepada ahli dan ahli keluarga terdekat (pasangan, anak, ibu bapa kandung).<br>• *Benefit for member and immediate family (spouse, children and biological parents).* |
| Hari Lahir<br>*Birthday* | RM10.00 | • Sumbangan diberikan kepada ahli yang menyambut ulang tahun kelahiran pada tahun semasa.<br>• *Benefit given to member celebrating birthday in current year.* |
| Letak Jawatan / Tamat Kontrak / Bersara<br>*Resignation/End of Contract/ Retirement* | RM100.00 | • Sumbangan diberikan kepada ahli yang meletak jawatan / tamat kontrak / bersara.<br>• (Telah berkhidmat sekurang-kurangnya 6 bulan)<br>• *Benefit given to member who resigns/whose contract has ended/who is retiring.*<br>• *Has served at least 6 months* |

## Aktiviti Tahunan Kelab Kebajikan dan Rekreasi EAIC

Pada tahun ini KKR telah mempertingkatkan penganjuran program yang menarik dan lebih kepada aktiviti yang melibatkan penglibatan semua ahli. Program-program ini merangkumi aktiviti sukan, kebajikan dan kerohanian. KKR juga telah berjaya mendapat kerjasama baik daripada beberapa agensi kerajaan bagi bersama-sama membantu menjayakan program dan aktiviti yang telah dirancang.

## *Annual Activities of EAIC Welfare and Recreation Club*

*In 2019, the Welfare and Recreation Club had an increase in the organisation of programmes of interest involving the participation of all members. These programmes included sports, welfare and spiritual activities. The club also established good cooperative ties with several government agencies to mutually assist in the programmes and activities planned.*

**Disenaraikan program dan senarai aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun 2019:**

***List of programmes and activities conducted throughout 2019:***

| Bil<br>*No.* | Tarikh<br>*Date* | Aktiviti/ Program<br>*Activity / Programme* | Lokasi<br>*Location* |
|---|---|---|---|
| 1 | 25 Februari<br>–<br>20 April 2019<br>*25 February*<br>*–*<br>*20 April 2019* | Hari Sukan EAIC 2019<br>*EAIC Sports Day 2019*<br> | EAIC & Sekitar Putrajaya<br>*EAIC & Putrajaya Area* |
| 2 | 20 April 2019<br>*20 April 2019* | Hari Sukan Keluarga EAIC<br>*EAIC Family Sports Day*<br> | Stadium INSPEN<br>*INSPEN Stadium* |

| **Bil**<br>***No.*** | **Tarikh**<br>***Date*** | **Aktiviti/ Program**<br>***Activity / Programme*** | **Lokasi**<br>***Location*** |
|---|---|---|---|
| 3 | 3 Mei 2019<br>*3 May 2019* | Bacaan Yassin & Majlis Potluck Sempena Bulan Ramadhan<br>*Yassin Recital & Potluck in conjunction with Ramadan*<br>  | Aras 11, EAIC<br>*Level 11, EAIC* |
| 4 | 16 Mei 2019<br>*16 May 2019* | Ceramah Slot Ramadhan “Andai Ini Ramadhan Terakhirku”<br>*Ramadan Slot Talk “Andai Ini Ramadhan Terakhirku” (If This Were My Last Ramadan)* | Surau Menara Usahawan<br>*Surau of Menara Usahawan* |
| 5 | 24 Mei 2019<br>*24 May 2019* | Jualan Sampul Raya<br>*Sale of Raya Packets*<br> | EAIC<br>*EAIC* |
| 6 | | Annual General Meeting (AGM) 2019<br>*Annual General Meeting (AGM) 2019*<br> | Aras 11, EAIC<br>*Level 11, EAIC* |

| **Bil** *No.* | **Tarikh** *Date* | **Aktiviti/ Program** ***Activity / Programme*** | **Lokasi** ***Location*** |
|---|---|---|---|
| 7 | | Majlis Berbuka Puasa EAIC bersama Anak-anak Yatim/Asnaf SRA Putra Perdana, Puchong.<br>*EAIC Breaking of Fast with Orphans/Asnaf of SRA Putra Perdana, Puchong*<br><br> | Dewan Serbaguna Menara Usahawan<br>*Multipurpose Hall of Menara Usahawan* |
| 8 | 14 September 2019<br>*14 September 2019* | Program Santai EAIC @ Ulu Yam<br>*EAIC Recreation Programme @ Ulu Yam*<br> <br>  | Ulu Yam Selangor<br>*Ulu Yam, Selangor* |

| Bil<br>*No.* | Tarikh<br>*Date* | Aktiviti/ Program<br>*Activity / Programme* | Lokasi<br>*Location* |
|---|---|---|---|
| 9 | 10 Oktober 2019<br>*10 October 2019* | Sumbangan Kewangan untuk dana Pembinaan Surau SRA Putra Perdana, Puchong<br>*Financial Contribution for the construction of surau of Putra Perdana Islamic Religious Primary School, Puchong*<br> | SRA Putra Perdana, Puchong<br>*Putra Perdana Islamic Religious Primary School, Puchong* |
| 10 | 13 Disember 2019<br>*13 December 2019* | Pertandingan e-Sukan<br>*e-Sports Competition*<br>  | Aras 11, EAIC<br>*Level 11, EAIC* |
| 11 | 19 Disember 2019<br>*19 December 2019* | Program *Back To School* bersama “Pusat Jagaan Anak-Anak Insan Al-Rahmat Hikmah<br>*Back To School Programme with Anak-Anak Insan Al-Rahmat Hikmah Home*<br> <br> | Aras 11 EAIC<br>*Level 11, EAIC* |

## Kejayaan Pasukan e-Sukan Mobile Legends EAIC

Pasukan e-Sukan *Mobile Legends* yang terdiri daripada lima (5) orang iaitu Encik Zulfadli bin Abu Bakar, Encik Muhammad Faizal bin Jaaffar, Encik Abdul Latif bin Abdul Hakim, Encik Mohd Hasrool Helmi bin Hassan dan Encik Mohd Fairoz bin Aris telah menyertai Kejohanan e-Sport (*Mobile Legends*) sempena Hari Terbuka Coopbank Pertama (CBP) Putrajaya.

Kejohanan ini telah diadakan pada 5 Disember 2019 dan telah disertai oleh pelbagai agensi kerajaan/badan berkanun di sekitar Putrajaya. Di dalam pertandingan tersebut Pasukan e-Sukan *Mobile Legends* EAIC telah dinobatkan sebagai Naib Juara dan telah memenangi sebuah piala, wang tunai, hamper dan sijil penghargaan.

## *The Success of the EAIC Mobile Legends e-Sports Team*

*The Mobile Legends e-Sports Team comprised of five members, being Zulfadli bin Abu Bakar, Muhammad Faizal bin Jaaffar, Abdul Latif bin Abdul Hakim, Mohd Hasrool Helmi bin Hassan and Mohd Fairoz bin Aris participated in the e-Sports (Mobile Legends) Championships held in conjunction with Coopbank Pertama (CBP) Open Day in Putrajaya.*

*The competition was held on 5 December 2019 in participation with various government/statutory body agencies in the area of Putrajaya. The EAIC Mobile Legends e-Sports Team emerged as the Runners-up in the competition and brought home a trophy, cash prize, hamper and certificate of recognition.*






# PENGURUSAN KEWANGAN

FINANCIAL MANAGEMENT

# PENGURUSAN KEWANGAN
## FINANCIAL MANAGEMENT

### KEWANGAN

Kerajaan memperuntukkan dana yang mencukupi secara tahunan untuk membolehkan EAIC menunaikan fungsinya secara berkesan selaras dengan peruntukan yang dinyatakan di dalam Seksyen 46, Akta 700.

Bagi tahun 2019, batas perbelanjaan EAIC yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan (MOF) di bawah belanja mengurus adalah berjumlah **RM6,944,100.00.** Peruntukan tersebut bagi menampung perbelanjaan mengurus yang meliputi emolumen pegawai EAIC, emolumen serta elaun tetap Pengerusi dan Pesuruhjaya EAIC, kos operasi dan kos-kos pentadbiran EAIC.

Peruntukan mengurus tahun 2019 ini terdapat pengurangan sebanyak 13.50% berbanding peruntukan mengurus tahun 2018 **(2019: RM6,944,100.00**; **2018: RM8,024,700.00).** Perbelanjaan sebenar bagi tahun 2019 telah menurun sebanyak **2.11%** berbanding tahun 2018 **(2019: RM6,562,053.00**; **2018: RM6,703,669.00)**.

EAIC lebih memfokuskan perbelanjaan yang melibatkan operasi yang menumpukan kewajiban statutorinya di bawah seksyen 4(1) Akta 700. Urusan penyiasatan kes-kes aduan salah laku pegawai penguat kuasa dan agensi penguatkuasaan yang melibatkan 21 agensi perlu dilaksanakan EAIC secara sempurna. Aduan yang diterima daripada orang awam di seluruh negara semakin meningkat jumlahnya dan memerlukan tindakan segera dengan menjalankan siasatan yang cekap, pantas dan adil.

Peruntukan belanja mengurus 2019 disalurkan bagi setiap suku tahun adalah seperti berikut:

### *FINANCE*

*The government allocates sufficient funds annually to enable the EAIC to perform its functions effectively in line with the provisions of Section 46, Act 700.*

*For 2019, the EAIC expenditure limit approved by the Ministry of Finance under the heading Operating Expenditure was* ***RM6,944,100.00****. The allocation is provided to fund operations expenditure, which includes emolument of EAIC officials, emolument and permanent allowance of the Chairman and Commissioners of the EAIC, operating costs and administrative costs of the EAIC.*

*The operations allocation for 2019 was reduced by 13.5% in comparison to the allocation for 2018 (****2019: RM6,944,100.00; 2018: RM8,024,700.00****). The actual expenditure for 2019 was reduced by 2.11% in comparison to 2018 (****2019: RM6,562,053.00; 2018: RM6,703,669.00****).*

*The EAIC is more focused on expenditure that involves operations centred on its statutory obligations under section 4(1), Act 700. Investigations of complaints of malfeasance by enforcement officers and enforcement agencies involving 21 agencies in total, must be properly conducted by the EAIC. Complaints received from the public nationwide are increasing in number and require immediate action in the form of efficient, swift and fair investigations.*

*The allocation for operations expenditure in 2019 were disbursed quarterly according to the following:*

**Peruntukan Geran Yang Diterima Tahun 2019**
*Allocation of Grant Received in 2019*

| BIL<br>*NO.* | TEMPOH PENYALURAN PERUNTUKAN<br>*PERIOD OF ALLOCATION DISTRIBUTION* | TARIKH TERIMA PERUNTUKAN<br>*DATE OF RECEIPT OF ALLOCATION* | JUMLAH (RM)<br>*TOTAL (RM)* |
|---|---|---|---|
| 1 | Suku Tahun Pertama (Januari-Mac)<br>*First Quarter (January-March)* | 07.01.2019 | 1,736,025.00 |
| 2 | Suku Tahun Kedua (April-Jun)<br>*Second Quarter (April-June)* | 13.05.2019 | 1,736,025.00 |
| 3 | Suku Tahun Ketiga (Julai-September)<br>*Third Quarter (July-September)* | 12.09.2019 | 1,736,025.00 |
| 4 | Suku Tahun Keempat (Oktober-Disember)<br>*Fourth Quarter (October-December)* | 24.10.2019 | 1,736,025.00 |
| **JUMLAH KESELURUHAN (RM)**<br>***OVERALL TOTAL (RM)*** | | | **6,944,100.00** |

Selain dari geran Kerajaan sebanyak RM6,944,100.00, EAIC turut memperolehi RM83,564.00 dari sumber pendapatan lain yang merangkumi faedah diterima dari pelaburan simpanan tetap, akaun semasa serta bayaran balik pelbagai.

*In addition to the Government grant of RM6,944,100.00, EAIC also acquired a sum of RM83,564.00 from other sources of income including interest on fixed deposits, current accounts as well as various returns.*

Perbelanjaan Suruhanjaya Bagi Tahun 2019 secara keseluruhannya adalah seperti berikut:

*The overall expenditure of the Commission in 2019 was as follows:*

**Perbelanjaan Tahun 2019**
*2019 Expenditure*

| PERBELANJAAN<br>*EXPENDITURE* | JUMLAH RM<br>*TOTAL RM* | PERATUS PERBELANJAAN %<br>*PERCENTAGE EXPENDITURE %* |
|---|---|---|
| Emolumen<br>*Emoluments* | 4,588,607.00 | 69.94 |
| Perkhidmatan dan Bekalan<br>*Services and Supplies* | 1,747,780.00 | 26.63 |
| Aset<br>*Assets* | 9,900.00 | 0.15 |
| Kerja Dalam Kemajuan<br>*Work in Progress* | 95,400.00 | 1.45 |
| Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain<br>*Other Expenses* | 120,366.00 | 1.83 |
| **JUMLAH KESELURUHAN**<br>***OVERALL TOTAL*** | **6,562,053.00** | **100.00** |

Perbelanjaan keseluruhan untuk tahun 2019 dicatatkan sebanyak RM6,562,053.00 iaitu penurunan sebanyak 2% berbanding tahun sebelumnya (2018: RM6,703,669.00). Perbelanjaan EAIC meliputi emolumen pegawai dan kakitangan, emolumen serta elaun Pengerusi dan Pesuruhjaya, tuntutan perjalanan, utiliti, bekalan dan perkhidmatan, aset dan perbelanjaan lain.

*The overall expenditure for 2019 was recorded at RM6,562,053.00, marking a 2% decrease compared to the previous year (2018: RM6,703,669.00). EAIC's expenses include emoluments of officials and staff, emoluments and allowances of the Chairman and Commissioners, travel claims, utilities, supplies and services, assets and other outgoings.*

Perbelanjaan emolumen bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM4,588,607.00 peningkatan sebanyak 3% berbanding tahun sebelumnya (2018: RM4,441,580.00).Peningkatan disebabkan oleh kenaikan gaji tahunan.

*The amount spent on emoluments in 2019 was RM4,588,607.00, marking an increase of 3% compared to the previous year (2018: RM4,441,580.00). This increase was due to annual salary increments.*

Perbelanjaan tuntutan perjalanan pegawai dan kakitangan EAIC bagi tahun 2019 adalah sebanyak RM101,287.00 telah meningkat 54% berbanding tahun sebelumya (2018: RM65,767.00). Manakala perbelanjaan perkhidmatan penginapan dan kemudahan juga turut meningkat 31% (2019: RM86,727.00; 2018: RM66,257.00).

*The outgoings for EAIC officials and staff travel claims in 2019 was RM101,287.00, an increase of 54% compared to the previous year (2018: RM65,767.00). Outgoings for accommodation and facilities also increased by 31% (2019: RM86,727.00; 2018: RM66,257.00).*

Perbelanjaan alat tulis dan percetakan juga telah meningkat sebanyak 52% (2019:RM107,959.00; 2018:RM71,197.00). Peningkatan perbelanjaan ini adalah disebabkan oleh peningkatan percetakan Rang Undang-Undang IPCMC.

*Expenditure for stationery and printing also rose by 52% (2019: RM107,959.00; 2018: RM71,197.00). The increase was due to an increase in printing of the IPCMC Bill.*

Elaun Pesuruhjaya telah menunjukkan penurunan sebanyak 30% (2019:RM636,408.00; 2018:RM909,470). Penurunan ini disebabkan oleh pemendekan tempoh perkhidmatan Pesuruhjaya yang berakhir pada 30 September 2019.

*Commissioners' allowances indicated a decrease of 30% (2019: RM636,408.00; 2018: RM909,470). This was due to the reduction of Commissioners' tenures, which ended on 30 September 2019.*

Perbelanjaan Mesyuarat bagi tahun 2019 telah menurun sebanyak 38% (2019:RM32,595.00; 2018:RM52,160.00). Penurunan ini disebabkan oleh mesyuarat yang diadakan secara dalaman tidak disediakan makan dan minum selaras dengan langkah penjimatan.

*Meetings' Expenditure for 2019 decreased by 38% (2019: RM32,595.00; 2018: RM52,160.00) This was due to food and beverages no longer being served during internal meetings as a cost-saving measure.*

Perbelanjaan am bagi tahun 2019 juga menurun sebanyak 28% berbanding tahun sebelumnya (2019:RM239,624.00; 2018:RM330,534.00). Perbelanjaan ini meliputi perbelanjaan bagi rawatan perubatan pegawai dan kakitangan EAIC, insuran kemalangan, bayaran perkhidmatan profesional dan bayaran pekerja sambilan harian.

*General expenditure in 2019 also decreased by 28% compared to the previous year (2019: RM239,624.00; 2018: RM330,53400). This expenditure included outgoings for medical treatment of EAIC officials and staff, accident insurance, payments for professional services and payment of daily part-time workers.*

EAIC tidak memperuntukkan cukai pendapatan semenjak ditubuhkan bermula dari tahun 2011 sehingga 2018. Semasa penubuhannya pada 1 April 2011, perbelanjaan EAIC telah menggunakan peruntukan Pentadbiran Am, Jabatan Perdana Menteri (PAJPM). EAIC hanya mengambil alih sepenuhnya tadbir urus kewangan daripada

*EAIC has not earmarked any income tax allocation since its establishment in 2011 to 2018. At the time of its establishment on 1 April 2011, EAIC's expenditure came under the General Administration allocation of the Prime Minister's Department. EAIC took over in full the administration of its finances from the Prime Minister's Department in 2013. As it is a Federal*

Jabatan Perdana Menteri (JPM) mulai tahun 2013. Memandangkan EAIC merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan (BPP) dan mempunyai hasil dari faedah akaun semasa dan simpanan tetap yang dilaburkan mulai tahun 2016, EAIC turut tidak terkecuali dari dikenakan bayaran cukai pendapatan. Oleh yang demikian, EAIC telah mengemukakan surat permohonan pengecualian Cukai Pendapatan bagi tahun taksiran 2013 hingga 2016 di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), walau bagaimanapun permohonan tersebut tidak diluluskan.

Berdasarkan maklum balas yang diterima, EAIC sekali lagi telah mengemukakan permohonan rayuan pengecualian cukai pendapatan bagi tahun taksiran 2013 hingga 2016 kepada MOF namun permohonan rayuan tersebut juga tidak dapat dipertimbangkan. Sehubungan dengan itu, EAIC perlu membuat bayaran serta memohon pengecualian penalti kepada pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) sebagaimana saranan oleh MOF.

Selaras dengan keputusan tersebut, pada tahun 2018 EAIC telah membuat pembayaran cukai pendapatan berjumlah RM33,310.00. Pembayaran ini merangkumi cukai pendapatan tahun 2017 berjumlah RM19,390.00 termasuk bayaran penalti untuk tahun 2017 sebanyak RM1,762.73. Manakala untuk tahun 2018 cukai pendapatan yang dibayar adalah sebanyak RM13,920.00.

Berdasarkan maklum balas LHDN, jumlah cukai pendapatan bagi tahun taksiran 2013 hingga 2016 yang dikenakan adalah sebanyak RM60,256.00 tidak termasuk penalti. Manakala anggaran cukai pendapatan bagi tahun taksiran semasa (2019) yang perlu dibayar oleh EAIC adalah RM18,720.00. Bayaran keseluruhan cukai taksiran yang telah dijelaskan oleh EAIC adalah berjumlah RM78,976.00 pada tahun kewangan 2019.

Oleh yang demikian, dengan jumlah pendapatan sebanyak RM7,027,664.00, perbelanjaan RM6,516,409.00 dan cukai pendapatan RM78,976.00 pada tahun 2019, EAIC memperolehi lebihan

*Statutory Body and has revenue from the interest earned on its current accounts and fixed deposits invested beginning from 2016, the Commission is not exempted from income tax. As such, EAIC has submitted a letter of application for the exemption of Income Tax for assessment years 2013 to 2016 under the Income Tax Act 1967, to the Ministry of Finance. However, the said application was not approved.*

*Based on feedback received, EAIC once again submitted an appeal for income tax exemption for assessment years 2013 - 2016 to the Ministry of Finance but the appeal was not considered. In relation thereto, the EAIC was compelled to make payment and apply for penalty payment exemption from the Inland Revenue Board, as recommended by the Ministry of Finance.*

*In line with the decision, in 2018 EAIC made payment for income tax at a sum of RM33,310.00. This payment covered income tax for the year 2017 amounting to RM19,390.00 including a penalty payment of RM1,762.73 for the same year. The tax paid for 2018 amounted to RM13,920.00.*

*Based on feedback from the Inland Revenue Board, the total income tax payable for assessment years 2013 to 2016 is RM60,256.00, excluding penalty. The estimated income tax for the current assessment year (2019) payable by EAIC is RM18,720.00. Overall tax already paid by EAIC amounted to RM78,976.00 for the 2019 financial year.*

*Therefore, from a total income of RM7,027,664.00, expenditure of RM6,516,409.00 and income tax of RM78,976.00 in 2019, EAIC had a surplus of*

sebanyak RM432,279.00 berbanding tahun sebelumnya (2018:RM1,103,086.00).

*RM432,279.00 compared to the previous year (2018: RM1,103,086.00).*

Secara keseluruhannya, prestasi perbelanjaan EAIC pada tahun 2019 adalah 94% daripada jumlah peruntukan yang telah disalurkan. Segala perbelanjaan dibuat secara berhemah melalui kawalan Pegawai Pengawal selaras dengan arahan yang dikeluarkan oleh MOF dan JPM. Fokus utama perbelanjaan adalah tertumpu kepada perbelanjaan yang komited.

*Overall, EAIC's expenditure performance in 2019 was 94% of the total allocation disbursed. All expenditure was made prudently under the direction of the Controlling Officer in line with the directives issued by the Ministry of Finance and the Prime Minister's Department. The main focus of expenditure was on committed expenses.*

Pada masa yang sama, terdapat peningkatan sebanyak 2% bagi tanggungan semasa EAIC untuk tahun 2019 berbanding tahun 2018 (2019: RM103,299.00; 2018:RM101,373.00). Namun begitu, kedudukan kewangan pada tahun 2019 masih berada di landasan terbaik berdasarkan kepada peningkatan nisbah kewangan semasa (44:1) berbanding tahun sebelumnya (40:1). Justeru, EAIC mempunyai aset cair yang mencukupi untuk mengendalikan pengoperasiannya serta mampu membayar obligasi kewangan yang ada.

